INTI-PATI
AQIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH
(8 MATAN AQIDAH)

1. Matan al-Mursyidah
(Imam Ibnu ‘Asakir, w 620H / Tajuddin al-Subki w 771H)

2. Matan al-Hamawi
(Imam Ibnu ‘Atiyyah al-Hamawi, wafat 936 hijrah)

3. Matan al-Nawawi
(Imam Yahya bin Syaraf al-Nawawi, wafat 676 hijrah)

4. Matan Ummu Barahin
(Imam Muhammad bin Yusuf al-Sanusi, wafat 895 hijrah)

5. Matan al-Aqidah al-Awwam
(Imam Sayyid Ahmad al-Marzuqi, wafat 1262 hijrah)

6. Matan 'Aqidah Ahlil Islam
(Imam Sayyid Abdillah al-Haddad, wafat 1132 hijrah)

7. Matan al-Qayrawani
(Imam Abi Zaid al-Qayrawani, wafat 396 hijrah)

8. Matan al-Tohawiyah
(Imam Abi Jaafar al-Tohawi, wafat 321 hijrah)

Terjemahan;
USTAZ AHMAD ADNAN FADZIL

مَتْنُ الْعَقِيْدَةِ الْمُرْشِدَةِ

MATAN AQIDAH AL-MURSYIDAH[1]

بسم الله الرحمن الرحيم، اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَاْلَمِيْنَ وَصَلَّى اللّٰهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْأَوَّلِيْنَ وَالْآخِرِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَاْبِهِ الطَّيِّبِيْنَ الطَّاْهِرِيْنَ.

"Dengan nama Allah, Tuhan maha pemurah lagi maha penyayang. Segala pujian milik Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam Allah limpahkan ke atas penghulu kita (Nabi) Muhammad SAW, penghulu sekelian manusia yang awal dan yang akhir, serta ke atas ahli keluarga baginda dan para sahabatnya insan-insan yang orang baik lagi suci".

Berkata Imam Tajuddin al-Subki (wafat 771 hijrah);

العقيدة المرشدة هي

"Aqidah al-Mursyidah ialah;

اِعْلَمْ أَرْشَدَنَا اللّٰهُ وَإِيَّاكَ أَنَّهُ يَجِبُ عَلَى كُلِّ مُكَلَّفٍ أَنْ يَعْلَمَ،

Ketahuilah olehmu –semoga Allah menunjuki kami dan juga kamu (ke jalan yang benar)- bahawa wajib atas setiap mukallaf[2] untuk mengetahui;

أَنَّ اللّٰهَ عَزَّ وَجَلَّ وَاْحِدٌ فِيْ مُلْكِهِ،

1. "Bahawasanya Allah azza wa jalla adalah esa (tiada sekutu) dalam kekuasaanNya",

---

[1] Sebagaimana yang direkodkan oleh Imam Tajuddin al-Subki (wafat 771 hijrah) dalam kitabnya Tobaqat al-Syafiiyyah al-Kubra. Diceritakan bahawa Imam Fakhruddin Ibnu Asakir (wafat 620 hijrah) mengajarkan matan Aqidah ini semasa hayatnya (Tobaqat al-Syafiiyyah al-Kubra, al-Maktabah al-Syamilah, 8/185). Kerana itu, ada penulis menyebutkannya sebagai Aqidah Imam Ibnu 'Asakir.

[2] Mukallaf bermaksud seorang yang berakal dan baligh (sampai umur).

خَلَقَ الْعَاْلَمَ بَأَسْرِهِ الْعُلْوِيَّ وَالسُّفْلِيَّ وَالْعَرْشَ وَالْكُرْسِيَّ، وَالسَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ وَمَا فِيْهِمَا وَمَا بَيْنَهُمَا،

2. "Dialah yang menciptakan keseluruhan alam ini merangkumi alam tinggi dan alam rendah, 'Araysh dan Kursi, sekelian langit dan bumi, serta segala makhluk yang ada di langit dan bumi dan yang ada di antara keduanya",

جَمِيْعُ الْخَلاَئِقِ مَقْهُوْرُوْنَ بِقُدْرَتِهِ، لاَ تَتَحَرَّكُ ذُرَّةٌ إِلاَّ بِإِذْنِهِ، لَيْسَ مَعَهُ مُدَبِّرٌ فِي الْخَلْقِ وَلاَ شَرِيْكٌ فِي الْمُلْكِ،

3. "Sekelian makhluk tertakluk (terikat) dengan qudrahNya[3]. Tidak ada ada satu zarahpun yang bergerak (di alam ini) melainkan dengan izinNya. Tidak ada pentadbir bersamaNya dalam menguruskan sekelian makhluk (di alam ini) dan Dia tidak memiliki sebarang sekutu dalam kerajaanNya",

حَيٌّ قَيُّوْمٌ لاَ تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلاَ نَوْمٌ،

4. "Dia maha hidup dan maha berdiri sendiri. Tidak menimpaNya mengantuk dan juga tidur",

عَاْلِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَاْدَةِ،

5. "Dia mengetahui yang ghaib (yang terlindung) dan juga yang nampak",

لاَ يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلاَ فِي السَّمَاْءِ،

6. "Tidak tersembunyi kepadaNya suatupun yang ada di bumi ini mahupun yang ada di langit",

يَعْلَمُ مَاْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ، وَمَاْ تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلاَّ يَعْلَمُهَا، وَلاَ حَبَّةٍ فِيْ ظُلُمَاْتِ الأَرْضِ وَلاَ رَطْبٍ وَلاَ يَاْبِسٍ إِلاَّ فِي كِتَاْبٍ مُبِيْنٍ،

[3] Yakni kekuasaanNya.

7. “Dia mengetahui segala yang ada di daratan dan di lautan. Tiada sehelai daun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya. Tidak jatuh sebiji benih dalam kegelapan bumi (tanah) dan tidak ada (benda) yang basah (hidup) dan yang kering (mati) melainkan semuanya (diketahui oleh Allah dan tercatat) dalam kitab yang terang (luh mahfudz)”,

أَحَاْطَ بِكُلِّ شَىْءٍ عِلْمًا وَأَحْصَى كُلَّ شَىْءٍ عَدَدًا،

8. “Ilmu Allah meliputi segala sesuatu dan Dia menghitung segala perkara satu persatu”.

فَعَّالٌ لِمَاْ يُرِيْدُ،

9. “Dia maha melaksanakan segala yang dikehendakiNya”,

قَاْدِرٌ عَلَى مَاْ يَشَاْءُ،

10. “Dia berkuasa (melaksanakan) segala yang dimahuNya”,

لَهُ الْمُلْكُ،

11. “MilikNya kerajaan dan kekuasaan”,

وَلَهُ الْغِنَى،

13. “MilikNya kekayaan”,

وَلَهُ الْعِزُّ،

14. “MilikNya keizzahan (kemuliaan)”,

وَالْبَقَاْءُ،

15. “Serta (milikNya) kekekalan[4]”,

وَلَهُ الْحُكْمُ وَالْقَضَاْءُ،

---

[4] Yakni Dia tidak akan mati atau musnah selama-lamanya.

16. “MilikNya hukum (keputusan) dan qadha’ (penentuan)”,

وَلَهُ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى،

17. “Dan milikNya nama-nama terindah”,

لاَ دَاْفِعَ لِمَاْ قَضَى،

18. “Tiada siapa pun dapat menolak ketentuanNya”,

وَلاَ مَاْنِعَ لِمَاْ أَعْطَى،

19. “Tiada siapa pun yang dapat menghalang pemberianNya”,

يَفْعَلُ فِيْ مُلْكِهِ مَاْ يُرِيْدُ،

20. “Dia berkuasa melaksanakan dalam kerajaanNya segala yang dikehendakiNya”,

وَيَحْكُمُ فِيْ خَلْقِه بِمَاْ يَشَاْءُ،

21. “Dia berkuasa memutuskan kepada makhlukNya segala yang dimahuNya”,

لاَ يَرْجُوْ ثَوَاْبًا وَلاَ يَخَاْفُ عِقَاْبًا،

22. “Dia tidak mengharapkan habuan dan tidak pula takutkan balasan (dari perbuatan dan keputusanNya)”,

لَيْسَ عَلَيْهِ حَقٌّ (يَلْزَمُهُ) وَلاَ عَلَيْهِ حُكْمٌ،

23. “Dia tidak terikat dengan sebarang hak (kewajipan) atau hukum (keputusan) yang mesti dilaksanakanNya”[5]

---

[5] Yakni segala perbuatan dan keputusan Allah adalah semata-mata dari kehendakNya. Segala ciptaan, rezki dan pemberian Allah untuk makhluk-makhlukNya adalah semata-mata kurniaaNya untuk mereka, bukan kerana Dia terpaksa atau mesti memberinya untuk mereka.

وَكُلُّ نِعْمَةٍ مِنْهُ فَضْلٌ وَكُلُّ نِقْمَةٍ مِنْهُ عَدْلٌ،

24. “Setiap nikmat yang datang dariNya merupakan kurniaaNya semata-mata dan setiap pebalasan dariNya (yang ditimpakan ke atas mana-mana makhlukNya) merupakan keadilanNya,[6]

لاَ يُسْئَلُ عَمَّاْ يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُوْنَ،

25. “Dia tidak akan dipersoalkan tentang segala yang Dia lakukan, namun mereka (yakni makhluk-makhlukNya) akan dipersoalkan (segala perbuatan mereka)”[7],

مَوْجُوْدٌ قَبْلَ الْخَلْقِ،

26. “Dia wujud sebelum adanya makhluk”,[8]

لَيْسَ لَهُ قَبْلٌ وَلاَ بَعْدٌ،

27. “Tidak ada bagi zatNya ‘sebelum’ dan juga ‘selepas’”,[9]

وَلاَ فَوْقٌ وَلاَ تَحْتٌ، وَلاَ يَمِيْنٌ وَلاَ شِمَاْلٌ، وَلاَ أَمَاْمٌ وَلاَ خَلْفٌ،

28. “(Dan tidak ada bagi zatNya) ‘atas’ dan juga ‘bawah’, ‘kanan’ dan juga ‘kiri’, ‘depan’ dan juga ‘belakang’”,[10]

---

[6] Yakni Allah selama-lamanya tidak akan berbuat zalim kepada hamba-hambaNya termasuk mereka yang menderhaka kepadaNya.

[7] Surah al-Anbiyak, ayat 23.

[8] Kerana Dia adalah qadim (sedia ada) dan selainnya adalah hadith (baharu).

[9] Yakni dia tidak terikat dengan masa, kerana masa itu sediri merupakan ciptaanNya. Dia ada sebelum adanya masa, maka bagaimana untuk dikatakan Dia tertakluk dengan masa? Maka tidak boleh ditanya; apa yang ada sebelum Allah atau apa yang kekal selepas Allah?

[10] Yakni Allah wujud tanpa bertempat. Tempat (sama ada atas, bawah, kanan, kiri, depan belakang dan sebagainya) adalah ciptaan Allah. Dia telah wujud sebelum terciptanya tempat, maka bagaimana untuk dikatakan Dia bertempat (berarah)?

وَلاَ كُلٌّ وَلاَ بَعْضٌ،

29. “(Dan tidak ada bagi zatNya) ‘keseluruhan’ dan juga ‘sebahagian’”,[11]

وَلاَ يُقَالُ مَتَى كَانَ وَلاَ أَيْنَ كَانَ وَلاَ كَيْفَ،

30. “Tidak ditanya tentangNya; ‘Bila Dia mula ada?’, ‘Di mana Dia berada?’ dan ‘Bagaimana keadaanNya?’”,[12]

كَانَ وَلاَ مَكَانَ، كوَّنَ الأَكْوَانَ وَدَبَّرَ الزَّمَانَ، لاَ يَتَقَيَّدُ بِالزَّمَانِ وَلاَ يَتَخَصَّصُ بِالْمَكَانِ،

31. Dia telah ada pada ketika belum ada tempat. Dia yang menjadikan sekelian kejadian-kejadian (termasuk tempat) dan Dia yang mengaturkan masa, maka Dia tidak terkait dengan masa dan tidak terkhusus dengan tempat,

وَلاَ يَشْغَلُهُ شَأْنٌ عَنْ شَأْنٍ،

32. Satu urusan tidak menyibukkanNya dari sebarang urusan yang lain,

وَلاَ يَلْحَقُهُ وَهْمٌ، وَلاَ يَكْتَنِفُهُ عَقْلٌ، ولا يُتَخَصَّصُ بِالذِّهْنِ، وَلاَ يُتَمَثَّلُ فِي النَّفْسِ، وَلاَ يُتَصَوَّرُ فِي الْوَهْمِ، وَلاَ يُتَكَيَّفُ فِي الْعَقْلِ،

33. ZatNya tidak boleh dicapai oleh waham (sangkaan), tidak boleh dilingkungi oleh pemikiran, tidak dapat dikhususkan oleh otak, tidak dapat dijelmakan dalam jiwa dan tidak dapat digambarkan oleh khayalan, begitu juga tidak dapat diandaikan ‘bagaimana keadaannya’ dalam kotak pemikiran,

---

[11] Istilah keseluruhan atau sebahagian merujuk kepada bilangan, cantuman dan susunan, maka ia hanya sesuai diungkapkan bagi makhluk. Adapun Allah, zatNya adalah esa (tidak berbilang) dan tunggal (tidak tersusun dari sel-sel atau anggota-anggota), maka tidak layak diunggapkan keseluruhan atau sebahagian bagi zatNya.

[12] Soalan-soalan itu hanya wajar bagi makhluk, tidak wajar bagi Allah.

لاَ تَلْحَقُهُ الأَوْهَامُ وَالأَفْكَارُ، (لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَىْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ البَصِيرُ) ا.هـ

34. Segala waham (khayalan dan sangkaan manusia) dan segala pemikiran manusia tidak akan berupaya mencapai (yakni memahami) zatNya kerana “Tidak ada suatupun yang sama sepertiNya, dan Dialah yang maha mendengar lagi maha melihat”(tamat).

*****

مَتْنُ الْعَقِيْدَةِ لِلإِمَامِ الْحَمَوِيِّ (مَعْرِفَةُ اللهِ وَرَسُولِهِ)

MATAN AQIDAH (MENGENAL ALLAH & RASULNYA)
Oleh; Imam Ali bin Atiyah al-Hamawi (wafat 936H)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ،

"Dengan nama Allah, Tuhan maha pengasih, lagi maha penyayang".

قَالَ الشَّيخُ عَلِيُّ بْنُ عَطِيَّةِ اَلْحَمَوِيُّ (ت 936 هجرية):

Berkata Syeikh 'Ali bin 'Atiyah al-Hamawi (meninggal tahun 936 Hijrah);

نَشْهَدُ أَنَّ اللهَ مَوْجُودٌ، وَاجِبُ الْوُجُودِ، مُتَّصِفٌ: بِالْقِدَمِ: وَالْبَقَاءِ: وَالْوَحْدَانِيَّةِ: وَالْقِيَامِ بِنَفْسِهِ: وَالْمُخَالَفَةِ لِلْحَوَادِثِ،

"Kita bersaksi bahawa Allah itu wujud, iaitu wujud yang mesti[13] (*wajibul-wujud*), Dia bersifat dengan qidam (sedia ada), baqa' (kekal), wahdaniyah (esa), qiyam binafsihi (berdiri sendiri), dan mukhalafah li hawadith (berbeza dengan segala yang baharu[14])",

---

[13] Yakni tidak dapat tidak. Istilah yang digunakan oleh pengarang ialah wajibul-wujud yang memberi maksud; wujud yang wajib, yakni wajib pada akal, iaitu akal berkata; kewujudan Allah adalah wajib (mesti), kerana tanpa kewujudanNya mustahil akan wujud alam ini.

[14] Maksud baharu ialah yang berpemulaan, iaitu istilah yang merujuk kepada sekelian makhluk. Semua makhluk bersifat baharu kerana ia kewujudan hanya bermula apabila diciptakan Allah. Hanya satu zat sahaja yang tidak bersufat baharu iaitu Allah kerana dia adalah qadim (sedia ada). Oleh kerana Allah bersifat qadim sedang makhluk pula bersifat baharu maka Allah tidak menyamai mana-mana makhlukNya.

لَهُ ذَاتٌ وَصِفَاتٌ، ذَاتُهُ لاَ تُشْبِهُ الذَّوَاتَ، وَصِفَاتُهُ لاَ تُشْبِهُ الصِّفَاتِ،

"Dia memiliki zat dan juga sifat-sifat. ZatNya tidak menyerupai segala zat (makhluk) dan sifat-sifatNya tidak menyamai segala sifat (makhluk)[15]",

وَمِنْ صِفَاتِ ذَاتِهِ: الحَياةُ، وَالعِلْمُ، وَالقُدْرَةُ، وَالإِرَادَةُ، وَالسَمْعُ، وَالبَصَرُ، وَالْكَلاَمُ،

"Di antara sifat-sifat bagi zat Allah ialah; hayah (hidup), qudrah (berkuasa), iradah (berkehendak), sama' (mendengar), bashar (melihat) dan kalam (berkata-kata)",

فَهُوَ حَيٌّ، عَلِيْمٌ، قَدِيْرٌ، مُرِيْدٌ، سَمِيْعٌ، بَصِيْرٌ، مُتَكَلِّمٌ،

"Oleh itu, maka Dia (Allah) adalah Hayyun (Tuhan yang maha hidup), 'Alimun (Tuhan yang maha mengetahui), Qadierun (Tuhan yang maha berkuasa), Muridun (Tuhan yang maha berkehendak), Sami'un (Tuhan yang maha mendengar), Bashirun (Tuhan yang maha melihat) dan Mutakallimun (Tuhan yang maha berkata-kata)",

وَيَسْتَحِيْلُ فِيْ حَقِّهِ تعالى أَضْدَادُ هَذِهِ الصِّفَاتِ، وَكُلُّ وَصْفٍ لاَ يَلِيْقُ بِهِ كَالحُلُوْلِ وَالشِبْهِ،

"Mustahil bagi Allah memiliki sifat-sifat yang berlawanan dengan sifat-sifat tadi.[16] Begitu juga, mustahil bagi Allah segala sifat yang

[15] Yakni tidak ada sebarang makhluk yang serupa zatnya atau sifatnya dengan zat Allah atau sifat Allah. Kerana itu Allah tidak boleh dijelmakan atau digambarkan.
[16] Iaitu tiada, bermula, musnah, banyak, bergantung, menyerupai, mati, jahil, lemah, tiada kehendak, pekak, buta dan bisu.

tidak layak bagiNya seperti hulul (menempati pada makhluk) dan syabah (menyerupai makhluk)”,

وَيَجُوْزُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى فِعْلُ كُلِّ مُمْكِنٍ وَتَرْكُهُ،

“Harus bagi Allah untuk melakukan segala yang mumkin (*yakni yang harus ada atau harus tiada) dan meninggalkannya”,[17]

أَرْسَلَ الرُّسُلَ وَأَنْزَلَ الْكُتُبَ، فَنُؤْمِنُ بِهِ، وَبِمَلاَئِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَاليَوْمِ الآخِرِ، وَبِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ،

“Allah mengutuskan Rasul-Rasul dan menurunkan kitab-kitab, maka kita beriman denganNya, dengan malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari akhirat dan qadar yang baiknya dan yang buruknya dari Allah”,

ويَجِبُ فِي حَقِّ الأَنْبِياءِ وَالْرُسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ الصِّدْقُ، والأَمَانَةُ، وَتَبْلِيْغُ مَا أُمِرُوا بِإِبْلاَغِهِ،

“Wajib bagi hak para Nabi dan Rasul (bersifat); sidq (benar), amanah (tidak menyeleweng dari ajaran yang disampaikannya) dan tabligh (menyampaikan) apa yang diperintahkan agar disampaikan”,

وَيَسْتَحِيْلُ عَلَيْهِمْ أَضْدَادُ هَذِهِ الصِّفَاتِ وَهِيَ الكَذِبُ، وَالخِيَانَةُ،

---

[17] Kewujudan pada hukum akal terbahagi kepada tiga jenis iaitu; wujud yang wajib (mesti), wujud yang mustahil dan wujud yang mumkin (boleh ada dan boleh tiada). Wujud yang mumkin merangkumi sekelian makhluk. Kewujudan mana-mana makhluk bergantung sepenuhnya kepada kehendak Allah. Jika Dia mahu Dia mencipta mereka dan jika Dia enggan Dia boleh membiarkan mereka tanpa diciptakan. Tiada yang wajib (mesti) atas Allah mengikut iktiqad Ahlus Sunnah, tidak sebagaimana iktiqad sebahagian ahli kalam atau ahli falsafah.

وَكِتْمَانُ شَيْءٍ مِمَّا أُمِرُوا بِإِبْلاَغِهِ،

“Mustahil atas mereka (Nabi dan Rasul) sifat-sifat yang berlawanan dari sifat-sifat tadi, iaitu; kazib (berdusta), khiyanah (menyeleweng dari ajaran yang disampaikan) dan kitman (menyembunyi) apa yang diperintahkan supaya disampaikan”,

وَيَجُوْزُ فِي حَقِّهِمْ الأَعْرَاضُ البَشَرِيَّةُ الَّتِي لاَ تُنْقِصُ شَيْئاً مِنْ مَرَاتِبِهِمْ الْعِلِيَّةِ كَالمَرَضِ وَالجُوْعِ وَالنِكَاحِ، لاَ الجُنُونِ وَنَحْوِهِ،

“Harus bagi hak mereka (para Nabi dan Rasul) ciri-ciri kemanusiaan yang tidak mengurangkan sesuatu dari martabat mereka yang tinggi, seperti sakit, lapar, berkahwin dan kencing dan berak, tidak boleh ditimpa gila atau seumpamanya (yang mengurangkan martabatkan mereka yang mulia))”.

والحمد لله به تتم الصالحات، وصلى الله علي سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

مَتْنُ عَقَائِدِ الإِسْلَامِ وَأُصُوْلِ الأَحْكَامِ

للإمام النووي

MATAN AQIDAH ISLAM & ASAS-ASAS HUKUM ISLAM
Oleh; Imam Abu Zakaria Yahya bin Syaraf an-Nawawi (wafat 676 hijrah)[18]

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

"Dengan nama Allah, Tuhan ar-Rahman serta ar-Rahim",

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَاْلَمِيْنَ، وَالْعَاْقِبَةُ لِلْمُتَّقِيْنَ، وَلاَ عُدْوَاْنَ إِلاَّ عَلَى الظَّاْلِمِيْنَ،

"Segala puji milik Allah, Tuhan Rabbul-alamin. Kesudahan (yang baik) adalah milik orang-orang bertakwa. Tiada permusuhan melainkan terhadap orang-orang zalim",

وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاْتَمِ النَّبِيِّيْنَ، وَإِمَامِ الْمُتَّقِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَالتَّاْبِعِيْنَ وَسَاْئِرِ الصَّاْلِحِيْنَ، وَبَعْدُ:

"Selawat dan salam (kita pohonkan dari Allah) agar dilimpahkan ke atas penghulu kita Nabi Muhammad SAW yang menjadi penutup sekelian Nabi dan pemimpin golongan bertakwa, juga ke atas ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda serta ke atas para tabiin dan sekelian orang soleh. Wa ba'du;",

فِيْ بَيَاْنِ عَقَاْئِدِ الإِسْلَامِ وَأُصُوْلِ الأَحْكَامِ

"(Matan ini adalah) untuk menjelaskan perkara-perkara aqidah dalam Islam dan asas-asas hukum (dalam Syariat Islam)",

---

[18] Matan ini diambil dari kitab beliau;

اَلْمَقَاصِدُ النَّوَوِيَّةُ، طبعة دار البشائر الإسلامية للطباعة والنشر والتوزيع، بيروت (1413هـ/1992م).

أَوَّلُ وَاْجِبٍ عَلَى الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَةُ اللهِ تَعَالَى، وَهِيَ:

"Perkara pertama yang wajib dilakukan oleh seorang mukallaf ialah mengenal Allah Ta'ala (makrifatulllah), iaitu mengenaliNya sebagai;

مَوْجُوْدٌ لَيْسَ بِمَعْدُوْمٍ،

"Yang maujud (ada), bukan yang tiada",

قَدِيْمٌ لَيْسَ بِحَاْدِثٍ،

"Yang bersifat qidam (sedia ada), bukan yang baharu",

بَاْقٍ لاَ يَطْرَأُ عَلَيْهِ الْعَدَمُ،

"Yang bersifat baqa (kekal), iaitu tidak akan menimpaNya kematian/ketiadaan",

مُخَاْلِفٌ لِلْحَوَاْدِثِ لاَ شَيْءَ يُمَاْثِلُهُ،

"Yang berbeza dari segala yang baharu, iaitu tiada suatupun yang menyerupaiNya",

قَاْئِمٌ بِنَفْسِهِ، لاَ يَحْتَاْجُ إِلَى مَحَلٍّ أَوْ مُخَصِّصٍ،

"Yang berdiri dengan diriNya sendiri, iatu Dia tidak berhajat kepada sebarang tempat dan kepada zat yang mentakhsiskanNya (yakni yang menentukan kewujudanNya)",

وَاْحِدٌ لاَ مُشَاْرِكٌ لَهُ فِيْ ذَاْتِهِ وَلاَ صِفَاْتِهِ وَلاَ فِيْ أَفْعَاْلِهِ،

"Yang esa (tunggal), iaitu tiada sekutu bagiNya sama ada pada zatNya, sifat-sifatNya dan perbuatan-perbuatanNya".

لَهُ الْقُدْرَةُ، وَالإِرَاْدَةُ، وَالْعِلْمُ، وَالْحَيَاْةُ، وَالسَّمْعُ، وَالْبَصَرُ، وَالْكَلاَمُ،

"Dia memiliki sifat qudrah (kuat), iradah (berkehendak), ilmu (mengetahui), hayah (hidup), sama' (mendengar), basar (melihat) dan kalam (berkata-kata)",

فَهُوَ الْقَاْدِرُ، وَالْمُرِيْدُ، وَالْعَاْلِمُ، وَالْحَيُّ، وَالسَّمِيْعُ، وَالْبَصِيْرُ، وَالْمُتَكَلِّمُ.

"Maka (natijah dari sifat-sifat tersebut), Dia adalah Zat yang maha berkuasa, yang maha berkehendak, yang maha

mengetahui, yang maha hidup, yang maha mendengar, yang maha melihat dan yang maha berkata-kata”.

أَرْسَلَ بِفَضْلِهِ الرُّسُلَ،

“Dengan kurniaanNya Dia mengutuskan para Rasul (kepada umat manusia)”,

وَتَوَلاَّهُمْ بِعِصْمَتِهِ إِيَّاهُمْ عَمَّا لاَ يَلِيْقُ بِهِمْ، فَهُمْ مَعْصُوْمُوْنَ مِنَ الصَّغَائِرِ وَالْكَبَائِرِ قَبْلَ النُّبُوَّةِ وَبَعْدَهَا،

“Dengan pemeliharaanNya terhadap mereka, Dia menjaga mereka dari sebarang perkara yang tidak layak dengan kedudukan mereka (sebagai utusanNya). Maka (dengan pemeliharaan Allah itu), para Rasul adalah hamba-hamba Allah yang maksum (terpelihara) dari segala dosa sama ada yang kecil maupun yang besar, sebelum kenabian mereka dan juga selepasnya”,

مُنَزَّهُوْنَ عَنْ كُلِّ مُنَفِّرٍ طَبْعًا كَالْجُذَامِ وَالْعَمَى،

“Begitu juga, mereka dijauhkan Allah dari sebarang (penyakit atau kecacatan) pada fizikal yang dapat melarikan orang dari mereka seperti penyakit kusta dan buta”,

وَيَنْكِحُوْنَ، يَأْكُلُوْنَ وَيَشْرَبُوْنَ

“Mereka makan, minum dan juga berkahwin”,

وَهُمْ أَفْضَلُ الْخَلْقِ عَلَى الإِطْلاَقِ وَتَفْصِيْلٍ فِي الْمَلاَئِكَةِ،

“Mereka adalah makluk Allah yang terbaik secara umum (berbanding dengan semua makhluk) dan secara khusus (tafsil) berbanding dengan malaikat”,

وَأَعْلَى الْكُلِّ مَنْ خَتَمَ اللهُ بِهِ النُّبُوَّةَ، وَنَسَخَ شَرْعُهُ الشَّرَائِعَ نَبِيُّنَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،

“Paling tinggi di antara semua mereka ialah Rasul yang Allah menutup pangkat kenabian dengan kedatangannya dan Syariat yang dibawanya menasakhkan Syariat-Syariat (Rasul terdahulu), iaitulah Nabi kita Muhammad SAW”,

وَأَصْحَابُهُ خَيْرُ الْقُرُوْنِ،

“Sahabat-sahabat baginda adalah sebaik-baik kurun (generasi)”,

وَأَفْضَلُهُمْ أَبُوْ بَكْرٍ، ثُمَّ عُمَرُ، ثُمَّ عُثْمَاْنُ، ثُمَّ عَلِيٌّ رِضْوَاْنَ اللهِ تَعَاْلَى عَلَيْهِمْ أَجْمَعِيْنَ.

"Orang terbaik di kalangan sahabat baginda ialah Abu Bakar RA, kemudian Umar RA, kemudian Usman RA dan seterusnya Ali RA (semoga Allah melimpahi redhaNya ke atas semua mereka)".

وَنُؤْمِنُ بِجَمِيْعِ مَاْ أَخْبَرَنَاْ بِهِ عَلَى لِسَاْنِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَالْمَلَاْئِكَةِ، وَالْكُتُبِ السَّمَاْوِيَّةِ، وَالسُّؤَاْلِ، وَالْبَعْثِ، وَالْحَشْرِ، وَهَوْلِ الْمَوْقِفِ، وَأَخْذِ الصُّحُفِ، وَالْوَزْنِ وَالْمِيْزَاْنِ، وَالصِّرَاْطِ، وَالشَّفَاْعَةِ، وَالْجَنَّةِ، وَالنَّاْرِ،

"Kita beriman dengan semua perkhabaran yang diberitahu Allah kepada kita melalui lisan NabiNya Muhammad SAW, seperti; kewujudan Malaikat, Kitab-Kitab Samawi, soalan kubur, kebangkitan setelah mati, perhimpunan di Mahsyar, kedahsyatan ketika berada di Mahsyar, penerimaan buku catatan amalan, wazan dan mizan (timbangan), sirat (titian), syafaat, syurga dan neraka",

وَكُلُّ مَاْ عُلِمَ مِنَ الدِّيْنِ بِالضَّرُوْرَةِ فَالإِيْمَاْنُ بِهِ وَاْجِبٌ، وَالْجَاْحِدُ بِهِ كَاْفِرٌ.

"Semua yang diketahui dari agama secara daruri, maka beriman dengannya adalah wajib dan orang yang menyangkalnya adalah kafir".

وَأَرْكَانِ الإِسْلاَمِ خَمْسَةُ أَشْيَاْءَ: اَلشَّهَاْدَتَاْنِ وَلاَ صِحَّةَ لَهُ بِدُوْنِهِمَا، وَالصَّلاَةُ، وَالزَّكَاْةُ، وَالْحَجُّ، وَصَوْمُ رَمَضَاْنَ.

"Rukun Islam ada lima:

1. Mengucap dua kalimah syahadah. Tidak sah keislaman tanpa mengucapkan kedua-duanya,
2. Mengerjakan solat,
3. Menunaikan zakat,
4. Mengerjakan haji, dan;
5. Berpuasa di bulan Ramadhan".

وَشُرُوْطُهُ الْبُلُوْغُ وَالْعَقْلُ إِلاَّ فِي التَّبْعِيَةِ، وَبُلُوْغُ الدَّعْوَةِ، وَالاِخْتِيَارُ إِلاَّ فِي الْحَرْبِيِّ وَالْمُرْتَدِّ، وَالإِتْيَانُ بِالشَّهَادَتَيْنِ وَتَرْتِيْبُهُمَا وَمُوَالاَتُهُمَا وَلَفْظُ (أَشْهَدُ) فِيْهِمَا، وَمَعْرِفَةُ الْمَعْنَى الْمُرَادُ مِنْهُمَا وَالْإِقْرَارُ بِمَا أَنْكَرَهُ مَعَهُمَا وَالتَّنْجِيْزُ.

"Syarat-syarat sah keislaman ialah:
1. Baligh dan berakal: kecuali orang yang mengikuti dua ibu-bapanya yang muslim (maka dia turut menjadi muslim sekalipun belum baligh atau tidak berakal),
2. Sampai dakwah Islam kepadaNya,
3. Dengan pilihan sendiri: kecuali dalam masalah kafir harbi dan orang murtad,
4. Mengucap dua kalimah syahadahdengan tartib antara keduanya, secara muwalat, dengan melafazkan "asyhadu" (aku bersaksi) pada kedua-duanya, mengetahui makna yang dikehendaki dari keduanya, mengakui apa yang perlu diengkari (ditolak) bersama (pengakuannya kepada) keduanya dan dengan putus (at-tanjiz)".

وَحَقِيْقَةُ الْإِيْمَانِ التَّصْدِيْقُ بِاللهِ وَمَلاَئِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ وَبِالْقَضَاءِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ.

"Hakikat iman ialah membenarkan (tasdiq) tentang Allah, para MalaikatNya, Kitab-KitabNya, Rasul-RasulNya, Hari Akhirat dan Qadha (ketentuan Allah): yang baiknya dan yang buruknya".

وَأُمُوْرُ الدِّيْنِ ثَلاَثَةٌ: اِتِّبَاعُ الأَوَامِرِ، وَاجْتِنَابُ الْمَنَاهِيْ، وَالتَّسْلِيْمُ لِلْقَضَاءِ وَالْقَدَرِ.

"(Tanda kepatuhan kepada) urusan-urusan agama ada tiga:
1. Mengikuti segala perintah,
2. Menjauhi segala larangan,
3. Berserah kepada Qadha dan Qadar",

وَأَحْكَامُ الشَّرْعِ خَمْسَةٌ: وَاجِبٌ، وَمَنْدُوْبٌ، وَحَرَامٌ، وَمَكْرُوْهٌ، وَمُبَاحٌ.

"Hukum-hakam Syarak ada lima:

1. Wajib
2. Mandub (sunat)
3. Haram
4. Makruh
5. Mubah (harus)”,

فَالْوَاْجِبُ مَا يُثَابُ عَلَى فِعْلِهِ وَيُعَاقَبُ عَلَى تَرْكِهِ.

“Wajib: amalan yang diberi pahala melakukannya dan disiksa apabila meninggalkannya”,

وَالْمَنْدُوْبُ مَاْ يُثَاْبُ عَلَى فِعْلِهِ وَلاَ يُعَاقَبُ عَلَى تَرْكِهِ.

“Mandub: amalan yang diberi pahala melakukannya dan tidak disiksa meninggalkannya”,

وَالْحَرَامُ مَا يُثَابُ عَلَى تَرْكِهِ وَيُعَاقَبُ عَلَى فِعْلِهِ

“Haram: amalan yang diberi pahala meninggalkannya dan disiksa kerana melakukannya”,

وَالْمَكْرُوْهُ مَا يُثَابُ عَلَى تَرْكِهِ وَلاَ يُعَاقَبُ عَلَى فِعْلِهِ.

“Makruh: amalan yang diberi pahala meninggalkannya dan tidak disiksa kerana melakukannya”,

وَالْمُبَاحُ مَا لاَ يُثَابُ عَلَى فِعْلِهِ وَلاَ يُعَاقَبُ عَلَى تَرْكِهِ.

“Harus: amalan yang tidak diberi pahala melakukannya dan tidak disiksa kerana meninggalkannya”.

وَقَوْلُ أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَّسُوْلُ اللهِ وَاْجِبٌ فِي الْعُمْرِ مَرَّةً، وَالإِكْثَارُ مِنْهُ مَحْبُوْبٌ، وَمَعْنَاْهُمَا الإِقْرَارُ لِلَّهِ بِالْوَحْدَانِيَّةِ، وَلِسَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالرِّسَالَةِ.

“Ucapan dua syahadah “*Asyhadu anla ilaha illallah wa asyhadu anna muhammadar-rasulullah*” wajib diucapkan (oleh mukallaf) sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Memperbanyakkannya adalah disukai (oleh Syarak). Makna dua syahadah itu ialah; pengakuan bagi Allah dengan bersaksi akan keesaanNya (iaitu bagi ucapan syahadah pertama) dan pengakuan bagi Nabi Muhammad SAW dengan bersaksi akan kerasulannya”,

وَأُصُولُ الدِّيْنِ أَرْبَعَةٌ: اَلْكِتَابُ وَالسُّنَّةُ وَالإِجْمَاعُ وَالْقِيَاسُ الْمُعْتَبَرَانِ، وَمَا خَالَفَ هِذِهِ الأَرْبَعَةَ فَهُوَ بِدْعَةٌ وَمُرْتَكِبَهُ مُبْتَدِعٌ يَتَعَيَّنُ اجْتِنَابُهُ وَزَجْرُهُ.

"Sumber agama ada empat:
1. Kitab Allah (al-Quran)
2. Sunnah Nabi
3. Ijmak yang muktabar, dan;
4. Qiyas yang muktabar.
Segala yang menyalahi empat sumber hukum ini ia adalah bid'ah dan pelakunya ialah seorang pembid'ah yang wajib secara fardhu 'ain menjauhi dan menegahnya",

وَمِنَ الْمَطْلُوْبِ اِعْتِقَادُ مَنْ عَلِمَ وَعَمِلَ وَلاَزَمَ أَدَبَ الشَّرِيْعَةِ وَصُحْبَ الصَّالِحِيْنَ، وَأَمَّا مَنْ كَانَ مَسْلُوْبًا عَقْلُهُ، أَوْ مَغْلُوْبًا عَلَيْهِ كَالْمَجَاذِيْبِ فَنُسَلِّمُ لَهُمْ وَنُفَوِّضُ إِلَى اللهِ شَأْنَهُمْ مَعَ وُجُوْبِ إِنْكَارِ مَا يَقَعُ مِنْهُمْ مُخَالِفًا لِظَاهِرِ الأَمْرِ حِفْظًا لِقَوَانِيْنِ الشَّرْعِ.

"Yang dituntut oleh agama (ke atas setiap mukallaf) ialah beraqidah sebagaimana aqidah para ulamak yang beramal soleh dan menjaga adab-adab Syariat, serta mendampingi orang-orang soleh. Adapun orang-orang yang tidak keruan aqal mereka seperti golongan al-Majazib, maka urusan mereka kita serahkan kepada Allah dengan pada masa yang sama wajib kita mengingkari perlakuan mereka yang bercanggah dengan arahan (Allah) yang nyata. Pendirian itu adalah untuk menjaga peraturan dan undang-undang Syariat".

الحمد لله به تتم الصالحات

متن أم البراهين للإمام السنوسي

MATAN UMMU AL-BARAHIN
Oleh; Imam Muhammad bin Yusuf al-Sanusi (wafat 895 hijrah)

بسم الله الرحمن الرحيم

((Dengan Nama Allah, Tuhan maha pengasih, lagi maha penyayang))

اَلحَمْدُ للهِ، وَّالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُولِ اللهِ.

Segala pujian dan sanjungan milik Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW

أعْلَمْ أَنَّ الْحُكْمَ العَقْليَّ يَنْحَصِرُ فِي ثَلاَثَةِ أَقْسَامٍ: الْوُجُوبِ، وَالاِسْتِحَالَةِ، وَالجَوَازِ.

Ketahuilah bahawasanya hukum akal itu terbatas kepada tiga bahagian, iaitu; wajib, mustahil dan harus.

فَالْوَاجِبُ: مَالا يُتَصَوَّرُ فِي الْعَقْلِ عَدَمُهُ، وَالْمُسْتَحِيلُ: مَالاَ يُتَصَوَّرُ فِي الْعَقْلِ وُجُودُهُ، وَالجَائِزُ: مَا يَصِحُّ فِي الْعَقْلِ وَجودَهَ وَعَدَمُهُ.

Wajib ialah; perkara yang tidak tergambar dalam akal ketiadaannya. Mustahil ialah perkara yang tidak tergambar dalam akal kewujudannya. Harus pula ialah; perkara yang boleh diterima akal kewujudannya dan ketiadaannya.

وَيَجِبُ عَلَى كُلِّ مُكَلَّفٍ شَرْعًا أَنْ يَعْرِفَ مَا يَجِبُ فِي حَقِّ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ، وَمَا يَسْتَحِلُ، وَمَا يَجُوزُ.

Wajib atas setiap mukallaf secara syarak untuk mengetahui apa yang wajib bagi hak Allah, apa yang mustahil dan apa yang harus.

وَكَذَا يَجِبُ عَلَيْهِ أَنْ يَعْرِفَ مِثْلَ ذلِكَ فِي حَقِّ الرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَّالسَّلاَمُ.

Begitu juga, wajib atasnya mengetahui seumpama itu juga bagi hak para Rasul AS (yakni perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi para Rasul).

فِمَمَّا يَجِبُ لِمَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ: الْوَجُودُ، وَالْقِدَمُ، وَالبَقَاءُ، وَمُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ، وَقِيَامُهُ تَعَالَى بِنَفْسِهِ: أَيْ لاَ يَفْتَقِرُ إِلَى مَحَلَّ، وَلاَ مُخصِّصٍ، وَالْوَحْدَانِيَّةُ: أَيْ لاَ ثَانِيَ لَهُ فِي ذَاتِهِ، وَلاَ فِي صِفَاتِهِ، وَلاَ فِي أَفْعَالِهِ، فَهذِهِ سِتُّ صِفَاتٍ: اْلأُولَى نَفْسِيَّةٌ وَهِيَ الْوَجُودُ، وَالخَمْسَةُ بَعْدَهَا سَلْبِيَّةٌ.

Maka di antara sifat yang wajib bagi Tuhan kita ‘azzawajalla ialah 20 sifat, iaitu; wujud (ada), qidam (sedia ada), baqa (kekal), mukhalafatuhi lil-hawadith (berbezanya dengan segala yang baharu iaitu makhluk), qiyamuhu binafsihi (berdirinya dengan sendiri); iaitu Dia tidak memerlu kepada tempat dan juga pentakhsis dan wahdaniyah (esa/tunggal); iaitu tidak ada dua baginya pada zatNya, pada sifat-sifatNya dan juga pada perbuatan-perbuatanNya. Inilah enam sifat; sifat yang pertama adalah nafsiyah (sifat diri) iaitulah sifat wujud, sementara lima selepasnya adalah salbiyah.

ثُمَّ يَجِبُ لَهُ تَعَالَى سَبْعُ صِفَاتٍ، تُسَمَّى صفَاتِ المَعَانِي، وَهِيَ: الْقُدْرَةُ، وَاْلإِرادَةُ: المُتَعَلِّقَانِ بِجَمِيعِ المُمْكِنَات، وَالْعِلْمُ المُتَعَلِّقُ بِجَمِيعِ الْوَاجِبَاتِ، وَالجَائِزَاتِ، وَالمُسْتَحِيلاَتُ، وَالحَيَاةُ، وَهِيَ: لاَ تتَعَلَّقُ بِشْيءِ، وَالسَّمْعُ وَالبصَرُ: المُتَعَلِّقَان بِجَمِيعِ المَوْجُودَات، وَالْكَلاَمُ: الذَّي لَيْسَ بِحَرْفٍ، وَلاَ صَوْتٍ، وَيَتَعَلَّقُ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ الْعِلْمُ مِنَ المُتَعَلَّقَاتِ.

Kemudian wajib bagi Allah Taala tujuh sifat yang dinamai sifat-sifat ma’ani, iaitu; qudrah (berkuasa) dan iradah (berkehendak); kedua sifat ini berkait dengan sekelian mumkinat (jaizaat; iaitu perkara-perkara yang harus/boleh ada atau tiada), ilmu (mengetahui); sifat ini berkait dengan sekelian wajibat, jaizaat dan mustahilaat, hayah (hidup); sifat ini tidak berkait dengan sesuatu, sama’ (mendengar) dan bashar (melihat); kedua sifat ini berkait dengan sekelian yang wujud, dan kalam (berkata-kata); iaitu tanpa huruf dan tanpa suara, sifat ini

berkait dengan perkara-perkara yang sama yang dikait dengan sifat ilmu (iaitu sekelian wajibaat, jaizaat dan mustahilaat).

ثُمَّ سَبْعُ صِفَاتٍ تُسَمَّى صِفَاتٍ مَعْنَوِيَّةً، وَهِيَ مُلاَزِمَةٌ لِلسَّبْعِ ٱلأُولَى، وَهِيَ: كَوْنُهُ تعالى قادراً، وَمُرِيداً، وَعَالِمًا، وَحَيًّا، وَسَمِيعًا، وَبَصِيراً، وَمُتَكَلِّمًا.

Kemudian tujuh sifat dinamai sifat-sifat ma'nawiyah di mana ia melazimi tujuh sifat ma'nawi tadi (yakni dinisbah kepadanya), iaitu; (hal) keadaaanNya yang berkuasa, yang berkehendak, yang mengetahui, yang hidup, yang mendengar, yang melihat dan yang berkata-kata.

وَمِمَّا يسْتَحِيلُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ أَضْدَادُ الْعِشْرِينَ ٱلأُولَى، وَهِيَ: الْعَدَمُ، وَالحُدُوثُ، وَطُرُوُّ الْعَدَمِ، وَالمُمَاثَلَةُ لِلْحَوَادِثِ: بِأَنْ يَكُونَ جِرْمًا، أَيْ تَأخُذَ ذَاتُهُ الْعَلِيةُ قَدْراً مِنَ الْفَرَاغِ، أَوْ يَكُونَ عَرَضًا يَقُومُ بِالْجِرْمِ، أَوْ يَكُونَ فِي جِهَةٍ لِلْجِرمِ، أَوْلهُ هُوَ جِهَةٌ، أَوْ يَتَقَيَّد بِمَكَانٍ، أَوْ زَمَانٍ، أَوْ تَتَّصِفَ ذَاتُهُ الْعِلِيةُ بِالحَوَادِثِ، أَوْ يَتَّصِفَ بِالصِّغَرِ، أَوْ الْكِبَرِ، أَوْ يَتَصَّفَ بَٱلأَغْرَاض فِي ٱلأَفْعَالِ أَوْ ٱلأَحْكامِ.

Dan di antara sifat-sifat yang mustahil bagi hak Allah; 20 sifat yang berlawanan dengan 20 sifat wajib tadi, iaitu; (1) 'adam (tiada), (2) huduth (baharu), (3) ditimpa ketiadaan (yakni hilang/musnah), (4) menyamai yang baharu[19] (makhluk); dengan menjadi jirim, iaitu

---

[19] Al-Hawadith adalah jamak kepada al-hadith; yang bermaksud segala kewujudan yang berlaku selepas ketiadaan. Ia terdiri dari dua kategori iaitu; al-jawahir (الجواهر) dan al-a'radh (الأعراض). Al-Jawahir ialah jirim-jirim. Jirim ialah yang mengambil satu kadar dari ruang, seperti pokok, batu, haiwan-haiwan dan sebagainya. Al-A'radh pula berdiri pada jirim. Maksud al-Aradh atau al-A'radh ialah; setiap sifat yang bersifat baharu seperti hitam dan putih dan sebagainya. Allah Taala mustahil untuk dikatakan jauhar atau 'aradh kerana ia keduanya adalah hadith (baharu), sedangkan Dia adalah qadiem (sedia ada) (al-'Aqaid ad-Durriyyyah, hlm. 17-18).

zatnya yang tinggi menggambil satu kadar dari ruang, atau menjadi ‘aradh[20] yang berdiri atas jirim, atau berada pada satu arah bagi jirim (yakni di kanan jirim atau di kirinya, atau atasnya dan sebagainya), atau Dia sendiri memiliki arah, atau terikat dengan satu tempa atau satu zaman/masa, atau zatNya yang tinggi bersifat dengan yang baharu, atau bersifat dengan kecil atau besar, atau bersifat dengan tujuan-tujuan bagi perbuatan-perbuatan dan keputusan-keputusanNya.

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى: أَنْ لاَ يَكُونَ قائِمًا بِنَفْسِهِ، بِأَنْ يَكُونَ صِفَةً يَقُومُ بِمَحلٍ، أَوْ يَحْتَاجُ إِلَى مُخَصَّصٍ.

Begitu juga adalah mustahil atas Allah untuk tidak berdiri dengan sendiri, iaitu dengan menjadi sifat yang berdiri pada satu tempat, atau dengan berhajat kepada pentakhsis.

وَكَذَا يَسْتَحيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى: أَنْ لاَ يَكُوُنَ وَاحِداً بِأَنْ يَكُونَ مُرَكبًا فِي ذَاتِهِ، أَوْ يَكُونَ لَهُ مُمَاثِلٌ فِي ذَاتِهِ، أَوْ صِفَاتِهِ، أَوْ يَكُونَ مَعَهُ فِي الْوُجُودِ مُؤَثِّرٌ فِي فِعْلٍ مِنَ ٱلأَفْعَالِ.

Begitu juga, mustahil atas Allah untuk tidak bersifat esa, iaitu dengan bersusun pada zatnya, atau ada keserupaan pada zatNya, atau (ada keserupaan) pada sifat-sifat-Nya, atau ada bersamanya dalam kewujudan ini muatthir (pemberi kesan) bagi suatu perbuatan dari perbuatan-perbuatan (yang berlaku di alam ini).

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى :الْعَجْزُ عَنْ مُمْكِنٍ مَّا، وَإِيجَادُ شَيْءٍ مِنَ الْعَالَمِ مَعَ كَرَاهَتِهِ لِوُجُودِهِ. أَيْ عَدَمِ إِرَادَتِهِ لَهُ تَعَالَى أَوْ مَعَ الذُهُولِ، أَوْ الْغَفْلَةِ، أَوْ بِالتَّعْلِيلِ، أَوْ بِالطَّبْعِ.

Begitu juga, mustahil atas Allah bersifat lemah dari (mengada atau meniadakan) sebarang perkara mumkin, (juga mustahil atasnya) mengadakan sesuatu dari alam ini dalam keadaan membenci kewujudannya -yakni wujud tanpa iradah (kemahuan)Nya-, atau

[20] ‘Aradh (العرض) ialah setiap sifat yang bersifat baharu seperti hitam atau putih, tinggi atau rendah dan sebagainya (al-‘Aqaid ad-Durriyyah, hlm. 17-18.

wujud dalam keadaan Dia tidak sedar atau Dia alpa, atau wujud sesuatu dengan sebab satu yang lain (bukan dengan kehendak Allah) atau wujud dengan semulajadi.

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى: الجَهْلُ وَمَا فِي مَعْنَاهُ بِمعْلُومٍ مَّا، وَالمَوْتُ، وَالصَّمَمُ، وَالْعَمى وَالْبَكَمُ.

Begitu juga, mustahil atas Allah; sifat jahil –atau yang sama pengertian dengannya, iaitu; syak, dzan dan waham- tentang sebarang maklumat, sifat mati, sifat buta, bisu dan pekak.

وَأَضْدَادُ الصِّفَاتِ المَعْنَوِيَّةِ وَاضِحَةٌ مِنْ هَذِهِ.

Dari sifat-sifat yang berlawanan dengan sifat-sifat ma'ani nyata pula sifat-sifat yang berlawanan dengan sifat-sifat ma'nawiyah.

وَأَمَّا الجَائِزُ فِي حقِّهِ تَعالَى: فَفِعْلُ كُلِّ مَمْكِنٍ أَوْ تَرْكُهُ.

Adapun yang harus bagi hak Allah ialah; melakukan/mengadakan segala yang mumkin atau meninggalkannya.

أَمَّا بُرْهَانُ وَجودِهِ تَعَالَى: فَحُدوثُ الْعَالَمِ، لأَنَّهُ لَوْ لَّمْ يَكُنْ لَهُ مُحْدِثٌ بَلْ حَدَثَ بِنَفْسِهِ لَزِمَ أَنْ يَكُونَ أَحَدُ ٱلْأَمْرَيْنِ المُتَسَاوِيَيْنِ مُسَاوِيًا لِصَاحِبِهِ رَاجِحًا عَلَيْهِ بِلاَ سَبَبٍ وَهُوَ مُحَالٌ. وَدّلِيلٌ حُدُوثِ الْعَالَمِ مُلاَزَمَتُهُ لِلأَعْرَاضِ الحَادِثَةِ مِنْ: حَرَكَةٍ، أَوَسُكُونٍ أَوَغَيْرِهِمَا، وَمُلاَزِمُ الحَادِثِ حَادِثٌ. وَدَلِيلُ حُدُوثِ ٱلْأَعْرَاضِ مُشَاهَدَةُ تَغَيُّرِهَا مِنْ عَدَمٍ إِلَى وَجودٍ، وَمِنْ وُجُودٍ إِلَى عَدَمٍ.

Adapun dalil bagi wujud Allah ialah alam ini yang bersifat baharu (yakni wujudnya setelah asalnya tiada). Kerana jika (dikatakan) alam ini tiada yang mengadakannya, akan tetapi ada dengan sendiri, sudah pasti akan berlaku salah satu dari dua perkara yang sama setara[21]; ia setara dengan yang satu lagi dan pada masa yang sama mengatasinya tanpa suatu sebab/pencetus, dan itu adalah mustahil.[22] Dalil

---

[21] Iaitu "ada" dan "tiada" dinisbah bagi alam ini.

[22] Bagi alam ini wujud (ada) dan 'adam (tiada) adalah sama/setara (kerana alam termasuk dalam kategori mumkinaat atau jaizaat), yakni alam boleh ada dan boleh juga tiada; ada dan tiada dinisbah kepada alam ini keduanya

baharunya alam ini ialah tidak bebasnya alam ini dari a'radh-a'radh (keadaan-keadaan) yang baharu seperti gerak dan diam atau sebagainya. Apa sahaja yang tidak bebas dari yang baharu bermakna ia juga baharu. Dalil baharunya a'radh-a'radh pula ialah perubahan yang dapat disaksikan berlaku padanya iaitu dari tiada kepada ada, kemudian dari ada kepada tiada.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ الْقِدَمِ لَهُ تَعَالَى: فَلأَنَّهُ لَوْ يَكُنْ قَدِيمًا، لَكَانَ حَادِثًا فَيَفْتَقِرُ إِلَى مُحْدِثٍ، فَيَلْزَمُ الدَّوْرُ، أَوِ التَّسَلْسُلُ.

Dalil wajibnya Allah bersifat dengan qidam (sedia ada) ialah; kerana jika Allah tidak sedia ada (qadiem) maknanya Dia adalah hadith (baharu) dan memerlukan kepada zat lain yang mengadakannya, maka pastinya akan berlaku daur atau tasalsul.[23]

وَأَمَّا بُرْهَانُ وَجَوبِ الْبَقَاءِ لَهُ تَعَالَى: فَلأَنَّهُ لَوْ أَمْكَنَ أَنْ يَلْحَقَهُ الْعَدَمُ، لاَنْتَفَى عَنْهُ القِدَمُ لِكَوْنِ وُجُودِهِ حِينَئِذٍ جَائِزًا لاَ وَاجِبًا، وَالجَائِزُ لاَ يَكُونُ وُجُودُهُ إِلاَّ حَادِثًا، كَيْفَ! وَقَدْ سَبَقَ قَرِيبًا وُجُوبُ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِه.

Adapun dalil wajibnya Allah bersifat dengan baqa' (kekal) ialah; kerana jika zat Allah boleh ditimpa ketiadaan, akan ternafilah darinya sifat qidam (sedia ada) tadi kerana –tanpa sifat baqa' (kekal) kewujudan Allah akan menjadi jaizul wujud sahaja (yakni boleh ada dan boleh tiada) bukan wajibul-wujud (yakni mesti ada). Suatu yang

---

adalah setara. Ketika ini ternyata alam ini telah ada, sudah tentu terdapat sebab/pencetus yang mentarjihkan 'ada' ke atas 'tiada' hingga alam ini dapat ada. Sebab/pencetus itu ialah Allah. Jika kita berpandangan; alam ini berlaku dengan sendiri, nescaya akan berlaku keadaan di mana dua perkara yang setara (iaitu 'ada' dan 'tiada'), kemudian salah satu darinya mengatasi yang satu lagi, namun tiada yang menjadi sebab/pencetusnya. Keadaan itu mustahil berlaku. (al-'Aqaid ad-Durriyyah, hlm. 21).

[23] Tasalsul ialah berlaku secara berterusan –terus menerus- tanpa berpenghujung, namun bukan dalam satu pusingan dan tidak kembali kepada asal/awal. Jika berlaku dalam satu pusingan dan kembali kepada yang pertama/awal, ia dinamakan daur. Dalam erti lain; daur ialah terhenti sesuatu di atas yang lain (al-'Aqaid al-Durriyyah, hlm. 21).

jaizul-wujud, kewujudannya tidak lain melainkan bersifat baharu. Bagaimana hendak diterima akal sedangkan baru sahaja ditegaskan tadi bahawa Allah wajib bersifat dengan qidam (sedia ada), maka Dia juga wajib bersifat baqa (kekal).

وَأَمَّا بُرْهَانُ وَجَوبِ مُخَالَفَتِهِ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ: فَلأَنَّهُ لَوْ مَاثَلَ شَيْئًا مِنْهَا، لَكَانَ حَادِثًا مِثْلَهَا، وَذلِكَ مُحَالٌ لِما عَرَفْتَ قَبْلُ مِنْ وُجُوبِ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ.

Adapun dalil wajibnya Allah bersifat dengan berbeza dengan segala yang baharu ialah; kerana jika Allah menyerupai sesuatu dari yang baharu (makhluk), nescaya Dia juga baharu sepertinya. Itu adalah mustahil kerana engkau telah mengetahui sebelum ini bahawa Allah wajib bersifat qidam dan baqa' (yakni dua sifat yang menyalahi perkara baharu).

وَأَمَّا بُرْهَانُ وَجَوب قِيَامِهِ تَعَالَى بِنَفْسِهِ: فَلأَنَّهُ تَعَالَى لَوِ احْتَاجَ إِلَى مَحَلٍ لَكَانَ صِفَةً، وَالصِّفَةُ لاَ تَتَّصِفُ بِصِفَاتِ المَعَانِي، وَلاَ المَعْنوِيَّةِ، وَمَوْلاِنَا جَلَّ وَعَزَّ يَجِب اتِّصَافُهُ بِهِمَا فَلَيْسَ بِصِفَةٍ. وَلَو احْتَاجَ إِلَى مُخَصِّصٍ لَكانَ حَادِثًا، كَيْفَ! وَقَدْ قامَ الْبُرْهَانُ عَلَى وُجُوبِ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبقَائِهِ.

Adapun dalil wajibnya Allah bersifat dengan berdiri sendiri ialah; kerana jika Allah memerlukan kepada tempat nescaya dia adalah satu sifat dan suatu sifat tidak akan bersifat dengan sifat-sifat ma'ani dan begitu juga dengan sifat-sifat ma'nawiyah. Tuhan kita (Allah) wajib bersifat dengan kedua-dua kumpulan sifat tersebut, maka oleh itu Dua bukan sifat (tetapi zat). Jika Dia memerlukan pula kepada pentakhsis, nescaya Dia adalah baharu, namun bagaimana kenyataan ini hendak diterima sedangkan telah tegak dalil atas wajibnya Allah bersifat dengan qidam dan baqa'.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ الْوَحْدَانِيَّةِ لَهُ تَعَالَى: فَلأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ وَاحِدًا لَزِمَ أَنْ لاَ يُوجَدَ شَيْءٌ مِنَ الْعَالَمِ لِلَزومِ عَجْزِهِ حِينَئِذٍ.

Adapun dalil wajibnya Allah bersifat dengan esa ialah; kerana jika Dia tidak esa, pasti tidak akan wujud suatupun makhluk di alam ini kerana jika tidak esa sudah tentu ia zat yang lemah (kerana ada tandingan).

وَأَمَّا بُرْهَانُ وَجوبِ اتِّصَافِهِ تَعالَى بِالْقُدْرَةِ وَالْإِرَادَةِ وَالْعِلْمِ وَالحَيَاةِ: فَلأَنَّهُ لَوِ انْتَفى شَيْءٌ مِنْهَا لَمَا وَجِدَ شَيْءٌ مِنَ الحَوَادِثِ .

Adapun dalil wajibnya Allah bersifat dengan kuasa, berkehendak, ilmu dan hidup ialah; kerana jika tidak ada salah satu dari sifat-sifat ini nescaya tidak akan ada suatupun dari perkara-perkara baharu (makhluk).

وَأَمَّا بُرْهَانُ وَجوبِ السَّمْعِ لَهُ تَعَالَى وَالْبَصَرِ وَالْكَلاَمِ: فَالْكِتَابُ والسُّنة وَالإِجْمَاعُ، وَأَيْضًا لَوْ لَمْ يتَّصِفَ بِهَا لَزِمَ أَنْ يَتَّصِفَ بِأَضْدَادِهَا، وَهِيَ نَقَائِصُ، وَالنَّقْصُ عَلَيْهِ تَعَالَى مُحَالٌ.

Adapun dalil wajibnya Allah bersifat dengan mendengar, melihat dan berkata-kata ialah; kitab Allah, Sunnah Nabi dan Ijmak. Selain itu, jika Allah tidak bersifat dengan sifat-sifat tersebut pastinya Dia bersifat dengan sifat-sifat sebaliknya. Sifat-sifat sebaliknya adalah sifat-sifat kekurangan dan kekurangan adalah mustahil bagi Allah.

وَأَمَّا بُرْهَانُ كَوْنِ فِعْلِ الْمُمْكِنَاتِ أَوْ تَرْكِهَا جَائِزًا فِي حَقِّهِ تَعَالَى: فَلأَنَّهُ لَوْ وَجَبَ عَلَيْهِ تَعَالَى شَيْءٌ مِنْهَا عَقْلاً، أَوِ اسْتَحالَ عَقْلاً لاَنْقَلَبَ المَمْكِنُ وَاجِبًا أَوْ مُسْتَحِيلاً، وَذلِكَ لاَ يُعْقَلُ.

Adapun dalil melakukan/mengadakan perkara-perkara mumkinat atau meninggalkannya adalah harus sahaja bagi hak Allah ialah; jika wajib atas Allah –secara akal- melakukan/meninggalkan sesuatu dari perkara-perkara mumkinat tersebut atau mustahil bagiNya melakukan/meninggalkannya, nescaya perkara mumkin akan berubah menjadi perkara wajib (mesti ada) atau mustahil (tidak boleh ada) dan perubahan tersebut adalah tidak masuk akal.

[الرسل عليهم الصلاة والسلام- الواجب في حق الرسل عليهم السلام]

(Perkara wajib bagi hak para Rasul AS)

وَأَمَّا الرُّسُلُ عَلَيْهِمُ وَالسَّلاَمُ، فَيَجِبُ فِي حَقِّهِمُ: الصُّدْقُ، وَالْأَمَانَةُ، وَتَبْلِيغُ مَا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلْخَلْقِ.

Adapun para Rasul AS, maka wajib bagi hak mereka; sidq (benar), amanah (bersifat maksum)[24] dan tabligh (menyampaikan) segala yang diperintahkan supaya disampaikan kepada makhluk.

وَيَسْتَحِيلُ فِي حَقِّهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ أَضْدَادُ هذه الصِّفَاتِ، وَهِيَ: الْكَذِبُ، وَالْخِيَانَةُ بِفِعْلِ شَيْءٍ مِمَّا نُهُوا نَهْيَ تَحْرِيمٍ أَوْ كَرَاهَةٍ، أَوْ كِتمْانُ شَيْءٍ مِمَّا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلْخَلْقِ.

Mustahil bagi hak mereka AS sifat-sifat yang berlawanan dengan sifat-sifat wajib itu, iaitu; kazib (dusta), khianat, iaitu dengan melakukan sesuatu dari yang ditegah kepada mereka dengan tegahan tahrim atau karahah, atau menyembunyikan sesuatu dari yang disuruh mereka menyampaikannya kepada makhluk.

وَيَجُوزُ فِي حَقِّهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ مَا هُوَ مِنَ الْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ التَّي لاَ تُؤَدِّي إِلَى نَقْصٍ فِي مَرَاتِبِهِمِ الْعَلِيَّةِ ؛ كالْمَرَضِ وَنَحْوِهِ.

Harus bagi hak mereka semua dari sifat-sifat/ciri-ciri kemanusiaan yang tidak membawa kepada pengurangan pada martabat-martabat mereka yang tinggi, seperti sakit dan sebagainya.

أَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ صِدْقِهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ: فَلأَنَّهُمْ لَوْ لَمْ يَصْدُقُوا لَلَزِمَ الْكَذِبُ فِي خَبَرِهِ تَعَالَى لِتَصْدِيقِهِ تَعَالَى لَهُمْ بِالْمُعْجزَةِ النَّازِلَةِ مَنْزِلَةَ قَوْلِهِ تَعَالَى: صَدَقَ عَبْدِي فِي كُلِّ مَا يُبَلِّغُ عَنِّي.

[24] Wajib para Rasul bersifat al-ishmah (العصمة) iaitu memelihara luaran dan dalaman mereka dari melakukan maksiat (al-'Aqaid ad-Durriyyah, hlm. 26).

Adapun dalil wajibnya para Rasul bersifat dengan benar ialah; jika mereka tidak berlaku benar, pastinya akan berlaku pendustaan pada khabar (berita) dari Allah, kerana Allah membenarkan (pengakuan) mereka (sebagai RasulNya) dengan mukjizatNya yang mana mukjizat itu mengambil kedudukan seperti Ia berfirman; “Benarlah hambaKu pada segala yang dia sampaikan dariKu”.

وَأمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ ٱلْأَمَانَةِ لَهُمْ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وّالسَّلاَمُ: فَلأَنَّهُمْ لَوْ خَانُوا بِفِعْلِ مُحَرَّمٍ، أَوْ مَكْرُوهٍ، لاَ نْقَلَبَ المُحَرَّمُ، أَوِ المَكْروهُ طَاعَةً فِي حَقِّهِمْ، لأَنَّ اللهَ تَعَالَى أَمَرَنَا بِالاِقْتِدَاءِ بِهِمْ فِي أَقْوالِهِمْ وَأَفْعَالِهِمْ، وَلاَ يَأْمُرُ اللهُ تَعَالَى بِفِعْلِ مُحَرَّمٍ وَلاَ مَكْرُوه. وَهذَا بِعَيْنِهِ هُوَ بُرْهَانُ وُجُوبِ الثَّالِثِ.

Adapun dalil wajibnya sifat amanah bagi mereka ialah; kerana jika mereka berlaku khianat dengan melakukan perbuatan yang haram atau makruh, nescaya akan berubahlah yang haram dan yang makruh menjadi ketaatan pada hak mereka kerana Allah menyuruh kita mengikuti mereka pada segala ucapan dan perbuatan mereka, sedangkan Allah tidak menyuruh melakukan perbuatan haram dan makruh. Dalil ini secara sendirinya juga dalil bagi wajibnya sifat ketiga (iaitu tabligh, kerana jika mereka tidak menyampaikan bermakna mereka melakukan al-kitman (menyembunyikan dakwah). Seolah Allah menyuruh kita dengan kitman kerana kita disuruh mengikuti para Rasul, namun itu adalah mustahil kerana kitman adalah haram dan dilaknat dan Allah tidak menyuruh melakukan perkara haram).

وَأَمَّا دَلِيلُ جَوَازِ ٱلْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ عَلَيْهِمْ: فَمُشَاهَدَةُ وُقُوعِهَاَ بِهِمْ: إِمَّا لِتَعْظِيمِ أُجُورِهِمْ، أَوْ لِلتَّشْرِيعِ، أَوْ لِلتَّسَلِّي عَنِ الدُّنْيَا، أَوْ لِلتَّنْبِيهِ لِخِسَّةِ قَدْرِهَا عِنْدَ اللهِ تَعَالَى. وَعَدَمِ رِضَاهُ بِهَا دَارَ جَزَاءٍ لأَنْبِيَائِهِ وَأَوْلِيَائِهِ بِاعْتِبَارِ أَحْوَالِهِمْ فِيهَا عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ.

Adapun dalil keharusan ciri-ciri kemanusiaan bagi mereka ialah; apa yang disaksikan berlakunya ciri-ciri tersebut kepada mereka (oleh orang-orang yang hidup sezaman dengan mereka, diceritakan secara tawatur). Berlakunya sama ada untuk menggandakan pahala-pahala

mereka, atau untuk pensyari'atan, atau untuk bersabar dari dunia, atau untuk memperingatkan bahawa kecilnya nilai dunia di sisi Allah dan (menunjukkan bahawa) Dia tidak redha dunia itu menjadi negeri balasan bagi para Nabi dan AuliyakNya dengan mengambil iktibar dari keadaan-keadaan mereka semasa di dunia.

وَيَجْمَعُ مَعَانِيَ هذِهِ العَقَائِدِ كُلِهَا قَوْلُ: لاَ إِلهَ إِلاَّ اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ إِذ مَعْنَى ٱلأُلُوهِيَّةِ: اسْتِغْنَاءُ ٱلإِلهِ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَافْتِقَارُ كُلِّ مَا عَدَاهُ إِلَيْهِ. فَمَعْنى لاَ إِلهَ إِلاَّ اللهُ: لاَ مُسْتَغْنِيَ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَمُفْتَقِرًا إِلَيْهِ كُلُّ مَا عَدَاهُ إِلاَّ اللهُ تَعَالَى.

Semua pengertian aqidah tadi dihimpunkan oleh ucapan (kita); Lailaha illallah, Muhammadur Rasulullah, di mana makna uluhiyah (ketuhanan) ialah; kaya/bebasnya Ilah (Tuhan) dari semua yang selainNya dan berhajat semua selainNya kepadaNa. Maka makna 'Lailaha illallah' ialah; Tidak ada zat yang kaya/bebas dari segala yang lain dan segala yang lain pula berhajat kepadanya, (tidak ada zat sebegitu) melainkan Allah sahaja.

أَمَّا اسْتِغْنَاؤُهُ جَلَّ وَعَزَّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، فَهُوَ يُوجِبُ لَهُ تَعَالَى: الْوُجُودَ، وَالْقِدَمَ، وَالْبَقَاءَ، وَالمُخَالَفَةَ لِلْحَوَادِثِ، وَالْقِيَامَ بِالنَّفْسِ، وَالتَّنَزُّهَ عَن النَّقَائِصِ. وَيَدْخُلُ فِي ذلِكَ وُجُوبُ السَّمْعِ لَهُ تَعَالَى وَالْبَصرِ وَالْكَلاَمِ، إِذْ لَوْ لَمْ تَجِبْ لَهُ هذِهِ الصِّفَاتُ لكَانَ مُحْتَاجًا إِلَى المُحْدِثِ، أَوِ المَحَلِّ، أَوْ مَنْ يَدْفَعُ عَنْهُ النَّقَائِصَ.

Adapun kaya/bebasnya Allah dari segala yang lain, maka itu mewajibkan Allah untuk bersifat dengan wujud, qidam, baqa', mukhalafah lil-hawadith, qiyam binafsihi dan bersih dari dari segala kekurangan. Termasuk didalam pengertian yang sama; wajib baginya bersifat dengan mendengar, melihat dan berkata-kata, kerana jika tidak wajib baginya sifat-sifat ini nescaya dia berhajat kepada muhdith (yang mengadakan), atau kepada mahall (tempat) atau kepada orang yang menjauhkan darinya kekurangan-kekurangan.

وَيُؤْخذُ مِنْهُ: تَنَزُّهُهُ تَعَالَى عَنِ ٱلأَغْرَاضِ فِي أَفْعَالِهِ وَأَحْكامِهِ، وَإِلاَّ لَزِمَ افْتِقَارُهُ إِلَى مَا يُحَصِّلُ غَرَضَهُ، كَيْفَ! وَهُوَ جَلَّ وَعَزَّ الْغَنِيُّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

Difahami darinya (yakni dari kaya/bebasnya Allah dari segala yang lain); bahawa Dia bebas dari sebarang *gharadh* (maksud yang ingin dicapai)[25] pada segala perbuatan dan keputusan/hukum-hakamNya. Jika tidak, sudah tentu Allah memerlukan kepada sesuatu yang dapat menghasilkan *gharadh*nya. Bagaimana hendak diterima akal sedangkan Allah kaya/bebas dari segala yang selainNya.[26]

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا: أَنَّهُ لاَ يَجِبُ عَلَيْهِ تَعَالَى فعْلُ شَيْءٍ مَنْ الْمُمْكنَاتِ عقلا وَلاَ تَرْكُهُ، إِذْ لَوْ وَجَبَ عَلَيْهِ تَعَالَى شَيْءٌ مِنْهَا عَقْلاً كالثَّوَابِ مَثَلاً، لَكانَ جَلَّ وَعَزَّ مُفْتِقَرًا إِلَى ذلِكَ الشَّيْءِ لِيَتَكَمَّلَ بِهِ غَرَضُهُ، إِذْ لاَ يَجِبُ فِي حَقِّهَ تَعَالَى إِلاَّ مَا هُوَ كَمَالٌ لَهُ، كَيْفَ وَهُوَ جَلَّ وَعَزَّ الْغَنِيُّ كُلَّ مَا سِوَاهُ.

Difahami darinya juga; bahawa –mengikut hukum akal- tidak wajib (yakni tidak mesti) atas Allah melakukan sesuatu dari mumkinaat dan meninggalkannya, kerana jika wajib atasNya sesuatu –seperti wajib atasnya memberi pahala (kepada orang yang taat)-, nescaya Dia memerlukan kepada sesuatu tersebut bagi menyempurnakan gharadhNya (iaitu memberi maslahah kepada makhlukNya iaitu pahala), kerana tidak wajib bagi hak Allah melainkan apa yang sempurna. Namun bagaimana kenyataan ini boleh diterima akal sedangkan Allah kaya/bebas dari segala sesuatu selainNya.[27]

---

[25] Maksud gharadh di sini ialah; dorongan yang mencetus/membangkitkan Allah dalam mengada/melakukan suatu perbuatan atau menetapkan suatu hukuman/keputusan (al-'Aqaid ad-Durariyah, hlm. 32).

[26] Matan ini bertujuan menafikan dari Allah gharadh yang kembali kepada maslahah diriNya. Matan berikutnya untuk menafikan dari Allah gharadh yang kembali kepada makhlukNya (al-'Aqaid ad-Durriyyah, hlm. 32).

[27] Matan ini bermaksud menafikan dari Allah gharadh yang kembali kepada maslahah makhlukNya. Segala perbuatan Allah atau hukum/keputusanNya terhadap makhlukNya tidak ada yang wajib (mesti) atas Allah, semuanya

وَأَمَّا افْتِقَارُ كُلِّ مَا عَدَاهُ إِلَيْهِ جَلَّ وَعَزَّ فَهُوَ يُوجِبُ لَهُ تَعَالَى الحَيَاةَ، وَعُمُومَ الْقُدْرَةِ وَالْإِرَادَةِ وَالْعِلْمِ، إِذْ لَو انتَفى شَيْءٌ مِنْهَا لَمَا أَمْكَنَ أَنْ يُوجَدَ شَيْءٌ مِنَ الحَوَادِثِ فَلاَ يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ شَيْءٌ، كَيْفَ! وَهُوَ الذَّي يَفتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ.

Adapun berhajatnya segala yang selainNya kepadaNya[28], maka ia mewajibkan Allah bersifat dengan al-hayah (hidup) dan juga sifat qudrah, iradah dan ilmu yang umum (yakni meliputi sekelian makhlukNya), kerana jika ternafi dari Allah sebarang sifat dari sifat-sifat tersebut tidak mungkin akan wujud suatupun dari perkara-perkara baharu (yakni makhluk), lantaran itu tidak ada suatupun yang memerlukan kepada Allah (kerana tidak ada suatupun yang wujud). Namun bagaimana hakikat ini hendak diterima akal sedangkan Dia adalah zat yang diperlukan oleh segala sesuatu selainNya.

وَيُوجِبُ لَهُ تَعَالَى أَيْضًا: الْوَحْدَانِيةَ، إِذْ لَوْ كانَ مَعَهُ ثَانٍ فِي الْأُلُوهِيَّةِ لما افْتقَرَ إِلَيْهِ شَيْءٌ لِلُزُومِ عَجْزِهِمَا حِينَئِذٍ، كَيْفَ! وَهُوَ الذَّي يَفْتَقِرُ إِلَيهِ كَلُّ مَا سِوَاهُ.

Ia juga mewajibkan bagi Allah untuk bersifat dengan wahdaniyah, kerana jika ada zat yang kedua bersamaNya dalam ketuhanan, nescaya tidak ada suatupun yang memerlu kepadanya kerana kedua

---

dilakukan Allah atau diputusNya dengan kehendak dan kurniaaNya yang mutlak. Kerana jika kita katakan wajib/mesti atas Allah, maka ia akan menjadi gharadh yang mesti dicapai Allah untuk maslahah makhlukNya dan jika tidak dicapai ia akan mencacatkan kesempurnaan Allah kerana tidak ada perkara yang wajib atas Allah melainkan ia adalah kesempurnaan bagi Allah. Namun bagaimana akal hendak menerima kenyataan ini sedangkan Allah tidak memerlukan kepada sesuatu selainNya. Jadi melakukan atau meninggalkan segala perbuatan yang mumkinaat tidaklah wajib atas Allah, akan tetapi hanya harus sahaja. Jika berlaku, ia berlaku semata-mata dari kehendak Allah dan dengan kurniaanNya (al-'Aqaid ad-Duriyyah, hlm. 32 dan Syarah as-Sanusiyyah, hlm. 78).

[28] Yakni bahagian kedua bagi makna ketuhanan, iaitu segala yang lain berhajat kepada Allah. Lihat sebelum ini bahagian pertamanya iaitu; Allah kaya/bebas dari segala yang lain.

mereka ketika itu bersifat lemah. Namun bagaimana kenyataan ini hendak diterima akal sedangkan Allah adalah zat yang diperlukan oleh segala sesuatu selainNya.

وَيُؤْخَذُ منْهُ أَيْضًا: حُدُوثُ الْعَالَمِ بِأَسْرِهِ، إِذْ كانَ شَيْءٌ مِنْهُ قَديمًا لَكَانَ ذلِكَ الشَّيْءُ مُسْتَغْنِيًا عَنْهُ تَعَالَى، كَيْفَ! وَهُوَ الذَّي يَجِبُ أَنْ يَفتْقِرُ إِلِيْهِ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

Difahami darinya juga; bahawa alam ini sekeliannya adalah baharu, kerana jika ada sesuatu darinya yang bersifat qadim (sedia ada) nescaya perkara itu tidak memerlu kepada Allah. Namun bagaimana kenyataan ini hendak diterima akal sedang Allah adalah zat yang tidak dapat lari sesiapun selainNya dari memerlukan kepadaNya.

وَيُؤُخَذُ مِنْهُ أَيْضًا: أَنَّهُ لاَ تَأْثِيرَ لِشَيْءِ مِنَ الْكَائِنَاتِ فِي أَثَرٍ مَّا، وَإِلّا لَزِمَ أَنْ يَسْتَغْنِيَ ذلِكَ ٱلأَثَرُ عَنْ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ، كَيْفَ! وَهُوَ الذَّي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ عُمُومًا وَعَلَى كُلِّ حَالٍ، هذَا إِنْ قَدَّرْتَ أَنَّ شَيْئًا مِنَ الْكائِنَاتِ يُؤَثّرُ بِطَبْعِهِ، وَأَمَّا إِنْ قَدَّرْتَهُ مُؤَثّرًا بِقوَّةٍ جَعَلَهَا اللّٰهُ فِيهِ كَمَا يَزْعُمُهُ كَثِيرٌ مِنَ الْجَهَلَةِ فَذلِكَ محَالٌ أَيْضًا، لأَنَّهُ يَصِيرُ حِينَئِذٍ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ مُفْتَقِرًا فِي إِيجَادِ بَعْضِ ٱلأَفْعَالِ إِلَى وَاسِطَةٍ، وَذلِكَ بَاطِلٌ لِمَا عَرَفْتَ مِنْ وُجُوبِ اسْتِغْنَائِهِ جَلَّ وَعَزَّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

Difahami darinya juga; bahawa tidak ada suatupun dari zat-zat yang wujud yang dapat memberi kesan (dengan sendiri) bagi sebarang kesan, kerana jika ia boleh kesan sendiri pastinya ia bebas dari Tuhan kita (Allah). Namun bagaimana dapat diterima akal sedangkan segala sesuatu selain Allah memerlu kepadaNya secara keseluruhan mereka dan pada setiap keadaan mereka. Ini jika kamu andaikan bahawa sesuatu dari zat-zat yang wujud (selain Allah) memberi kesan dengan semulajadinya. Adapun jika kamu mengandaikan ia memberi kesan dengan kemampuan/kuasa yang Allah jadikan untuknya sebagaimana sangkaan ramai orang yang jahil, maka itu juga mustahil kerana

dengan anggapan tersebut bermakna Tuhan kita memerlukan perantara untuk melakukan sebahagian dari perbuatan-perbuatanNya dan itu adalah batil (salah) kerana engkau sedia menyedari bahawa wajibnya Tuhan kita bebas dari bergantung kepada segala sesuatu selainNya.

فَقَدْ بَانَ لَكَ تَضَمُّنُ قَوْلِ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ لِلأَقْسَامِ الثَّلاَثَةِ الَّتِي يَجِبُ عَلَى الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهَا فِي حَقِّ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ، وَهِيَ: مَا يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى، وَمَا يَسْتَحِيلُ، وَمَا يَجُوزُ.

(Dari kupasan dan penerangan yang lalu) maka jelaslah bagi kamu kandungan ucapan Lailaha illallah yang merangkumi ketiga-tiga bahagian (ilmu) yang wajib atas mukallaf mengetahuinya bagi hak Tuhan kita, iaitu; perkara yang wajib bagi haknya, perkara yang mustahil dan perkara yang harus.

وَأَمَّا قَوْلُنَا: مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ صَلى الله عليه وسلم فَيَدْخُلُ الإِيمَانُ بِسَائِرِ الأَنْبِيَاءِ وَالمَلاَئِكَةِ وَالْكُتُبِ السَّمَاوِيَّةِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ، لأَنَّهُ عَلَيْهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ جَاءَ بِتَصْدِيقِ جَمِيعِ ذلِكَ كُلِّهِ.

Adapun ucapan kita; Muhammadurrasulullah, maka masuk di dalamnya keimanan kepada sekelian para Nabi, para Malaikat, kitab-kitab langit dan hari akhirat, kerana baginda datang dengan menyampaikan kebenaran tentang semua tersebut.

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ: وُجُوبُ صِدْقِ الرّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ. وَاسْتِحَالَةُ الْكَذِبِ عَلَيْهِمْ، وَإِلاَّ لَمْ يَكُونُوا رُسُلاً أُمَنَاءَ لِمَوْلاَنَا الْعَالِمِ بِالخَفِيَّاتِ جَلَّ وَعَزَّ. وَاسْتِحَالَةُ فِعْلِ المَنْهِيَّاتِ كلِّهَا لأَنَّهُمْ أُرْسِلُوا لِيُعَلِّمُوا النَّاسَ بِأَقْوَالِهِمْ، وَأَفْعَالِهِمْ وَسُكُوتِهِمْ، فَيَلْزَمُ أَنْ لاَ يَكُونَ فِي جَمِيعِهَا مُخَالَفَةٌ لأَمْرِ مَوْلاَنَا جَلَّ وَعَزَّ الذّي اخْتَارَهُمْ عَلَى جَمِيعِ خَلْقِهِ وَأَمِنَهُمْ عَلَى سِرِّ وَحْيِهِ.

Difahami dari itu bahawa; wajib para Rasul bersifat dengan sidiq (benar) dan mustahil mereka berdusta, jika tidak nescaya mereka tidak akan menjadi para utusan yang dipercapai bagi Tuhan kita yang

maha mengetahui segala yang tersembunyi. Begitu juga, mustahil bagi mereka melakukan segala yang ditegah secara keseluruhannya, kerana mereka diutuskan untuk mengajar manusia dengan ucapan-ucapan mereka, perbuatan-perbuatan mereka, malah dengan sengap-senyap mereka, maka semestinya semua ucapan, perbuatan dan senyap mereka itu tidak bercanggah dengan arahan Tuhan kita yang memilih mereka dari sekelian mahlukNya yang lain dan mempercayakan mereka ke atas rahsia wahyuNya.

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ: جَوَازُ ٱلْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيةِ عَلَيْهِمْ، إِذْ ذَاكَ لاَ يَقْدَحُ فِي رِسَالَتِهِمْ، وَعُلُوِّ مَنْزِلَتِهِمْ عِنْدَ اللهِ تَعَالَى بَلْ ذَاكَ مِمَّا يَزِيدُ فِيهَا.

Difahami juga darinya bahawa harus atas mereka bersifat dengan ciri-ciri kemanusian, kerana perkara tersebut tidak mencacatkan pangkat kerasulan mereka dan ketinggian darjat mereka di sisi Allah, malah ia menambah kedudukan mereka.

فَقَدْ بَانَ لَكَ تَضَمُّنُ كَلِمَتَيِ الشَّهَادَةِ مَعَ قِلَّةِ حُرُوفِهَا لِجَمِيعِ مَا يَجِبُ عَلَى الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهُ مِنْ عَقَائِدِ ٱلْإِيمَانِ فِي حَقِّهِ تَعَالَى وَفِي حَقِّ رُسُلِهِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ. وَلَعَلَّهَا لاِخْتِصَارِهَا مَعَ اشْتِمَالِهَا عَلَى مَا ذَكَرْنَاهُ جَعَلَهَا الشَّرْعُ تَرْجمَةً عَلَى مَا فِي الْقَلْبِ مِنَ ٱلْإِسْلامِ، وَلَمْ يَقْبَلْ مِنْ أَحَدٍ ٱلْإِيمَان إِلاَّ بِهَا.

(Dari keterangan tadi) maka jelaskan bagi kamu kandungan dua kalimah syahadah yang sekalipun huruf-hurufnya sedikit namun terangkum didalamnya keseluruhan perkara yang wajib atas setiap mukallaf mengetahuinya dari akidah-akidah iman; bagi hak Allah dan hak RasulNya. Barangkali –dengan kerana ringkasnya dan padatnya itulah- Syarak menjadikannya sebagai ungkapan bagi menterjemah keyakinan yang ada dalam hati tentang agama Islam, di mana Syarak tidak menerima keislaman seseorang melainkan dengan mengucapkannya.

فَعَلَى الْعَاقِلِ أَنْ يُكْثِرَ مِنْ ذِكْرِهَا مُسْتَحْضِرًا لِمَا احْتَوَتْ عَلَيْهِ مِنْ عَقَائِدِ ٱلْإِيمَانِ، حَتَّى تَمْتَزِجَ مَعَ مَعْنَاهَا بِلَحْمِهِ وَدَمِهِ. فَإِنَّهُ يَرَى لَهَا

مَنِ ٱلأَسْرَارِ وَالْعَجَائِبِ إنْ شَاءَ اللهُ تَعَالَى مَالاَ يَدْخُلُ تَحْتَ حَصْرٍ. وَباللهِ التَّوْفِيقُ لاَ رَبَّ غَيْرُهُ، وَلاَ معْبُودَ سِوَاهُ .

Oleh demikian, hendaklah seorang yang berakal memperbanyakkan zikir dengan dua kalimah syahadah itu sambil menghadirkan segala kandungan dari akidah-akidah iman, hinggalah dua kalimah itu berserta maknanya mensebati dengan darah dan dagingnya. Insya Allah dia akan dapat melihat banyak rahsia dan keajaiban yang dimiliki oleh dua kalimah tersebut yang tidak terhitung sebenarnya. Dengan pertolongan Allah kita mendapat taufiq kerana tidak ada Rabb (Tuhan pencipta) selainNya dan tidak ada yang layak disembah melainkan Dia.

نَسْأَلُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَنْ يَجعَلَنَا وَأحِبَّتَنَا عِنْدَ المَوْتِ نَاطِقِينَ بِكَلِمَةِ الشَّهَادَة عَالِمِينَ بِهَا. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدنَا مُحَمَّدِ،كُلَّمَا ذَكَّرَهً الذَّاكِرُونَ، وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُونَ. وَرَضِىَ اللهُ عَنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللهِ أَجْمَعِينَ وَالتَّابِعِين لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَسَلاَمٌ عَلَى المُرْسَلِينَ. وَالحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَمِينِ.

Kita memohon kepada Allah SWT agar Dia menjadikan kita dan orang-orang yang kita sayangi sebagai orang-orang yang dapat menuturkan kalimah syahadah ketika hampir mati kita dengan mengetahui maknanya. Selawat Allah (kita pohonkan) ke atas penghulu kita Nabi Muhammad (sebanyak) setiap kali berzikir kepadaNya orang-orang yang berzikir dan melupai dari berzikir kepadaNya orang-orang alpa. Keredhaan Allah kita pohon untuk para sahabat Rasulullah sekeliannya serta untuk para Tabiin yang mengikuti para sahabat dengan melakukan kebaikan hingga hari pembalasan. Kesejahteraan dari Allah untuk sekelian para Rasul dan segala pujian adalah milik Allah, Tuhan sekelian alam.

نظم عقيدة العوام

MATAN 'ADIDAH AL-'AWWAM
Oleh; al-'Allamah as-Sayyid Ahmad al-Marzuqi al-Maliki al-Makki
(wafat 1262 hijrah)

مقدمة (Mukadimah)		
وَبِالرَّحِيمِ دَائِمِ الإِحْسَانِ	[1]	أَبْدَأُ بِاسْمِ اللهِ والرَّحْمَنِ
Aku mulai (nazam ini) dengan nama Allah yang Rahman...serta yang Rahim, yang sentiasa memberi kebaikan (kepada makhlukNya).		
الآخِرِ البَاقِيْ بِلا تَحَوُّلِ	[2]	فالحَمْدُ للهِ القَدِيْمِ الأَوَّلِ
Maka segala pujian milik Allah, Tuhan yang qadiem (sedia ada), yang maha awal...maha akhir, yang kekal, tanpa berubah.		
عَلَى النَّبِيِّ خَيْرِ مَنْ قَدْ وَحَّدا	[3]	ثُمَّ الصَّلاَةُ وَالسَّلامُ سَرْمَدَا
Kemudian selawat dan salam yang selamanya...ke atas Nabi (Muhammad SAW) sebaik-baik manusia yang mentauhidkan (Allah).		
سَبِيلَ دِيْنِ الْحَقِّ غَيْرَ مُبْتَدِعْ	[4]	وآلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعْ
Serta ke atas ahli keluarga, sahabat-sahabatNya dan orang-orang yang menjejaki...jalan agama yang benar, yang tidak mengada-adakan.		
صفات اللهِ والجائز في حقه (Sifat-sifat Allah dan yang harus bagi hak Allah)		
مِنْ وَاجِبٍ للهِ عِشْرِينَ صِفَهْ	[5]	وَبَعْدُ فَاعْلَمْ بِوُجُوبِ الْمَعْرِفَهْ
Adapun berikutnya, maka ketahuilah bahawa wajib mengenali...20 sifat dari (sifat-sifat yang) wajib bagi Allah		
مُخَالِفٌ لِلْخَلْقِ بِالإِطْلاَقِ	[6]	فَاللهُ مَوْجُودٌ قَدِيمٌ بَاقِي

<table>
<tr><td colspan="3">Maka Allah itu adalah wujud (ada), qadim (sedia ada), baqa (kekal)...berbeza dengan makhluk secara keseluruhannya.</td></tr>
<tr><td>قَادِرٌ مُرِيدٌ عَالِمٌ بكلِّ شَيْ</td><td>[7]</td><td>وَقَائِمٌ غَنِيٌ وَوَاحِدٌ وَحَيّ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Dan Dia adalah yang berdiri (sendiri), yang kaya, yang esa dan yang hidup...yang berkuasa, yang berkehendak, yang mengetahui tentang segala sesuatu.</td></tr>
<tr><td>لَهُ صِفَاتٌ سَبْعَةٌ تَنْتَظِمُ</td><td>[8]</td><td>سَمِيعٌ البَصِيْرُ والْمُتَكَلِمُ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Yang mendengar, yang melihat dan yang berkata...BagiNya tujuh sifat yang tersusun (dalam nazam ini), iaitu;</td></tr>
<tr><td>حَيَاةٌ الْعِلْمُ كَلامٌ اسْتَمَرْ</td><td>[9]</td><td>فَقُدْرَةٌ إرادَةٌ سَمْعٌ بَصَرْ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Sifat kuasa, berkehendak, mendengar, melihat...hidup, berilmu dan berkata-kata yang berterusan (tak pernah putus).</td></tr>
<tr><td>تَرْكُ لِكُلِّ مُمْكِنٍ كَفِعْلِهِ</td><td>[10]</td><td>وَجَائِزٌ بِفَضْلِهِ و عَدْلِهِ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Dan harus (bagi Allah) dengan semata-mata kurniaan dan keadilanNya...meninggalkan setiap yang mumkin sebagaimana (harus Dia) melakukannya.</td></tr>
<tr><td colspan="3">الواجب في حق الرسل و المستحيل و الجائز
(Yang wajib bagi hak para Rasul, yang mustahil dan yang haru bagi mereka)</td></tr>
<tr><td>بِالصِّدْقِ وَالتَّبْلِيغِ والأَمَانَهْ</td><td>[11]</td><td>أَرْسَلَ أنبيا ذَوِي فَطَانَهْ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Allah mengutuskan para Nabi, insan-insan yang memiliki fatonah (kebijaksanaan)...serta bersifat dengan benar, menyampaikan dan beramanah.</td></tr>
<tr><td>بِغَيْرِ نَقْصٍ كَخَفِيْفِ الْمَرَضِ</td><td>[12]</td><td>وَجَائِزٌ فِي حَقِّهِمْ مِنْ عَرَضِ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Harus bagi hak mereka (bersifat dengan) sebarang sifat (manusia)...dengan syarat tidak mengurangkan (darjat mereka), seperti sakit yang ringan.</td></tr>
<tr><td>وَاجِبَةٌ وَفَاضَلُوا المَلائِكَهْ</td><td>[13]</td><td>عِصْمَتُهُمْ كَسَائِرِ الْمَلائِكَهْ</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td colspan="3">Kemaksuman mereka sebahagimana sekelain malaikat…adalah wajib (pada akal), malah kelebihan mereka mengatasai para malaikat.</td></tr>
<tr><td>فَاحْفَظْ لِخَمْسِينَ بِحُكْمٍ وَاجِبِ</td><td>[14]</td><td>وَالْمُسْتَحِيلُ ضِدُّ كُلِّ وَاجِبِ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Mustahil (bagi hak mereka) yang bertentangan dengan semua sifat wajib tadi…maka ingatilah 50 akidah yang dihukum sebagai wajib (pengetahuannya atas setiap mukallaf).</td></tr>
<tr><td colspan="3">الأنبياء والرسل
(Para Nabi dan Rasul)</td></tr>
<tr><td>كُلَّ مُكَلَّفٍ فَحَقِّقْ وَاغْتَنِمْ</td><td>[15]</td><td>تَفْصِيلُ خَمْسَةٍ وَعِشْرِينَ لَزِمْ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Mengetahui satu persatu 25 para Rasul adalah mesti…atas setiap mukallaf, maka capaikanlah dan raihkanlah (pahala).</td></tr>
<tr><td>صَالِحْ وَإِبْرَاهِيْمُ كُلٌّ مُتَّبَعْ</td><td>[16]</td><td>هُمْ آدَمُ اِدْرِيْسُ نُوْحٌ هُوْدُ مَعْ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Mereka ialah Adam, Idris, Nuh, Hud…bersama Soleh, Ibrahim dimana semuanya menjadi ikutan.</td></tr>
<tr><td>يَعْقُوبُ يُوسُفٌ وَأَيُّوْبُ احْتَذَى</td><td>[17]</td><td>لُوْطٌ وَاِسْمَاعِيلُ اِسْحَاقٌ كَذا</td></tr>
<tr><td colspan="3">Lut, Ismail, Ishaq, begitu juga…Yaakub, Yusuf dan berikutnya Ayyub.</td></tr>
<tr><td>ذو الْكِفْلِ دَاوُدُ سُلَيْمانُ اتَّبَعْ</td><td>[18]</td><td>شُعَيبُ هارونُ وموسى وَالْيَسَعْ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Syu’aib, Harun, Musa, al-Yasak…Zul-Kifli, Daud, diikuti Sulaiman.</td></tr>
<tr><td>عِيْسَى وَطَه خاتِمٌ دَعْ غَيَّا</td><td>[19]</td><td>إلْيَاسُ يُونُسُ زَكَرِيَّا يَحْيَى</td></tr>
<tr><td colspan="3">Ilyas, Yunus, Zakaria, Yahya…Isa, Toha (Muhammad SAW) yang menjadi penutupnya, tinggalkanlah kesesatan.</td></tr>
<tr><td>وآلِهِمْ مَا دَامَتْ الأَيَّامُ</td><td>[20]</td><td>عَلَيْهِمُ الصَّلاةُ والسَّلامُ</td></tr>
<tr><td colspan="3">Ke atas mereka semua (kita doakan) selawat dan salam…serta ke atas ahli keluarga mereka, selama berkekalan hari-hari (sepanjang zaman).</td></tr>
<tr><td colspan="3">الملائكة
(Para Malaikat)</td></tr>
</table>

وَالْمَلَكُ الَّذِي بِلا أبٍ وَأمْ	[21]	لا أَكْلَ لا شُرْبَ وَلا نَوْمَ لَهُمْ
Dan (wajib beriman dengan) Malaikat iaitu (makhluk Allah) yang diciptakan tanpa bapa dan ibu…tidak makan, minum dan tidak tidur.		
تَفْصِيلُ عَشْرٍ مِنْهُمْ جِبْرِيلُ	[22]	مِيْكَالُ اسْرَافِيلُ عِزْرَائِيلُ
Wajib pula beriman secara satu persatu dengan 10 malaikat dari mereka; iaitu Jibril…Mikail, Israfil, Izrael.		
مُنْكَرْ نَكِيْرٌ وَرَقِيبٌ وكذا	[23]	عَتِيدُ مَالِكٌ ورِضْوانُ احْتـذى
Munkar, Nakir, Raqieb, begitu juga;…'Atid, Malik dan berikutnya Ridhwan.		
الصحف والكتب المنزلة **(Suhuf dan Kitab-Kitab yang diturunkan)**		
أَرْبَعَةٌ مِنْ كُتُبٍ تَفْصِيلُها	[24]	تَوْارَةُ مُوسى بالْهُدى تَنْزِيلُها
(Wajib beriman dengan) 4 kitab, satu persatunya;…Taurat Nabi Musa yang turun membawa hidayah.		
زَبُورُ دَاوُدَ وَاِنْجِيلٌ على	[25]	عِيسى وَفُرْقَانٌ على خِيْرِ الْمَلا
Zabur Nabi Daud dan Injil yang diturunkan ke atas…Nabi Isa, dan Furqan (al-Quran) yang diturunkan ke atas sebaik-baik makhluk.		
وَصُحُفُ الخَلِيلِ وَالكَلِيمِ	[26]	فِيهَا كَلامُ الْحَكَمِ الْعَلِيمِ
Dan (beriman) dengan suhuf al-Khalil (Nabi Ibrahim) dan al-Kalim (Nabi Musa)…di dalamnya terdapat kalam (kata-kata) Tuhan maha pemutus lagi maha mengetahui.		
وَكُلُّ مَا أَتَى بِهِ الرَّسُولُ	[27]	فَحَقُّهُ التَّسْلِيمُ وَالْقَبُولُ
Setiap yang dibawa oleh Rasul…haknya (yakni kewajipan kita terhadapnya) ialah menyerah dan menerima.		
إِيمَانُنا بِيَوْمِ آخِرٍ وَجَبْ	[28]	وَكُلِّ مَا كَانَ بِهِ مِنَ الْعَجَبْ
Iman kita dengan hari akhirat adalah wajib…termasuk (beriman) dengan segala yang menakjubkan berkenaan dengannya.		
محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم		

(Perihal Nabi Muhammad SAW)		
خَاتِمَةٌ فِي ذِكْرِ بَاقِي الْوَاجِبِ	[29]	مِمَّا عَلَى مُكَلَّفٍ مِنْ وَاجِبِ
Penutup; pada menyebutkan tentang baki kewajipan...iaitu dari perkara yang wajib diketahui setiap mukallaf.		
نَبِيُّنَا مُحَمَّدٌ قَدْ أَرْسِلا	[30]	لِلْعَالَمِينَ رَحْمَةً وَفُضِّلا
Nabi kita Muhammad SAW telah diutuskan...untuk sekelian alam, sebagai rahmat dan (baginda) dikurniakan kelebihan (melebihi selainnya).		
أَبُوهُ عَبْدُ اللهِ عَبْدُ الْمُطَلِبْ	[31]	وَهَاشِمٌ عَبْدُ مَنَافٍ يَنْتَسِبْ
Bapanya adalah Abdullah anak Abdul Muttalib...bin Hashim, bin 'Abd Manaf, kepada mereka nasab baginda.		
وَأُمُّهُ آمِنَةُ الزُّهْرِيَّهْ	[32]	أرضعه حَلِيْمَةُ السَّعْدِيَّهْ
Ibunya adalah Aminah az-Zuhriyah...baginda disusui oleh Halimah as-Sa'diyah.		
مَوْلِدُهُ بِمَكَّةَ الأَمِيْنَهْ	[33]	وَفَاتُهُ بِطَيْبَةَ الْمَدِيْنَهْ
Tempat lahirnya di Mekah (negeri) aman damai...wafatnya di Toybah iaitulah Madinah.		
أَتَمَّ قَبْلَ الْوَحِي أَرْبَعِينا	[34]	وَعُمْرُهُ قَدْ جَاوَزَ السِّتِينا
Genap umurnya 40 tahun sebelum menerima wahyu...umurnya (ketika wafatnya) melepasi 60 tahun.		
أبناء الرسول صلى الله عليه وسلم وآله وصحبه **(Anak-anak Rasulullah SAW, para isteri dan sahabat-sahabat baginda)**		
وسَبْعَةٌ أَوْلادُهُ فَمِنْهُمُ	[35]	ثَلاثَةٌ مِنَ الذُّكُورِ تُفْهَمُ
Anak-anak baginda ada tujuh; maka di antara mereka...tiga orang adalah lelaki, moga kamu dikurniakan kefahaman.		
قَاسِمٌ وعَبْدُ اللهِ وَهْوَ الطَّيبُ	[36]	وطَاهِرٌ بِذَيْنِ ذَا يُلَقَّبُ

(Iaitulah) Qasim, 'Abdullah dan dia adalah at-Toyyib...dan Tohir, dengan mereka berdua (iaitu Ibrahim dan Abdullah) baginda digelar.		
أتاهُ إبْراهِيمُ من سُرِّيَّهْ	[37]	فأمُّهُ مَارِيَّةُ الْقِبْطِيَّهْ
(Kemudian) dikurniakan pula kepada baginda; Ibrahim, anak dari seorang hamba...di mana ibunya ialah Mariyah al-Qibtiyyah.		
وغَيْرُ إبْرَاهِيمَ مِنْ خَدِيْجَهْ	[38]	هُمْ سِتَّةٌ فَخُذْ بِهِمْ وَلِيْجَهْ
Selain Ibrahim, semua anak-anak baginda adalah dari Khadijah...jumlah mereka semua tujuh orang, maka jadikanlah mereka kekasih hati sejati.		
وأرْبَعٌ مِنَ الإناثِ تُذْكَرُ	[39]	رِضْوَانُ رَبِّي لِلْجَمِيْعِ يُذْكَرُ
Empat dari anak-anak baginda adalah perempuan...semoga keredhaan Tuhan melimpahi semua mereka.		
فَاطِمَةُ الزَّهْراءُ بَعْلُهَا عَلي	[40]	وابْنَاهُمَا السِّبْطَانِ فَضْلُهُمْ جَلي
Iaitulah; Fatimah az-Zahra yang bersuamikan 'Ali...kedua anak mereka berdua (iaitu Hasan dan Husain) adalah cucu baginda, kelebihan mereka adalah nyata (kepada sekelian kaum muslimin).		
فَزَيْنَبٌ وبَعْدَها رُقَيَّهْ	[41]	وأمُّ كُلْثُومٍ زَكَتْ رَضِيَّهْ
Kemudian Zainab, diikuti Ruqayyah...dan Ummu Kalthum, (anak-anak) yang bersih, lagi diredhai.		
أزواج رسول الله صلى الله عليه وسلم واله **(Isteri-isteri Rasulullah SAW)**		
عَنْ تِسْعِ نِسْوَةٍ وَفَاةُ الْمُصْطَفَى	[42]	خُيِّرْنَ فَاخْتَرْنَ النَّبِيَّ الْمُقْتَفَى
Baginda wafat dengan meninggalkan 9 isteri...mereka diberi pilihan, lalu mereka memilih Nabi SAW yang diikuti jejaknya.		
عَائِشَةٌ وَحَفْصَةٌ وَسَوْدَةْ	[43]	صَفِيَّةٌ مَيْمُوْنَةٌ و رَمْلَةُ
Iaitulah; 'Aisyah, Hafsah, dan Saudah...Sofiyyah, Maimunah dan Ramlah.		

هِنْدٌ وَ زَيْنَبٌ كَذَا جُوَيْرِيَهْ	[44]	لِلْمُؤْمِنِينَ أَمَّهَاتٌ مُرْضِيَهْ
Hindun, Zainab, begitu juga Juwairiyah…semua mereka adalah ibu-ibu yang diredahi bagi kaum muslimin.		
أعمام النبي وعماته صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم **(Bapa-bapa saudara dan ibu saudara Rasulullah SAW)**		
حَمْزَةُ عَمُّهُ وعَبَّاسٌ كَذَا	[45]	عَمَّتُهُ صَفِيَّةٌ ذَاتُ احْتِذَا
Bapa saudaranya ialah Hamzah, begitu juga ‘Abbas…ibu saudaranya ialah Sofiyyah yang menjadi pengikut (Rasulullah SAW).		
الإسراء والمعراج **(Israk dan Mikraj)**		
وقَبْلَ هِجْرَةِ النَّبِيِّ الْإِسْرَا	[46]	مِن مَكَّةٍ لَيْلاً لِقُدْسٍ يُدْرَى
Sebelum hijrah Nabi SAW, berlaku Israk (perjalanan)…dari Mekah pada satu malam menuju ke al-Quds (Baitil Maqdis) yang sedia dikenali.		
بَعْدَ إِسْرَاءٍ عُرُوجٌ لِلسَّمَا	[47]	حَتى رَأى النَّبِيُّ رَبّاً كَلَّمَا
Setelah Israk, dibawa pula naik ke langit…hingga Nabi melihat Tuhan yang bercakap (kepada baginda).		
مِنْ غَيْرِ كَيْفٍ وَانْحِصَارٍ وَافْتَرَضْ	[48]	عَلَيْهِ خَمْساً بَعْدَ خَمْسِيْنَ فَرَضْ
(Melihat) dengan tanpa kaifiyat (cara) dan batasan, dan Allah memfardhukan…kepada baginda solat 5 waktu, setelah asalnya difardhukan 50 waktu.		
وَبَلَّغَ الأمَّةَ بِالإِسْراءِ	[49]	وَفَرضِ خَمْسَةٍ بِلا امْتِرَاءِ
Kemudian Nabi SAW menceritakan kepada umatNya peristiwa Israk itu…dan kefardhuan solat 5 waktu tanpa keraguan.		
وَقَدْ فَازَ صِدِّيْقٌ بِتَصْدِيْقٍ لَهُ	[50]	وَبِالْعُرُوْجِ الصِّدْقُ وَافَى أَهْلَهُ
Sesungguhnya beruntunglah as-Siddiq (Abu Bakar RA) kerana beliau membenarkan Nabi (bagi cerita Israk yang baginda sampaikan)…melalui peristiwa Mikraj (dan juga Israk) kebenaran		

menemui orangnya (yakni diketahui siapa membenarkan Nabi dan siapa mendustakannya).		
خاتمة **(Penutup)**		
وَهَذِهِ عَقِيْدَةٌ مُخْتَصَرَهْ	[51]	وَلِلْعَوَامِ سَهْلَةٌ مُيَسَّرَهْ
Inilah aqidah yang ringkas… senang dan mudah bagi orang-orang awam.		
نـاظِمُ تِلْكَ أحْمَدُ الْمَرْزُوقِيْ	[52]	مَنْ يَنْتَمِي للصَّادِقِ الْمَصْدُوقِ
Penulis nazam ini ialah Ahmad al-Marzuqi…seorang yang bersambung nasabnya kepada (Nabi) yang benar lagi dibenarkan.		
و الْحَمْدُ للهِ وصَلَّى سَلَّمَا	[53]	على النَّبِيِّ خَيْرِ مَنْ قَدْ عَلَّمَا
Dan segala pujian milik Allah, dan selawat serta salam (Allah)…ke atas Nabi, iaitu sebaik-baik guru yang mengajar.		
والآلِ والصَّحْبِ وَكُلِ مُرْشِدِ	[54]	وَكُلِّ مَنْ بِخَيْرِ هَدْيٍ يَقْتَدِي
Serta ke atas ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda, serta setiap guru mursyid (penyuluh umat)…dan semua yang mengikuti sebaik-baik petunjuk.		
وأسْالُ الكريْمَ إخْلاصَ الْعَمَلْ	[55]	ونَفْعَ كُلِّ مَنْ بِهَا قَدْ اشْتَغَلْ
Kepada Tuhan yang pemurah/mulia aku memohon keikhlasan beramal…dan memberi manfaat dengannya kepada semua orang (pelajar) yang menyibukkan diri (mempelajarinya).		
أبْيَاتُهَا (مَيْزٌ) بِعَدِّ الْجُمَّلِ	[56]	تَارِيْخُها (لِيْ حَيٌّ غُرٍّ) جُمَّلِ
Jumlah baitnya menyamai perkataan (مَيْزٌ) mengikut hitungan jummal (iaitu 57 bait, kerana huruf mim menyamai; 40, ya menyamai; 10 dan zai menyamai; 7)…tarikh selesainya pula menyamai perkataan (لِيْ حَيٌّ غُرّ) mengikut hitungan jummal juga (iaitu 1258 hijrah, kerana; lam; 30, ya; 10, ha; 8, ya; 10, ghain; 1000, dan ra; 200).		

سَمَّيْتُهَا عَقِيْدَةَ الْعَوَامِ	[57]	مِنْ وَاجِبٍ فِي الدِّيْنِ بِالتَّمَامِ
Aku namakannya ‘Aqidah al-‘Awwam’…dari kewajipan dalam agama secara sempurna (lengkap).		

*****الحمد لله به تتم الصالحات، وصلى الله على سيدنا محمد وآله*****

عقيدة أهل الإسلام للإمام الحداد

AQIDAH UMAT ISLAM[29]

Oleh; Imam Abdullah bin 'Alawi al-Haddad (wafat 1132 hijrah)

Berkata Imam Sayyid Abdullah bin 'Alawi al-Haddad (wafat 1132 hijrah);

هذه عقيدة وجيزة جامعة نافعة إن شاء الله تعالى على سبيل الفرقة الناجية و هم أهل السنة و الجماعة و السواد الأعظم من المسلمين. الحمد لله وحده ، و صلى الله على سيدنا محمد و آله و صحبه و سلم ،وبعد:

Inilah adalah (matan) aqidah yang ringkas, menyeluruh dan bermanfaat -dengan izin Allah-, yang berlandaskan manhaj *firqah najiyah* (yakni kelompok umat yang selamat dari kesesatan) iaitu Ahlus-Sunnah wal-Jama'ah dan kelompok teramai umat Islam. Segala pujian hanya milik Allah, dan (kita mendoakan dari) Allah agar melimpahkan rahmat dan keselamatan ke atas penghulu kita Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Berikutnya (adalah matan aqidah yang kita maksud itu);

نعلم ونقر ونعتقد، ونؤمن ونوقن، ونشهد: أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له. إله عظيم، ملك كبير، لارب سواه، و لامعبود إلاإياه.

(Hendaklah setiap dari) kita mengetahui, mengakui, mengiktiqadkan, mengimani, meyakini serta bersaksi; bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Allah satu-satuNya, tiada sebarang sekutu bagiNya, Tuhan yang maha agung, Penguasa yang maha besar, tiada pencipta dan pentadbir selainNya dan tiada yang berhak disembah melainkan Dia.

[29] Matan aqidah ini asalnya sebahagian dari kandungan kitabnya al-Nasaih al-Dininiyah wa al-Wasaya al-Imaniyah, namun kemudiannya dicetak dan diterbitkan sebagai matan berasingan oleh beberapa penerbit.

قديم أزلي، دائم أبدي، لاابتداء لأوليته، ولا انتهاء لآخريته. أحد صمد، لم يلد ولم يولد، ولم يكن له كفواً أحد. لاشبيه له ولا نظير وليس كمثله شئ وهو السميع البصير.

Dia adalah qadim (sedia ada) lagi azali, berterusan lagi abadi. Tiada permulaan bagi awalNya. Tiada penghujung bagi akhirNya. Dia maha esa, tempat bergantung (sekelian makhlukNya), tidak beranak, tidak diperanakkan dan tiada seorangpun yang kufu (setara) denganNya. Tiada baginya keserupaan dan tiada pula tandingan. Tiada suatupun yang sepertiNya dan Dia maha menndengar lagi maha melihat.

وأنه تعالى مقدس عن الزمان والمكان، وعن مشابهة الأكوان، ولا تحيط به الجهات، ولاتعتريه الحادثات. مستو على عرشه على الوجه الذي قاله، وبالمعنى الذي أراده، إستواءً يليق بعز جلاله، وعلو مجده وكبريائه.

(Kita meyakini) bahawasanya Dia bebas dari waktu dan ruang, serta bebas dari persamaan dengan alam kejadianNya. Dia tidak dilingkungi mana-mana arah dan tidak dikenai sebarang peristiwa. (Kita meyakini bahawa) Dia *beristiwa'* di atas 'ArasyhNya sebagaimana difirmankanNya dan dengan maksud yang dikehendakiNya, iaitu *istiwa'* yang sesuai dengan kemuliaan martabatNya, ketinggian nama dan kebesaranNya.

وأنه تعالى قريب من كل موجود، وهو أقرب للإنسان من حبل الوريد، وعلى كل شئ رقيب وشهيد. حي قيوم، لاتأخذه سنة ولانوم. بديع السموات والأرض، وإذا قضى أمرا فإنما يقول له كن فيكون.

(Kita meyakini) bahawasanya Dia hampir dengan segala kewujudan. Dia lebih hampir kepada manusia dari urat leher mereka sendiri. Dia mengawasi dan menyaksikan segala perkara. Dia maha hidup, maha berdiri sendiri, tidak ditimpa mengantuk apatahlagi tidur. Dia yang menciptakan sekalian langit dan bumi dari kekosongan. Apabila Dia menetapkan (untuk mencipta) sesuatu, maka memadai dengan Dia berkata kepadanya, "Jadilah kamu", lalu jadilah ia.

الله خالق كل شئ وهو على كل شئ وكيل. وأنه تعالى على كل شئ قدير، وبكل شئ عليم، وقد أحاط بكل شئ علما، و أحصى كل شئ عددا. وما يعزب عن ربك من مثقال ذرة في الأرض ولافي السماء. يعلم ما يلج في الأرض وما يخرج منها، وما ينزل من السماء وما يعرج فيها، وهو معكم أينما كنتم، والله بما تعملون بصير. ويعلم السر وأخفى، ويعلم ما في البر والبحر، و ما تسقط من ورقة إلايعلمها، ولا حبة في ظلمات الأرض ولا رطب ولا يابس إلا في كتاب مبين.

(Kita meyakini) bahawa Allah adalah pencipta segala sesuatu. Dialah juga yang menjaga dan menguruskannya. Dia berkuasa atas segala-galanya dan Dia mengetahui segala perkara. IlmuNya meliputi segenap perkara dan hitunganNya merangkumi semua jumlah dan perkiraan (yakni tiada yang tertinggal). Tidak terluput (dari pengetahuan dan hitungan) Tuhanmu sekalipun seberat timbangan zarah di bumi maupun di langit. Dia mengetahi segala yang masuk ke bumi dan segala yang keluar darinya, segala yang turun dari langit dan segala yang naik kepadanya. Dia bersama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah maha melihat segala yang kamu lakukan. Dia mengetahui yang rahsia dan yang tersembunyi. Dia mengetahui segala kewujudan di darat dan di lautan. Tidak gugur sehelai daun melainkan Dia mengetahuinya, tidak gugur sebutir benih ke dalam kegelapan bumi (tanah), tidak gugur yang basah maupun yang kering melainkan segalanya telah tercatat dalam buku yang terang nyata (iaitu Lauh Mahfuz).

وأنه تعالى مريد للكائنات، مدبر للحادثات. وأنه لا يكون كائن من خير أو شر، أو نفع أوضر إلا بقضائه ومشيئته، فما شاء كان، وما لم يشأ لم يكن. ولو اجتمع الخلق كلهم على أن يحركوا في الوجود ذرة، أو يسكنوها دون إرادته لعجزوا عنه.

(Kita meyakini) bahawa Allah SWT berkehendak bagi segala kejadian (di alam ini) dan Dialah yang mentadbir segala yang baharu (yakni makhluk). Tidak ada yang terjadi sama ada yang baik atau yang buruk, yang

bermanfaat atau bermudarat melainkan dengan ketetapan dan kemahuanNya. Maka apa yang Dia kehendaki akan terjadi dan apa yang Dia tidak kehendaki tidak akan terjadi. Jika sekalian makhluk berhimpun untuk menggerakkan di alam wujud ini satu zarah atau untuk mendiamkannya nescaya mereka tidak mampu melakukannya tanpa kehendakNya.

وأنه تعالى سميع بصير، متكلم بكلام قديم أزلي، لا يشبه كلام الخلق. وأن القرآن العظيم كلامه القديم، وكتابه المنزل على نبيه و رسوله محمد صلى الله عليه و سلم.

(Kita meyakini) bahawa Dia mendengar dan melihat. Dia berkata-kata dengan kalam yang qadim lagi azali yang tidak menyamai kalam makhluk. (Kita turut meyakini) bahawa al-Quran yang agung adalah kalamNya yang qadim dan kitabNya yang diturunkan ke atas Nabi dan RasulNya Muhammad SAW.

وأنه سبحانه الخالق لكل شئ، والرازق له والمدبر والمتصرف فيه كيف يشاء، ليس له في ملكه منازع ولا مدافع، يعطي من يشاء، ويمنع من يشاء، ويغفر لمن يشاء، ويعذب من يشاء، لايسأل عما يفعل، وهم يسألون. وأنه عالى حكيم في فعله، عادل في قضائه، لايتصور منه ظلم ولاجور، ولا يجب عليه لأحد حق.

(Kita meyakini) bahawasanya Allah Dialah Pencipta segala perkara (di alam ini), Yang memberi rezki kepadanya, Yang mentadbir dan Yang bertindak padanya mengikut kemahuanNya. Tidak ada bagiNya dalam kerajaan atau kekuasaanNya sebarang (kuasa) yang dapat membantahnya dan yang menolak (kehendakNya). Dia berkuasa memberi kepada siapa yang Dia kehendaki dan menegah dari siapa yang Dia kehendaki, mengampunkan siapa yang dikehendakiNya dan mengazab siapa yang dikehendaki. Dia tidak ditanya/dipersoalkan terhadap apa yang dilaksanakannya (terhadap hamba-hambaNya), sebaliknya mereka yang akan ditanya. Dia maha tinggi (menguasai) lagi maha bijaksana dalam perbuatan/tindakanNya dan maha adil dalam ketetapanNya. Tidak tergambar akan terbit dariNya sebarang kezaliman dan tidak pula penganiayaan. Tidak ada sebarang hak (kewajipan)

yang wajib atasNya (yang mesti Dia tunaikan) kepada mana-mana hambaNya.

ولو أنه سبحانه أهلك جميع خلقه في طرفة عين لم يكن بذلك جائراً عليهم ولا ظالماً لهم، فإنهم ملكه وعبيده، وله أن يفعل في ملكه ما يشاء وما ربك بظلام للعبيد. يثيب عباده على الطاعات فضلاً وكرماً، و يعاقبهم على المعاصي حكمةً وعدلاً، وأن طاعته واجبة على عباده بإيجابه على ألسنة أنبيائه عليهم الصلاة والسلام.

(Kita meyakini) sekiranya Allah SWT membinasakan sekelian makhlukNya dalam sekelip mata nescaya dengan tindakkan itu tidaklah Dia dapat dikatakan menganiayai mereka atau menzalimi mereka, kerana semua mereka adalah milikNya dan juga hamba-hambaNya, maka Dia berhak melakukan mengikut kemahuanNya dalam kerajaan milikNya. Tidaklah Tuhanmu (wahai Muhammad SAW) menzalimi/menganiayai hamba-hambaNya. Jika Dia memberikan ganjaran kepada hamba-hambaNya kerana ketaatan-ketaatan mereka maka itu semata-mata kurniaan dan kepemurahan (dariNya). Jika Dia menghukum mereka atas maksiat-maksiat mereka maka itu adalah semata-mata kebijaksanaan dan keadilan (dariNya). MentaatiNya merupakan kewajipan atas hamba-hambaNya yang Dia wajibkan ke atas mereka melalui (perintah yang disampaikan melalui) lidah para NabiNya AS.

ونؤمن بكل كتاب أنزله الله، وبكل رسول أرسله الله، وبملائكة الله، وبالقدر خيره وشره. ونشهد أن محمداً عبد الله ورسوله، أرسله إلى الجن والإنس، والعرب والعجم، بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله ولو كره المشركون.

Kita beriman dengan semua kitab yang diturunkan Allah, dengan semua Rasul yang diutuskanNya, semua malaikatNya dan dengan qadar (ketetapanNya) sama ada yang baik darinya mahupun yang buruk. Kita bersaksi bahawasanya (nabi) Muhammad SAW adalah hamba Allah dan RasulNya, yang diutuskan kepada sekelian jin dan manusia, meliputi bangsa Arab dan juga Ajam (bangsa-bangsa selain Arab) dengan membawa hidayah dan agama yang benar, kerana Dia ingin memenangkan agama itu (agar)

mengatasi agama-agama yang lain meskipun orang-orang musyrikin membencinya.

وأنه بلغ الرسالة، وأدى الأمانة، ونصح الأمة ، وكشف الغمة، وجاهد في الله حق جهاده، وأنه صادق أمين، مؤيد بالبراهين الصادقة والمعجزات الخارقة. وأن الله فرض على العباد تصديقه و طاعته و اتباعه، و أنه لا يقبل إيمان عبد و إن آمن به سبحانه حتى يؤمن بمحمد صلى الله عليه وسلم، و بجميع ما جاء به و أخبر عنه من أمور الدنيا والآخرة والبرزخ.

(Kita meyakini) bahawasaanya Nabi Muhammad SAW telah menyampaikan risalah Allah, baginda telah melaksanakan amanah (yang diberikan Allah), menasihati umat, mendedahkan kesamaran serta telah bersungguh-sungguh di jalan Allah dengan kesungguhan yang sebenar-benarnya. (Kita meyakini) bahawa baginda seorang yang benar lagi amanah, yang diteguhkan (Allah) dengan bukti-bukti keterangan yang benar serta mukjizat-mukjizat yang luar biasa. (Kita turut meyakini) bahawa Allah mewajibkan sekelian hamba untuk membenarkan baginda, mentaati serta mengikutinya. (Kita meyakini juga) bahawa keimanan seorang hamba tidak akan diterima Allah -sekalipun dia telah beriman dengan Allah- selagi dia belum beriman dengan Nabi Muhammad SAW dan semua ajaran yang dibawa dan diberitahu baginda merangkumi urusan-urusan duniawi, ukhrawi dan juga alam barzakh.

ومن ذلك : أن يؤمن بسؤال منكر ونكير للموتى، عن التوحيد والدين و النبوة. وأن يؤمن بنعيم القبر لأهل الطاعة، وبعذابه لأهل المعصية. وأن يؤمن بالبعث بعد الموت، وبحشر الأجساد و الأرواح إلى الله، و بالوقوف بين يدي الله، و بالحساب، و أن العباد يتفاوتون فيه إلى مسامح ومناقش، وإلى من يدخل الجنة بغير حساب .

Di antaranya; dia mesti beriman dengan soalan Munkar dan Nakir (yang akan bertanya) mayat-mayat (sebaik dikebumikan) tentang tauhid, agama dan kenabian. Beriman adanya kenikmatan kubur bagi orang yang taat dan azab kubur bagi pelaku maksiat. Beriman dengan kebangkitan semula

setelah mati, dihimpunkan sekalian jasad dan ruh kepada Allah SWT, berdiri di hadapan Allah dan hisab (perhitungan). Dan beriman bahawa keadaan hamba-hamba ketika hisab adalah berbeza-beza; ada yang dimudahkan hisab dan ada yang (dipayahkan hisab dengan) diselidiki dan ada yang memasuki syurga tanpa hisab.

وأن يؤمن بالميزان الذي توزن فيه الحسنات والسيئات، وبالصراط وهو جسر ممدود على متن جهنم وبحوض نبينا محمد صلى الله عليه وسلم الذي يشرب منه المؤمنون قبل دخول الجنة، وماؤه من الجنة. وأن يؤمن بشفاعة الأنبياء ثم الصديقين والشهداء، والعلماء والصالحين و المؤمنين. وأن الشفاعة العظمى مخصوصة بمحمد صلى الله عليه وسلم.

(Dia juga hendaklah) beriman dengan mizan (timbangan) yang dengannya akan ditimbang segala kebaikan dan kejahatan (makhluk). Beriman dengan sirat iaitu jambatan/titian yang membentangi di atas belakang neraka Jahannam, serta (beriman dengan) haudh (kolam) Nabi kita Muhammad SAW yang akan minum darinya sekelian orang beriman sebelum memasuki Syurga di mana airnya datang dari Syurga. Beriman dengan syafaat para Nabi AS, kemudian syafaat para Siddiqin, Syuhadak, para ulamak, orang-orang soleh dan orang-orang beriman. Juga beriman bahawa syafaat teragung adalah khusus bagi Nabi Muhammad SAW,

وأن يؤمن بإخراج من دخل النار من أهل التوحيد حتى لا يخلد فيها من في قلبه مثقال ذرة من ايمان. وأن أهل الكفر والشرك مخلدون في النار أبد الآبدين، لايخفف عنهم العذاب ولا هم ينظرون. وأن المؤمنين مخلدون في الجنة أبداً سرمداً، لايمسهم فيها نصب وما هم منها بمخرجين. وأن المؤمنين يرون ربهم في الجنة بأبصارهم على ما يليق بجلاله وقدس كماله.

Dia juga beriman (meyakini) bahawa ahli tauhid (yakni orang yang mengucapkan kalimah tauhid; LAILAHA ILLALLAH) akan dikeluarkan dari neraka sehingga tidak akan kekal di dalamnya orang yang di dalam hatinya

terdapat iman sekalipun seberat timbangan zarah. Beriman bahawa ahli kufur dan syirik akan kekal di dalam neraka untuk selama-lamanya, tidak akan diringankan azab dari mereka dan mereka tidak akan diberi tangguhan. Beriman bahawa orang-orang beriman akan kekal di dalam Syurga selama-lamanya, mereka tidak akan ditimpa sebarang kepayahan dan tidak akan keluar darinya. Beriman (meyakini) bahawa orang-orang beriman akan melihat Tuhan mereka semasa dalam Syurga melalui pandangan mereka yang sesuai dengan kebesaran Allah dan kesempurnaan zatNya yang suci.

وأن يعتقد فضل أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم وترتيبهم، وأنهم عدول أخيار أمناء، لا يجوز سبهم ولا القدح في أحد منهم. وأن الخليفة الحق بعد رسول الله صلى الله عليه وسلم: أبوبكر الصديق، ثم عمر الفاروق، ثم عثمان الشهيد، ثم علي المرتضى رضي الله عنهم وعن أصحاب رسول الله صلى الله عليه و سلم أجمعين، وعن التابعين لهم بإحسان إلى يوم الدين، وَعِنَا معهم برحمتك اللهم يا أرحم الراحمين)).

Dia juga (wajib) meyakini kelebihan para sahabat dan susunan (darjat) mereka, serta (meyakini) bahawa mereka adalah insan-insan adil, terpilih dan amanah. Tidak harus menghina mereka dan mencela mana-mana seorang dari mereka. (Begitu juga meyakini) bahawa khalifah yang benar setelah Rasulullah SAW ialah Abu Bakar al-Siddiq RA, kemudian Umar al-Faruq RA, kemudian Usman al-Syahid, diikuti Ali al-Murtada (yang direstui). (Kita mendoakan) semoga Allah meredhai mereka dan sekelian sahabat Rasulullah serta orang-orang yang mengikuti mereka dalam kebaikan hingga ke hari pembalasan. *Peliharalah kami bersama mereka dengan rahmatMu Ya Tuhan Yang Paling penyayang dari semua yang menyayangi*)).

الحمد لله به تتم الصالحات، وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه

مَتْنُ الْعَقِيْدَةِ الإِسْلَامِيَّةِ لِلإِمَامِ الْقَيْرَوَانِيّ

MATAN AQIDAH ISLAM

Oleh; Imam Abdullah bin Abu zaid al-Qayrawani (wafat 396 hijrah)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

"Dengan nama Allah, Tuhan maha pemurah lagi maha pengasih. Segala pujian adalah milik Allah, Tuhan semesta alam. Semoga Allah melimpahi selawat dan salamNya ke atas penghulu kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta sahabat-sahabatnya".

قَالَ أَبُو مُحَمَّدٍ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي زَيْدٍ الْقَيْرَوَانِيُّ (رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَأَرْضَاهُ):

Berkata (al-Imam) Abu Muhammad Abdullah bin Abi Zaid al-Qayrawani (1)–semoga Allah meredhainya-;

بَابُ مَا تَنْطِقُ بِهِ الأَلْسِنَةُ، وَتَعْتَقِدُهُ الْأَفْئِدَةُ مِنْ وَاجِبِ أُمُورِ الدِّيَانَاتِ

(Bab; Menjelaskan perkara yang mesti dituturkan oleh lidah dan diiktiqadkan oleh hati dari urusan-urusan agama yang wajib)

Mengenal Allah

مِنْ ذَلِكَ: اَلإِيمَانُ بِالْقَلْبِ، وَالنُّطْقُ بِاللِّسَانِ أَنَّ اللَّهَ إِلَهٌ وَاحِدٌ، لاَ

إِلَهَ غَيْرُهُ،

1. Di antara (kewajipan agama) ialah; beriman dengan hati dan menutur dengan lidah bahawa Allah adalah Tuhan yang esa, tiada Tuhan selainNya.

وَلاَ شَبِيهَ لَهُ، وَلاَ نَظِيرَ لَهُ،

2. Tiada yang serupa denganNya dan tiada yang sebanding bagiNya,

وَلاَ وَلَدَ لَهُ، وَلاَ وَالِدَ لَهُ، وَلاَ صَاحِبَةَ لَهُ، وَلاَ شَرِيكَ لَهُ،

3. Dia tidak memiliki anak, bapa dan juga isteri, dan tiada sekutu bagiNya.

لَيْسَ لِأَوَّلِيَّتِهِ ابْتِدَاءٌ، وَلاَ لِآخِرِيَّتِهِ انْقِضَاءٌ،

4. Dia tidak berpemulaan dan tidak pula berkesudahan.

لاَ يَبْلُغُ كُنْهَ صِفَتِهِ الْوَاصِفُونَ، وَلاَ يُحِيطُ بِأَمْرِهِ الْمُتَفَكِّرُونَ،

5. Tiada sesiapa pun yang ingin mensifatkanNya akan mampu untuk menyelami hakikat sifatNya, dan para pemikir tidak akan dapat mengetahui secara keseluruhan/sempurna akan urusanNya.

وَيَعْتَبِرُ الْمُتَفَكِّرُونَ بِآيَاتِهِ، وَلاَ يَتَفَكَّرُونَ فِي مَاهِيَّةِ ذَاتِهِ.

6. Oleh itu, cukuplah orang-orang yang berfikir mengambil pengajaran dengan tanda-tanda kebesaranNya tanpa mereka berfikir tentang hakikat zatNya.

وَلاَ يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلاَّ بِمَا شَاءَ،

7. Mereka (manusia) tidak mengetahui sesuatu dari ilmuNya melainkan dengan kadar yang Ia kehendaki (untuk mengajarnya kepada manusia).

وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضَ،

8. Amat luas kursiNya meliputi sekelian langit dan bumi,

وَلاَ يَؤُدُهُ حِفْظُهُمَا،

9. Tidak memberatiNya untuk menjaga keduanya (yakni langit dan bumi itu),

وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ.

10. Dialah Tuhan yang maha tinggi lagi maha agung.

الْعَالِمُ،

11. Dia adalah Tuhan al-'Alim (maha mengetahui),

الْخَبِيرُ،

12. Al-Khabir (maha kemuncak ilmuNya),

الْمُدَبِّرُ،

13. Al-Mudabbir (yang mentadbir alam),

الْقَدِيرُ،

14. al-Qadir (yang maha berkuasa; maha sempurna qudrahNya),

السَّمِيعُ،

15. As-Sami' (maha mendengar),

الْبَصِيرُ،

16. al-Basir (maha melihat),

الْعَلِيُّ،

17. al-Aliy (yang maha tinggi),

الْكَبِيرُ.

18. Al-Kabir (maha hebat).

وَأَنَّهُ فَوْقَ عَرْشِهِ الْمَجِيدِ بِذَاتِهِ،

18. Dia menguasai/mengatasi ArasyhNya yang mulia dengan (keagungan/kehebatan) zatNya,

وَهُوَ فِي كُلِّ مَكَان بِعِلْمِهِ.

19. Dia seolah berada di setiap tempat dengan ilmuNya.

خَلَقَ الإِنْسَانَ وَيَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ، وَهُوَ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ،

20. Dia menjadikan manusia dan mengetahui setiap yang dibisikkan oleh mereka, Dia lebih hampir dengan mereka dari urat leher mereka.

وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إلاَّ يَعْلَمُهَا، وَلاَ حَبَّةٍ فِي ظُلُمَاتِ الأَرْضِ وَلاَ رَطْبٍ وَلاَ يَابِسٍ إلاَّ فِي كِتَابٍ مُبِينٍ.

21. Tidak ada daun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya, begitu juga sebiji benih yang tumbuh dalam kegelapan-kegelapan tanah, tidak ada yang basah maupun yang kering melainkan telah berada di dalam buku cacatan yang nyata.

عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى،

21. Dia beristiwa atas 'ArayshNya,

وَعَلَى الْمُلْكِ احْتَوَى.

22. (Qudrah dan kekuasaanNya) meliputi segala yang dimilikiNya.

وَلَهُ الأَسْمَاءُ الْحُسْنَى وَالصِّفَاتُ الْعُلَى،

23. Dia memiliki nama-nama yang indah dan sifat-sifat yang tinggi.

لَمْ يَزَلْ بِجَمِيعِ صِفَاتِهِ وَأَسْمَائِهِ تَعَالَى أَنْ تَكُونَ صِفَاتُهُ مَخْلُوقَةً وَأَسْمَاؤُهُ مُحْدَثَةً.

24. Dia azali (qadim) dengan segala sifat dan nama-namaNya, kerana itu sifat-sifatNya bukanlah makhluk (dijadikan) dan nama-namaNya bukanlah baharu.

كَلَّمَ مُوسَى بِكَلاَمِهِ الَّذِي هُوَ صِفَةُ ذَاتِهِ، لاَ خَلْقٌ مِنْ خَلْقِهِ،

25. Dia berkata-kata dengan Musa AS dengan kalamNya yang mana kalam itu adalah sifat bagi zatNya, bukan makhluk dari makhluk-

makhlukNya.

وَتَجَلَّى لِلْجَبَلِ فَصَارَ دَكًّا مِنْ جَلاَلِهِ.

26. Dia tajalli (yakni menampakkan sebahagian kebesaranNya) kepada bukit menyebabkan bukit pecah kerana kehebatan/keagungan ZatNya.

وَأَنَّ الْقُرْآنَ كَلاَمَ اللَّهِ، لَيْسَ بِمَخْلُوقٍ فَيَبِيدُ، وَلاَ صِفَةً لِمَخْلُوقٍ فَيَنْفَدُ.

26. (Wajib diyakini) bahawa sesungguhnya al-Quran yang berupa kalam Allah bukanlah makhluk hingga ia akan musnah dan bukan pula satu sifat bagi makhluk hingga akan tamat/habis.

Beriman dengan Qadha dan Qadar

وَالإِيمَانُ بِالْقَدَرِ: خَيْرِهِ وَشَرِّهِ، وَحُلْوِهِ وَمُرِّهِ، وَكُلِّ ذَلِكَ قَدْ قَدَّرَهُ اللَّهُ رَبُّنَا، وَمَقَادِيرُ الأُمُورِ بِيَدِهِ وَمَصْدَرُهَا عَنْ قَضَائِهِ.

27. (Di antara kewajipan mukallaf ialah); beriman dengan taqdir (ketetapan Allah); yang baiknya dan yang buruknya, yang manisnya dan yang pahitnya. Semua yang demikian itu telah ditentukan oleh Allah Tuhan kita. Ketetapan bagi segala urusan adalah di tanganNya dan puncanya adalah dari keputusannya.

عَلِمَ كُلَّ شَيْءٍ قَبْلَ كَوْنِهِ، فَجَرَى عَلَى قَدَرِهِ، لاَ يَكُونُ مِنْ عِبَادِهِ قَوْلٌ وَلاَ عَمَلٌ إِلاَّ وَقَدْ قَضَاهُ وَسَبَقَ عِلْمُهُ بِهِ: (أَلا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ).

28. Dia mengetahui segala perkara sebelum terjadinya lagi, di mana perkara itu hanya akan berlaku mengikut ketetapanNya. Tidak ada sebarang ucapan mahupun perbuatan yang terjadi dari hambaNya melainkan telah Ia putuskan dan telah berlalu ilmuNya tentangnya (sebagaimana firmanNya yang bermaksud);

يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

“Apakah Tuhan yang menjadikan tidak mengetahui (tentang makhluk-makhluk yang Dia jadikan), sedang Dia adalah al-Latif (Tuhan yang mengetahui sekecil-kecil urusan dan serumit-rumitnya) serta al-Khabir (Tuhan yang tidak ada suatu apapun yang terlepas dari pengetahuanNya)?” (surah al-Mulk, ayat 14).

يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ فَيَخْذُلُهُ بِعَدْلِهِ، وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ فَيُوَفِّقُهُ بِفَضْلِهِ، فَكُلٌّ مُيَسَّرٌ بِتَيْسِيرِهِ: إِلَى مَا سَبَقَ مِنْ عِلْمِهِ وَإِرَادَتِهِ مِنْ شَقِيٍّ أَوْ سَعِيدٍ.

29. Dengan keadilanNya Dia menyesatkan siapa yang Ia kehendaki iaitu dengan dibiarkan orang itu (tanpa diberi taufik) dan dengan kurniaanNya Dia menunjuki orang yang Ia kehendaki iaitu dengan mentaufiki orang itu. Maka setiap manusia telah dimudahkan oleh Allah untuk menuju kepada (ketetapan) yang telah berlalu dalam ilmu Allah dan iradahNya sama ada dia merupakan orang yang celaka atau orang yang bahagia.

تَعَالَى أَنْ يَكُونَ فِي مُلْكِهِ مَا لاَ يُرِيدُ، أَوْ يَكُونَ لأَحَدٍ عَنْهُ غِنًى، أَوْ يَكُونَ خَالِقٌ لِشَيْءٍ إِلاَّ هُوَ رَبُّ الْعِبَادِ وَرَبُّ أَعْمَالِهِمْ، وَالْمُقَدِّرُ

لِحَرَكَاتِهِمْ وَآجَالِهِمْ.

30. Amat jauhlah untuk berlaku dalam kerajaanNya perkara yang tidak Dia kehendaki atau untuk ada seorang yang kaya dariNya (yakni tidak berhajat kepadaNya) atau untuk ada seorang pencipta bagi sesuatu selain Dia (Allah); Tuhan Yang menjadikan sekelian hamba dan Yang menjadikan segala perbuatan mereka, Tuhan yang menentukan segala pergerakan mereka dan juga ajal-ajal mereka.

Para Rasul

الْبَاعِثُ الرُّسُلَ إِلَيْهِمْ لِإِقَامَةِ الْحُجَّةِ عَلَيْهِمْ،

31. (Dialah Allah) Tuhan yang mengutuskan para Rasul kepada mereka (manusia) untuk menegakkan hujjahNya terhadap mereka.

ثُمَّ خَتَمَ الرِّسَالَةَ وَالنِّذَارَةَ وَالنُّبُوَّةَ بِمُحَمَّدٍ نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَعَلَهُ آخِرَ الْمُرْسَلِينَ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا،

32. Kemudian Dia menutup kerasulan, peringatan dan kenabian (para Nabi dan RasulNya) dengan (pengutusan) NabiNya Muhammad SAW di mana Dia menjadikan baginda sebagai Rasul terakhir yang menyampaikan khabar gembira (tentang syurga kepada orang-orang beriman dan taat), memberi ingatan (tentang neraka kepada orang-orang yang kufur dan engkar), menyeru kepada Allah dengan izinNya serta menjadi penyuluh dan penyinar.

وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ كِتَابَهُ الْحَكِيمَ وَشَرَحَ بِهِ دِينَهُ الْقَوِيمَ وَهَدَى بِهِ الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ.

33. Dan Dia menurunkan kepada baginda kitabNya (yakni al-Quran) yang penuh hikmah. Dengan kitab itu Dia membentangkan (kepada manusia) agamaNya yang betul dan menunjuki (mereka) jalan yang lurus.

Beriman dengan hari kebangkitan dan peristiwa selepasnya

وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لاَ رَيْبَ فِيهَا، وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ يَمُوتُ، كَمَا بَدَأَهُمْ يَعُودُونَ،

34. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya hari Kiamat itu pasti datang tanpa sebarang keraguan padanya, sesungguhnya Allah akan membangkitkan orang yang telah mati, iaitu sebagaimana ia memulakan penciptaan mereka (dari tiada)begitulah mereka akan kembali (hidup setelah mati),

وَأَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ ضَاعَفَ لِعِبَادِهِ الْمُؤْمِنِينَ الْحَسَنَاتِ، وَصَفَحَ لَهُمْ بِالتَّوْبَةِ عَنْ كِبَارِ السَّيِّئَاتِ وَغَفَرَ لَهُمْ الصَّغَائِرَ بِاجْتِنَابِ الْكَبَائِرِ،

35. Dan (meyakini bahawa) sesungguhnya Allah akan menggandakan untuk hamba-hambaNya yang beriman amal-amal kebajikan mereka dan Dia memberi kemaafan kepada mereka dari dosa-dosa besar mereka dengan taubat (mereka) serta Dia mengampuni dosa-dosa kecil mereka dengan (tindakan mereka) menjauhi dosa-dosa besar.

وَجَعَلَ مَنْ لَمْ يَتُبْ مِنْ الْكَبَائِرِ صَائِرًا إِلَى مَشِيئَتِهِ: (إِنَّ اللَّهَ لاَ يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ)،

36. Adapun mereka yang tidak bertaubat Dia menjadikan kedudukan mereka bergantung kepada kehendaknya (sebagaimana firmanNya

bermaksud); "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang lain dari (syirik) itu untuk siapa yang Ia kehendaki" (surah an-Nisa', ayat 48).

وَمَنْ عَاقَبَهُ بِنَارِهِ أَخْرَجَهُ مِنْهَا بِإِيمَانِهِ فَأَدْخَلَهُ بِهِ جَنَّتَهُ: (فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ)،

37. Mana-mana orang beriman yang Dia hukum dengan nerakaNya, Dia akan mengeluarkannya dengan kerana imannya, kemudian memasukkannya ke dalam syurgaNya. (Dia firman yang bermaksud); "Sesiapa mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya" (surah al-Zalzalah, ayat 7).

وَيَخْرُجُ مِنْهَا بِشَفَاعَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ شَفَعَ لَهُ مِنْ أَهْلِ الْكَبَائِرِ مِنْ أُمَّتِهِ.

38. (Begitu juga) akan keluar dari neraka itu dengan syafaat NabiNya (Muhammad SAW) orang-orang yang diberi syafaat oleh baginda dari kalangan umatnya yang melakukan dosa-dosa besar.

Syurga

وَأَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ قَدْ خَلَقَ الْجَنَّةَ فَأَعَدَّهَا دَارَ خُلُودٍ لِأَوْلِيَائِهِ

39. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya Allah telah mencipta syurga di mana Dia menyediakannya sebagai negeri kekal abadi untuk para kekasihNya,

وَأَكْرَمَهُمْ فِيهَا بِالنَّظَرِ إِلَى وَجْهِهِ الْكَرِيمِ

40. Dan Dia memuliakan mereka di dalam syurga itu dengan dapat melihat kepada wajahNya yang mulia.

وَهِيَ الَّتِي أَهْبَطَ مِنْهَا آدَمَ نَبِيَّهُ وَخَلِيفَتَهُ إِلَى أَرْضِهِ: بِمَا سَبَقَ فِي سَابِقِ عِلْمِهِ.

41. Syurga itu adalah syurga yang didiami Adam AS –Nabi dan KhalifahNya- sebelum ia turun ke bumi dengan peristiwa yang telah berlalu ketentuannya dalam ilmu Allah.

Neraka

وَأَنَّ اللَّهَ خَلَقَ النَّارَ فَأَعَدَّهَا دَارَ خُلُودٍ لِمَنْ كَفَرَ بِهِ، وَأَلْحَدَ فِي آيَاتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ،

42. (Wajib setiap mukallaf menyakini bahawa) sesungguhnya Allah juga telah mencipta neraka di mana Dia menyediakanNya sebagai negeri kekal abadi untuk orang-orang yang kufur kepadaNya dan ragu terhadap tanda-tanda kebesaranNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya.

وَجَعَلَهُمْ مَحْجُوبِينَ عَنْ رُؤْيَتِهِ.

43. Dia Dia menjadikan mereka terhalang dari melihat wajahNya.

Hisab, Wazan dan Buku Cacatan

وَأَنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا: لِعَرْضِ الأُمَمِ وَحِسَابِهَا، وَعُقُوبَتِهَا، وَثَوَابِهَا،

44. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); sesungguhnya Allah akan datang pada hari kiamat ketika para malaikatNya berbaris-

baris, untuk membentang (cacatan amalan) sekelian umat manusia, menghisab mereka, membalasi mereka dan mengurniakan pahala untuk mereka.

وَتُوضَعُ الْمَوَازِينُ لِوَزْنِ أَعْمَالِ الْعِبَادِ: (فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ)،

45. Akan diletakkan wazan-wazan (timbangan-timbangan) untuk menimbang amalan-amalan hamba (di mana Allah berfirman yang bermaksud); "Maka siapa yang berat timbangan (kebaikan)nya, maka mereka Itulah orang-orang yang Berjaya" (surah al-Mukminun, ayat 102).

وَيُؤْتَوْنَ صَحَائِفَهُمْ بِأَعْمَالِهِمْ: فَمَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا، وَمَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ فَأُولَئِكَ يَصْلَوْنَ سَعِيرًا.

46. Dan dibawa kepada mereka (kitab/buku) lembaran-lembaran yang mencatat amalan-amalan mereka di mana sesiapa yang diberikan kitabnya dari sebelah kanannya, maka dia akan diperiksa dengan pemeriksaan yang mudah, dan siapa yang diberikan kitabnya dari belakang, maka mereka akan memasuki api neraka yang menyala-nyala.

Titian

وَأَنَّ الصِّرَاطَ حَقٌّ، يَجُوزُهُ الْعِبَادُ بِقَدْرِ أَعْمَالِهِمْ فَنَاجُونَ مُتَفَاوِتُونَ فِي سُرْعَةِ النَّجَاةِ عَلَيْهِ مِنْ نَارِ جَهَنَّمَ، وَقَوْمٌ أَوْبَقَتْهُمْ فِيهَا

أَعْمَالُهُمْ.

47. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya as-Sirat (titian) adalah benar, di mana sekelian hamba akan melintasinya (namun keadaan mereka ketika melintasinya berbeza) mengikut kadar amalan mereka (di dunia). Orang-orang yang terselamat dari (terjatuh ke dalam) neraka jahannam kepantasan mereka untuk selamat (ketika melintasi) di atas titian itu berbeza-beza (antara satu sama lain). Ada kaum pula dijatuhkan oleh amalan-amalan (kejahatan) mereka ke dalam neraka jahanam itu.

Al-Haudh (telaga)

وَالإِيمَانُ بِحَوْضِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، تَرِدُهُ أُمَّتُهُ، لاَ يَظْمَأُ مَنْ شَرِبَ مِنْهُ وَيُذَادُ عَنْهُ مَنْ بَدَّلَ وَغَيَّرَ.

48. (Wajib setiap mukallaf) beriman dengan telaga Rasulullah SAW di mana telaga itu akan dikunjungi oleh umat baginda dan siapa yang minum darinya tidak akan dahaga buat selamanya. Namun akan dijauhkan/diusir dari telaga itu orang yang menukar (agamanya).

Maksud Iman

وَأَنَّ الإِيمَانَ قَوْلٌ بِاللِّسَانِ، وَإِخْلاَصٌ بِالْقَلْبِ، وَعَمَلٌ بِالْجَوَارِحِ،

49. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya iman itu adalah ucapan dengan lidah, keikhlasan dengan hati dan (melakukan) amalan dengan anggota-anggota badan.

يَزِيدُ بِزِيَادَةِ الأَعْمَالِ، وَيَنْقُصُ بِنَقْصِهَا، فَيَكُونُ فِيهَا النَّقْصُ، وَبِهَا الزِّيَادَةُ،

50. Iman itu bertambah dengan bertambahnya amal-amal (soleh) dan berkurang dengan berkurangnya amal-amal (soleh). Maka terjadi kurangnya iman adalah dengan sebab amalan dan bertambahnya juga kerana amalan.

وَلاَ يَكْمُلُ قَوْلُ الإِيمَانِ إِلاَّ بِالْعَمَلِ، وَلاَ قَوْلٌ وَعَمَلٌ إِلاَّ بِالنِّيَّةِ، وَلاَ قَوْلٌ وَعَمَلٌ وَنِيَّةٌ إِلاَّ بِمُوَافَقَةِ السُّنَّةِ.

51. Tidak sempurna ucapan iman (yakni pengakuan kalimah syahadah) kecuali dengan amalan (yakni berbuat ketaatan), tidak sempurna ucapan dan amalan kecuali dengan niat (yakni ikhlas hati) dan tidak sempurna ucapan, amalan dan niat kecuali dengan menepati as-Sunnah.

Tidak mengkafirkan pelaku dosa

وَأَنَّهُ لاَ يَكْفُرُ أَحَدٌ بِذَنْبٍ مِنْ أَهْلِ الْقِبْلَةِ

52. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya tidak ada sesiapapun dari ahli qiblat (yakni kaum muslimin) akan menjadi kafir dengan sebab suatu dosa (yang dilakukannya).

Tempat persemadian ruh

وَأَنَّ الشُّهَدَاءَ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ، وَأَرْوَاحُ أَهْلِ السَّعَادَةِ بَاقِيَةٌ نَاعِمَةٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ،

53. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya para Syuhadak mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan diberi rezki, dan ruh-ruh golongan yang mendapat kebahagiaan akan berkekalan dan merasa nikmat (di alam barzakh) hingga ke hari mereka dibangkitkan.

وَأَرْوَاحُ أَهْلِ الشَّقَاوَةِ مُعَذَّبَةٌ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

54. Sedang ruh-ruh golongan yang mendapat kesengsaraan pula akan diazab hingga ke hari mereka dibangkitkan.

Fitnah (ujian) kubur

وَأَنَّ الْمُؤْمِنِينَ يُفْتَنُونَ فِي قُبُورِهِمْ، وَيُسْأَلُونَ، (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الآخِرَةِ).

55. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya orang-orang mukmin akan diuji di dalam kubur-kubur mereka iaitu disoal (beberapa soalan). (Allah berfirman yang bermaksud); “Allah meneguhkan orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh ketika kehidupan di dunia dan di akhirat” (surah Ibrahim, ayat 270).

Malaikat-malaikat hafazah

وَأَنَّ عَلَى الْعِبَادِ حَفَظَةً يَكْتُبُونَ أَعْمَالَهُمْ، وَلاَ يَسْقُطُ شَيْءٌ مِنْ ذَلِكَ عَنْ عِلْمِ رَبِّهِمْ.

56. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Setiap hamba di dampingi oleh malaikat-malaikat hafazah (penjaga) yang mencatat amalan-amalan mereka di mana tidak terlepas satu apapun dari amalan-amalan mereka dari pengetahuan Tuhan mereka.

Malaikat maut

وَأَنَّ مَلَكَ الْمَوْتِ يَقْبِضُ الأَرْوَاحَ بِإِذْنِ رَبِّهِ.

57. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya

Malaikat maut bertugas mencabut ruh-ruh makhluk dengan izin Tuhannya.

Kelebihan para sahabat dan generasi salaf selepas mereka

وَأَنَّ خَيْرَ الْقُرُونِ: الْقَرْنُ الَّذِينَ رَأَوْا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

وَآمَنُوا بِهِ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ.

58. (Wajib setiap mukallaf meyakini bahawa); Sesungguhnya sebaik-baik kurun ialah kurun orang-orang yang melihat Rasulullah SAW dan beriman dengan baginda (iaitu kurun sahabat), diikuti dengan orang-orang selepas mereka, seterusnya orang-orang berikutnya selepas mereka.

وَأَفْضَلُ الصَّحَابَةِ الْخُلَفَاءُ الرَّاشِدُونَ الْمَهْدِيُّونَ: أَبُو بَكْرٍ، ثُمَّ عُمَرُ، ثُمَّ عُثْمَانُ ثُمَّ عَلِيٌّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَجْمَعِينَ

59. Sahabat-sahabat terbaik ialah khalifah-khalifah rasyidin yang mendapat petunjuk (Allah) iaitu; Abu Bakar RA, Umar RA, Usman RA dan 'Ali RA –semoga Allah meredhai semua mereka).

وَأَنْ لاَ يُذْكَرَ أَحَدٌ مِنْ صَحَابَةِ الرَّسُولِ إلاَّ بِأَحْسَنِ ذِكْرٍ، وَالْإِمْسَاكُ عَمَّا شَجَرَ بَيْنَهُمْ وَأَنَّهُمْ أَحَقُّ النَّاسِ أَنْ يُلْتَمَسَ لَهُمْ أَحْسَنُ الْمَخَارِجِ، وَيُظَنَّ بِهِمْ أَحْسَنُ الْمَذَاهِبِ.

60. Janganlah disebut seorangpun dari sahabat melainkan dengan sebutan paling baik dan hendaklah menahan lidah dari (memperkatakan) perbalahan yang berlaku di antara mereka, kerana

sesungguhnya merekalah orang paling berhak dicari sebaik-baik pintu keluar untuk mereka dan diberi sangkaan dengan sebaik-baik pandangan terhadap mereka.

Mentaati pemimpin

وَالطَّاعَةُ لأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ وُلاَةِ أُمُورِهِمْ وَعُلَمَائِهِمْ.

61. (Wajib setiap mukallaf) mentaati pemimpin-pemimpin kaum muslimin yang terdiri dari orang-orang yang memegang urusan pemerintahan mereka dan ulamak-ulamak mereka.

وَاتِّبَاعُ السَّلَفِ الصَّالِحِ، وَاقْتِفَاءُ آثَارِهِمْ، وَالاِسْتِغْفَارُ لَهُمْ. وَتَرْكُ الْمِرَاءِ وَالْجِدَالِ فِي الدِّينِ وَتَرْكُ كُلِّ مَا أَحْدَثَهُ الْمُحْدِثُونَ.

62. Dan (wajib setiap mukallaf) mengikuti para salaf yang soleh, menuruti jejak langkah mereka dan memohon ampun untuk mereka.

وَتَرْكُ الْمِرَاءِ وَالْجِدَالِ فِي الدِّينِ

63. Dan (wajib) meninggalkan perbalahan dan pertengkaran dalam masalah agama.

وَتَرْكُ كُلِّ مَا أَحْدَثَهُ الْمُحْدِثُونَ.

64. Dan (begitu juga wajib) meninggalkan semua perkara yang direka oleh golongan yang mengada-adakan (perkara baru untuk agama).

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نَبِيِّهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ،

وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

65. Dan (sebagai penutupnya, kita memohon agar) Allah melimpahi selawat ke atas penghulu kita Muhammad SAW, ahli keluarga, para isteri dan zuriat-zuriat baginda, serta Dia memberi kesejahteraan kepada baginda dengan kesejahteraan yang banyak.

مَتْنُ الْعَقِيْدَةِ الطَّحَاوِيَّةِ

MATAN AQIDAH TOHAWIYAH

Oleh; Imam Abu Jaafar al-Tohawi (wafat 321 hijrah)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ،

Dengan nama Allah, Tuhan maha pemurah lagi maha pengasih. DenganNya kita memohon pertolongan.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ،

Segala pujian hanya layak bagi Allah, Tuhan semesta alam.

قَالَ الْعَلاَّمَةُ حُجَّةُ الإِسْلاَمِ أَبُوْ جَعْفَر الوَرَّاقُ الطَّحَاوِيُّ بِمِصْرَ – رَحِمَهُ اللهُ–:

Berkata al-'Allamah Hujjatul Islam Abu Ja'far al-Warraq at-Tohawi di Mesir;

هَذَا ذِكْرُ بَيَانِ عَقِيْدَةِ أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ عَلَى مَذْهَبِ فُقَهَاءِ الْمِلَّةِ:

Ini adalah risalah yang menyebutkan penjelasan tentang 'aqidah Ahlussunah wal jamaah di atas mazhab fuqahak millah (jalan Nabi SAW) iaitu;

(اَلإِمَامِ) أَبِي حَنِيْفَةَ النُّعْمَانِ بْنِ ثَابِتٍ الكُوْفِيّ، وَأَبِي يُوْسُفَ يَعْقُوْبَ بْنِ إِبْرَاهِيْمَ الأَنْصَارِيّ، وَأَبِيْ عَبْدِ اللهِ مُحَمَّدٍ بْنِ الْحَسَنِ الشَّيْبَانِيّ رِضْوَانَ اللهِ عَلَيْهِمْ أَجْمَعِيْنَ،

(Imam) Abu Hanifah an-Nu'man bin Tsabit al-Kufi, Abu Yusuf Ya'kub bin Ibrahim al-Ansari dan Abu 'Abdillah Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibani –semoga Allah meredhai mereka semua-,

وَمَا يَعْتَقِدُوْنَ مِنْ أُصُولِ الدِّيْنِ وَيَدِيْنُونَ بِهِ رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

dan apa yang mereka yakini tentang usuluddin (usul-usul agama) dan mereka beribadah dengannya kepada Rab sekelian alam.

نَقُوْلُ فِي تَوحِيدِ اللهِ مُعتَقِدِينَ بِتَوْفِيْقِ اللهِ:

Kami berkata (yakni mengakui) tentang tauhid kepada Allah dengan hati yang meyakini –yang disertai oleh taufik dari Allah-; bahawa:

إِنَّ اللهَ وَاحِدٌ لاَ شَرِيْكَ لَهُ.

1. Sesungguhnya Allah itu adalah esa, tiada sekutu baginya,

وَلاَ شَيْءَ مِثْلُهُ.

2. Tiada suatupun yang menyerupainya,

وَلا شَيْءَ يُعْجزُهُ.

3. Tiada apapun yang dapat melemahkanNya,

وَلا إلهَ غَيْرُهُ.

4. Serta tiada Tuhan selainNya,

قَديمٌ بلا ابتدَاء، دَائمٌ بلا انْتهاء.

5. Dia adalah qadim (sedia ada) tanpa berpemulaan dan berterusan tanpa berpengakhiran,

لا يَفنَى ولا يَبيدُ.

6. Dia tidak akan mati dan tidak akan musnah,

ولا يكونُ إلا ما يُريدُ.

7. Tiada yang akan berlaku melainkan mengikut yang dikehendakinya,

لا تَبلُغُه الأوْهَامُ، ولا تُدْرِكُهُ الأفْهَامُ.

8. Sangkaan dan khayalan manusia tidak akan sampai untuk mengkhayalkanNya dan kefahaman-kefahaman mereka tidak berupaya memahamiNya (secara menyeluruh),

وَلا يُشْبِهُ الأنَامَ.

9. Dia tidak menyerupai manusia (dan juga makhluk-makhlukNya yang lain),

حَيٌّ لا يَمُوتُ، قَيُّومٌ لا يَنَامُ.

10. Dia maha hidup, tidak akan mati dan maha berdiri, tidak akan tidur,

خَالِقٌ بِلا حَاجَةٍ، رَازِقٌ بلا مُؤْنَةٍ.

11. Dia adalah pencipta tanpa ada sebarang keperluan (kepada makhluk ciptaanNya) dan Dia adalah pemberi rezki tanpa sebarang kepayahan,

مُمِيتٌ بِلا مَخَافَةٍ، بَاعِثٌ بِلا مَشَقَّةٍ.

12. Dialah yang mematikan, tanpa ada sebarang kebimbangan dan

Dia yang membangkitkan, tanpa sebarang kepayahan,

مَا زالَ بِصِفَاتِهِ قَديماً قَبْلَ خَلْقِهِ، لم يَزدَدْ بِكَوْنِهِم شَيْئاً، لم يكنْ قَبلَهُم مِنْ صِفَتِهِ، وكما كانَ بصفاته أزَلِيًّا، كذلك لا يزالُ عَلَيْها أبديًّا.

13. Dia sentiasa sedia ada dengan sifat-sifatNya sebelum Ia mencipta makhlukNya. Tidak bertambah dengan kejadian mereka apapun dari sifatNya yang tidak ada sebelum terciptanya mereka. Sebagaimana Dia azali (sedia ada) dengan sifat-sifatnya, begitu juga Dia sentiasa abadi (kekal) di atas sifat-sifat itu,

ليسَ منذُ خَلَقَ الخلْق اسْتَفَادَ اسمَ الخَالِق، ولا بِإِحْدَاثِ البريَّةَ استفادَ اسمَ الباري.

14. Tidaklah bermula dari saat Ia menjadikan makhlukNya barulah Ia mendapat nama al-Khaliq (Pencipta) dan tidaklah dengan mengadakan sesuatu yang asalnya tiada barulah Dia mendapat nama al-Bari,

له معنى الرُّبُوبيَّةِ ولا مَرْبُوب، ومعنى الخالق ولا مخلُوقَ.

15. Kerana yang layak bagiNya hanyalah makna ar-rububiyyah (yang mengatur, mentadbir, mengasuh), bukan marbub (yang diatur, ditadbir dan diasuh) dan makna al-khaliq, bukan makhluq (yang dicipta) .

وكما أنَّه مُحيِي المَوْتَى بَعْدَما أَحْيَا، استحقَّ هَذَا الاسْمَ قَبْلَ إِحْيَائِهِم، كذلِكَ استحقَّ اسْمَ الخَالِقِ قبْلَ إنْشَائِهِم.

16. Sebagaimana Allah dipanggil penghidup orang-orang yang telah mati setelah Dia menghidupkan mereka tapi sebenarnya Dia berhak dengan nama ini sebelum lagi Dia menghidupkan mereka, begitu juga Dia berhak dengan nama al-Khaliq sebelum lagi Dia menjadikan mereka.

ذلك بأنَّهُ على كلِّ شَيْءٍ قديرٌ، وكلُّ شَيْءٍ إليهِ فَقِيرٌ، وكلُّ أمْرٍ عَلَيْهِ يَسيرٌ. لا يحتاجُ إلى شَيْءٍ، ﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ البَصِيرُ﴾ [الشورى:11].

17. Itu kerana Dia adalah maha berkuasa ke atas segala perkara. Semua perkara adalah fakir (yang memerlukan) kepadaNya. Segala urusan adalah mudah bagiNya. Dia tidak berhajat kepada sesuatu. “Tiada suatupun yang menyerupainya dan Dia maha mendengar lagi maha melihat” (Surah as-Syura, ayat 11).

خَلَقَ الخَلْقَ بعِلْمِهِ.

18. Dia menjadikan sekelian makhluk dengan ilmuNya.

وَقَدَّرَ لهمْ أَقْدَارًا.

19. Dan Dia menentukan takdir-takdirNya untuk mereka.

وَضَرَبَ لهم آجَالاً.

20. Serta Dia meletakkan ajal-ajal untuk mereka.

ولم يَخْفَ عَليهِ شَيْءٌ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَهُم. وَعَلِمَ ما هُمْ عَامِلُونَ قَبْلَ أنْ يَخْلُقَهُم.

21. Tiada apapun yang tersembunyi dariNya sebelum Dia menjadikan mereka. Dia mengetahui apa yang bakal mereka lakukan sebelum lagi Dia mencipta mereka.

وأَمَرَهُم بِطَاعَتِهِ، ونَهَاهُم عَنْ مَعْصِيتِهِ.

22. Dalam pada itu, Dia memerintahkan mereka supaya mentaatiNya dan menegah mereka dari mengingkariNya.

وَكُلُّ شَيْءٍ يَجْرِي بِتقْديرِهِ ومَشيئتِهِ, ومَشيئتُهُ تَنْفُذُ، لا مَشيئَةَ للعبادِ إلا ما شاءَ لهم، فما شاءَ لهم كان، وما لم يَشأ لم يَكُن.

23. Segala perkara berjalan mengikut takdirNya dan juga

kemahuanNya. KemahuanNya pasti terlaksana. Tiada kemahuan yang dimiliki hamba-hamba kecuali yang dikehendaki Allah untuk mereka, di mana apa yang Dia kehendaki untuk mereka ia akan berlaku dan apa yang Dia tidak kehendaki untuk mereka ia sekali-kali tidak akan berlaku.

يَهْدي مَنْ يشاءُ، وَيَعْصِمُ ويُعَافِي فَضْلاً، ويُضِلُّ مَنْ يَشاءُ ويَخْذلُ ويَبْتلي عَدْلاً.

24. Dia memberi hidayah kepada siapa yang dikehendakiNya, memeliharanya dan menyelamatkannya sebagai kurniaan dariNya dan Dia menyesatkan siapa yang dikehendakinya, membiarkannya dan menimpa bala ke atasnya sebagai keadilan dariNya.

وكُلُّهُم يتقلَّبُون في مَشيئتِهِ بَيْنَ فَضْلِهِ وَعَدْلِهِ.

25. Semua mereka berlegar dalam kemahuanNya antara kurniaanNya dan keadilanNya.

وَهُوَ مُتَعَالٍ عَن الأضداد والأندَاد.

26. Dia bebas dari sebarang saingan/perlawanan dan sekutu.

لا رَادَّ لقضَائِه، ولا مُعَقِّبَ لحُكْمِه، ولا غالبَ لأمرِهِ.

27. Oleh itu, tidak ada yang dapat menolak ketetapanNya, tidak ada

yang boleh membatalkan hukuman/keputusanNya dan tidak ada yang boleh mengatasi arahanNya.

آمَنَّا بذلِك كُلِّهِ، وأَيْقَنَّا أنَّ كُلاًّ مِنْ عِنْدِهِ.

28. Kami telah beriman dengan semua aqidah tadi keseluruhannya dan kami yakini bahawa segalanya adalah datang dariNya (Allah).

وأنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ المصطَفى، ونبيُّه المجْتَبى، ورَسُولُهُ المُرْتَضَى.

29. (Kami juga menegaskan dengan hati yakin) bahawa Muhammad SAW adalah hamba Allah yang terpilih, NabiNya yang terbaik serta RasulNya yang diredhai.

وأنَّه خَاتَمُ الأنبياءِ، وإِمَامُ الأتْقِيَاءِ، وسيِّدُ المرسَلينَ، وحَبيبُ ربِّ العالَمين.

30. Dan bahawa baginda adalah penutup sekelian Nabi AS, imam para muttaqien, penghulu ara Rasul dan kekasih Tuhan semesta alam.

وكُلُّ دَعْوى النُّبوةِ بَعدَهُ فَغَيٌّ وَهَوى.

31. Semua dakwaan kenabian selepas kedatangannya adalah sesat dan nafsu.

وَهُو المبعوثُ إلى عَامَّةِ الجِنِّ وكَافَّةِ الوَرَى بالحقِّ والهدى، وبالنُّور والضِّياء.

32. Dia diutuskan kepada sekelian jin dan manusia untuk membawa kebenaran dan hidayah, cahaya dan penyuluh.

وأَنَّ القرآنَ كَلامُ الله، منْهُ بَدَأ بلاَ كَيْفِيَّة قَوْلاً، وأنْزله على رَسُولِهِ وَحْياً، وَصَدَّقهُ المؤمنون على ذلك حَقًّا، وأَيْقَنُوا أنه كلامُ الله تعالى بالحقيقة، ليس بمخلوقٍ ككلام البَرِيَّةِ، فمن سمِعَهُ فَزَعَمَ أَنَّهُ كلامُ البشرِ، فَقَدْ كَفَرَ، وقد ذمَّهُ الله وعابَهُ وأوعَدهُ بسَقَر، حيث قال تعالى: ﴿ سَأُصْلِيهِ سَقَرَ﴾[المدثر:26]، فَلَمَّا أَوْعَدَ اللهُ بِسَقَرٍ لمنْ قال ﴿إِنْ هَذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ﴾[المدثر:25]، عَلِمْنَا وأَيْقَنَّا أنه قولُ خالقِ البَشرِ، ولا يُشْبِهُ قولَ البشر.

33. (Kami juga menegaskan dengan hati yakin) bahawa al-Quran adalah kalam Allah. Ia zahir/bermula dari Allah sebagai ucapan tanpa kaifiyat (yang dapat dikhayalkan oleh akal manusia) di mana Allah menurunkanNya ke atas RasulNya sebagai wahyu. Orang-orang mukmin mempercayainya sebagai benar dan mereka meyakini bahawa ia adalah kalam Allah secara hakikatnya dan ia bukan makhluk sebagai kalam manusia. Sesiapa mendengarnya, lalu menyanggapnya sebagai kalam manusia, ia adalah kafir. Sesungguhnya Allah telah mencelanya dan menjanjikan neraka saqar

untuknya sebagaimana firmanNya (bermaksud); “Kelak Aku memaksukkannya ke dalam neraka saqar” (surah al-Muddattsir, ayat 26). Oleh kerana Allah telah menjanjikan neraka saqar kepada orang yang berkata; “Ini tidaklah melainkan ucapan manusia” (surah al-Muddattsir, ayat 25), tahulah kita dan yakinlah kita bahawa al-Quran itu adalah ucapan Pencipta manusia dan tidak menyerupai ucapan manusia.

وَمَنْ وَصَفَ اللهَ بِمعنَى مِنْ مَعاني البشر، فقدْ كَفَر، فمن أبْصَرَ هذا اعْتَبر، وعَنْ مِثْلِ قول الكفَّارِ انْزَجَر، وعَلِمَ أنَّه بصفاته ليسَ كالبشر.

34. Sesiapa mensifatkan Allah dengan suatu makna dari makna-makna manusia, maka sesungguhnya dia telah kafir. Siapa yang memahami hal ini dia akan mengambil pengajaran dan akan mengelak dari bercakap seumpama percakapan orang-orang kafir dan ia mengetahui bahawa Allah dengan sifat-sifatNya tidaklah seperti manusia.

والرؤْيةُ حقٌّ لأهلِ الجَنَّةِ، بِغَيْرِ إحَاطَةٍ ولا كَيْفيَّةٍ، كما نَطق به كتابُ ربّنا ﴿وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاضِرَةٌ، إِلَى رَبِّهَا نَاظِرَةٌ﴾[القيامة:22-23]، وتَفْسيرُهُ عَلى ما أرادَهُ الله تَعالَى وَعَلِمَهُ. وكلُّ ما جاءَ في ذَلك مِنَ الحديث الصَّحيح عَن الرسولِ صلى الله عليه وآله وسلم فهو كما قال، وَمَعناهُ على ما أراد، لا نَدْخلُ في ذلك

مُتَأَوِّلِين بِآرَائنا، ولا مُتَوَهِّمِينَ بأهْوَائنَا، فإنَّهُ مَا سَلِم في دينه إلاَّ مَنْ سَلَّمَ لله عَزَّ وَجَلَّ ولرسُولِه صلى الله عليه وآله وسلم، وردَّ علْمَ ما اشْتَبَهَ عَلَيْهِ إلى عَالِمِهِ.

35. Rukyatullah (melihat Allah) untuk penghuni syurga adalah benar, dengan penglihatan tanpa meliputi dan tanpa kaifiyat, iaitu sebagaimana yang dinyatakan oleh Kitab Tuhan kita (yang bermaksud); "Wajah-wajah (orang beriman) pada hari itu berseri-seri, memandang Tuhannya" (surah al-Qiyamah, ayat 22-23). Tafsirannya adalah mengikut yang dikehendaki Allah dan diketahuiNya. Setiap hadis yang datang dari Rasulullah SAW yang menceritakan tentang rukyatullah itu diterima sebagaimana yang dikatakan dan pengertiannya mengikut apa yang dikehendakinya. Kita tidak akan menyebukkan diri tentangnya untuk mentakwilnya mengikut pandangan-pandangan kita atau mengkhayalnya mengikut keinginan-keinginan kita, kerana tidak ada orang yang selamat dalam agamanya melainkan orang yang menyerah kepada Allah dan RasulNya dan merujuk pengetahuan tentang apa yang samar kepadanya kepada zat yang mengetahuinya (iaitu Allah dan RasulNya).

ولا تَثْبتُ قَدَمُ الإسلام إلاَّ على ظَهْرِ التَّسْليم والاسْتِسْلاَمِ. فَمَنْ رَامَ عِلْمَ مَا حُظِرَ عَنْهُ عِلْمُه، ولم يَقنعْ بالتَّسلِيم فَهْمُهُ، حَجَبَه مَرامُهُ عَنْ خَالِصِ التَّوْحِيد، وصَافي المعرِفةِ، وصَحيح الإيمانِ؛ فيَتَذَبْذَبُ بينَ الكُفرِ والإيمانِ، والتَّصْدِيقِ والتَّكْذِيبِ، والإقْرارِ

والإنكارِ، مُوَسْوَسًا تَائِهًا، شَاكًّا، زائِغًا، لا مُؤْمِنًا مُصَدِّقًا، ولا جَاحداً مُكَذِّباً.

36. Tidak akan tetap pendirian dalam Islam melainkan di atas dasar penerimaan dan ketundukan. Maka sesiapa yang mencari-cari pengetahuan terhadap perkara yang ilmu tentangnya dilarang dan kefahamannya tidak rasa cukup jika dengan hanya penerimaan sahaja, nescaya pencariannya itu akan menghalangnya dari mendapat tauhid yang tulus, makrifah yang bersih dan iman yang benar, akhirnya ia akan terumbang-ambing antara iman dan kufur, antara ingin mempercayai dan ingin mendustakan dan antara pengakuan dan keingkaran, iaitu ia berada dalam keadaan waswas, terpinga-pinga, ragu-ragu dan sesat, tidak menjadi seorang mukmin yang percaya, sebaliknya menjadi orang engkar yang mendustakan (ayat-ayat Allah).

وَلا يَصحُّ الإيمانُ بالرُّؤْية لأهْل دارِ السَّلامِ لِمن اعْتَبَرَهَا مِنْهُم بِوَهْمٍ أوْ تأوَّلَهَا بِفَهْمٍ إذْ كانَ تأويلُ الرؤْية وتأويلُ كل مَعْنَى يُضَاف إلى الرُّبُوبيَّة بِتَرْكِ التَّأْويلِ ولُزوم التَّسْليمِ وعليه دينُ المسْلِمين، ومن لم يَتَوقَّ النَّفْيَ والتشْبِيه، زلَّ ولَمْ يُصِب التنْزِيهَ، فَإنَّ رَبَّنا جّلَّ وعَلا موصوفٌ بصفاتِ الوحْدَانِيَّةِ، مَنْعُوتٌ بِنُعوتِ الفَرَدَانِيَّةِ، ليسَ في معناهُ أحَدٌ من البَرِيَّةِ.

37. Tidak sah keimanan dengan rukyatullah (melihat Allah) untuk penghuni darussalam (yakni syurga) orang yang menganggap

rukyatullah itu mengikut khayalannya atau orang yang mentakwilnya mengikut kefahamannya, kerana penafsiran yang benar bagi maksud rukyatullah dan begitu juga bagi semua pengertian yang disandarkan kepada ketuhanan ialah dengan meninggalkan tafsiran dan berkomitmen dengan penerimaan (at-taslim). Dasar itulah yang menjadi pegangan agama kamu muslimin. Sesiapa yang tidak menjaga diri dari penafian dan penyerupaan, ia pasti tergelincir dan tidak akan menepati maksud tanzih (penyucian terhadap tuhan sebagaimana yang diperintah Syarak), kerana sesungguhnya Tuhan kita bersifat dengan sifat-sifat keesaan dan berciri dengan ciri-ciri ketunggalan, tidak berada dalam pengertianNya (yakni pengertian zat dan sifat-sifatNya) seorangpun dari makhluk-makhlukNya.

وتَعالَى عَنِ الحدُودِ والغَاياتِ، والأرْكانِ والأعْضَاءِ والأدَواتِ، لا تَحويهِ الجِهَاتُ السِّتُّ كسَائرِ المُبْتَدَعَاتِ.

38. Allah bebas dari sempadan-sempadan dan penghujung-penghujung dan dari sendi-sendi, anggota-anggota dan alat-alat. Dia tidak dilingkungi oleh arah-arah yang enam sebagaimana yang melingkungi sekelian makluk yang dijadikan.

والمِعْرَاجُ حقٌّ، وقَدْ أُسْرِيَ بالنَّبِيِّ صلى الله عليه وآله وسلم، وَعُرِجَ بِشَخْصِهِ فِي اليقَظَةِ إلى السَّماءِ، ثُمَّ إلى حيث شاءَ الله مِنَ العُلا، وأكْرَمَهُ الله بِمَا شَاءَ، وأوْحَى إليْهِ مَا أَوْحَى ﴿مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَى﴾[النجم:11] . فَصَلَّى الله عَلَيْهِ وسَلَّمَ فِي الآخِرَةِ

والأولَى.

39. Mikraj adalah benar. Sesungguhnya Nabi SAW telah diisrakkan dan dimikraj dirinya ketika baginda dalam jaga ke langit, kemudian dinaikkan lagi hingga ke ketinggian yang dikehendaki Allah. Allah memuliakan baginda dengan apa yang Dia kehendaki dan mewahyukan kepadanya apa yang telah diwahyunya. Allah berfirman (yang bermaksud); “Hatinya tidak mendustakan apa yang telah dilihatnya” (surah an-Najm, ayat 11). Maka (kita pohonkan) selawat Allah dan salamNya dilimpahi ke atas baginda ketika di dunia dan akhirat nanti.

والحوْضُ الذِي أكرَمَهُ الله تعالَى به غِيَاثاً لأُمَّتِهِ حَقٌّ.

40. Al-Haudh (telaga) yang Allah memuliakan baginda dengannya sebagai bantuan untuk umatnya adalah benar.

والشفَاعَةُ التي ادَّخَرَهَا لَهُم حَقٌّ، كما رُوِيَ في الأخْبارِ.

41. Syafaat yang disimpan oleh Nabi Muhammad SAW untuk umatnya adalah benar, iaitu sebagaimana yang diceritakan di dalam hadis-hadis.

والميثاقُ الذي أخَذَهُ الله تعالَى مِنْ آدمَ وذُرِيَّتِهِ حَقٌّ.

42. al-Mitsaq (perjanjian) yang diambil oleh Allah dari Adam dan zuriatnya juga adalah benar.

وقَدْ عَلِمَ الله تعالَى فيما لم يزلْ عَدَدَ مَنْ يَدْخُلُ الجَنَّةَ، وعَدَدَ مَنْ يَدْخُلُ النارَ جُمْلَةً وَاحِدَةً، فَلا يزْدَادُ في ذلك العَدَدُ، ولا يَنقُصُ مِنْهُ.

43. Sesungguhnya Allah mengetahui dari sediakala (azali) bilangan hambaNya yang akan masuk syurga dan bilangan mereka yang bakal masuk neraka iaitu dengan jumlah yang sama di mana tidak akan berlaku pertambahan pada jumlah itu dan tidak akan berkurang darinya.

وَكَذَلك أَفْعالُهم فيمَا عَلِمَ مِنْهُم أَنْ يفْعلُوه، وكُلٌّ مُيَسرٌ لما خُلِقَ لَه، والأَعْمَالُ بالخواتيمِ، والسَّعِيدُ مَنْ سَعِدَ بقضَاءِ الله، والشَّقِيُّ مَنْ شَقِيَ بِقَضَاءِ الله.

44. Begitu juga dengan perbuatan-perbuatan mereka, ia juga berada dalam ilmu yang Ia (Allah) ketahui tentang mereka iaitu (Dia telah sedia mengetahui) bahawa mereka akan melakukannya. Setiap orang dimudahkan kepada tujuan ia dijadikan. Amalan-amalan penentu ialah yang penghujung/penamat. Orang yang bahagia ialah orang yang bahagia mengikut ketentuan Allah dan (begitu juga) orang yang menderita ialah orang yang menderitakan mengikut ketentuan Allah.

وأصلُ القَدَرِ سِرُّ الله تعالى في خَلْقهِ، لمْ يَطَّلعْ عَلى ذَلِك مَلَكٌ

مُقرَّبٌ ولا نَبِيٌّ مُرْسَلٌ، والتَّعمُّقُ والنَّظَرُ في ذلكَ ذَرِيعَةُ الخِذْلاَنِ، وَسُلَّمُ الحِرْمَانِ، ودَرَجَةُ الطُّغْيَانِ، فالحذَرَ كُلَّ الحذَرَ مِنْ ذَلِكَ نَظَراً وفِكْراً وَوَسْوَسَةً، فإن الله تعالى طَوَى عِلْمَ القَدَر عَنْ أنَامِهِ، ونَهَاهُم عَنْ مرامِهِ، كما قال تعالى في كتابه: ﴿لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ﴾[الأنبياء:23]، فَمَنْ سَأَلَ: لِمَ فَعَلَ؟ فَقَدْ رَدَّ حُكْمَ الكِتَابِ؛ وَمَنْ رَدَّ حُكْمَ الكِتَاب كانَ مِنَ الكافِرين.

45. Asas kepada al-qadar (takdir/kententuan Allah) ialah rahsia Allah terhadap makhlukNya. Tiada siapa mengetahui rahsian itu termasuk malaikat yang hampir (dengan Allah) dan Nabi yang diutuskan. Keinginan untuk mengetahui dengan lebih dalam dan ingin menyelidik tentangnya itu merupakan jalan yang membawa kepada ketewasan, tangga kepada kekecewaaan dan darjat kepada melampaui batas. Oleh itu, hendaklah berjaga-jaga sepenuhnya dari terjebak ke dalamnya sama ada pandangan, buah fikiran atau suara bisikan. Sesungguhnya Allah melipat/menutup ilmu tentang qadar dari hamba-hambaNya dan Dia menegah mereka dari mencari/menyelidiknya sebagaimana firmanNya (bermaksud); “Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang diperbuatNya dan merekalah yang akan ditanyai” (surah al-Anbiyak, ayat 23). Maka sesiapa bertanya; kenapa Allah melakukan begitu?, dia sesungguhnya telah menolak hukum kitab Allah dan sesiapa menolak hukum kitab Allah, dia dari orang-orang kafir.

فَهَذَا جُمْلَةُ ما يَحْتَاجُ إِلَيْهِ مَنْ هُو مُنَوَّرٌ قَلْبُهُ مِنْ أَوْلياءِ الله تعالى،

وهي دَرَجَة الرَّاسِخِينَ في العِلْمِ؛ لأنَّ العِلْمَ علمَان: عِلْم في الخَلْق مَوْجُودٌ، وَعِلْم في الخَلْقِ مَفْقُودٌ، فإنكارُ العِلْمِ المَوْجُودِ كُفْرٌ، وادَّعَاءُ العِلمِ المفقودِ كُفْرٌ، ولا يَثْبُتُ الإيمانُ إلا بقَبُولِ العِلمِ الموجودِ، وترْكِ طَلَبِ العِلْمِ المفْقُودِ.

46. Inilah sejumlah (ilmu tentang masalah qadar) yang diperlukan (yakni perlu diketahui/difahami) oleh orang yang telah hatinya disinari (oleh cahaya petunjuk Allah) dari kalangan Auliyak Allah. Mengetahui/memahaminya merupakan darjat para ar-Rasikhin (yakni orang-orang yang tetap dan kukuh) dalam ilmu, kerana ilmu ada dua jenis;

1. Ilmu yang wujud di kalangan makhluk (yakni yang didedahkan Allah)

2. ilmu yang tidak wujud di kalangan makhluk (yakni yang tidak didedahkan Allah)

Maka menginkari/menolak ilmu yang wujud adalah kufur dan mendakwa ilmu yang tidak wujud juga kufur. Tidak tetap iman melainkan dengan menerima ilmu yang wujud dan pada masa yang sama meninggalkan dari mencari/menyelidik ilmu yang tidak wujud.

ونُؤْمِنُ باللَّوحِ والقَلَمِ وبِجَميعِ مَا فيه قَدْ رُقِم. فلَو اجتمعَ الخَلْقُ كلُّهم على شَيْءٍ كتَبَهُ الله تعالى فِيه أنَّه كَائِنٌ، لِيجْعَلوهُ غيْرَ كَائِن –لَمْ يَقْدِرُوا عَلَيْهِ. ولو اجْتَمَعُوا كُلُّهم عَلى شَيْءٍ لَمْ يكْتُبه الله تعالى

فيه، أنَّهُ غَيْرُ كَائِنٍ ليجعلُوهُ كائِناً– لم يقدروا عليه، جَفَّ القَلَمُ بما هُوَ كَائنٌ إلى يَوْمِ القِيامَة، ومَا أَخْطأَ العَبْدَ لمْ يَكُنْ لِيُصِيبَهُ، وما أصَابَهُ لمْ يَكُن لِيُخْطِئَهُ.

47. Kami juga beriman dengan lauh mafhudz dan qalam (pena) serta segala yang telah di tulis di dalamnya (lauh mahfudz). Jika berhimpun semua makhluk untuk menghadapi suatu perkara yang telah ditulis Allah di dalamnya 'bahawa ia akan terjadi' untuk mereka mengubahkanya kepada 'tidak terjadi' nescaya mereka tidak akan mampu mengubahnya. Jika sebaliknya mereka berhimpun untuk menghadapi suatu perkara yang ditulis Allah di dalamnya 'bahawa ia tidak akan terjadi' untuk mereka mengubahnya kepada 'akan terjadi' nescaya mereka tidak akan mampu mengubahnya. Pena telahpun kering dengan apa yang terjadi hingga ke hari kiamat. Apa yang (ditulis bahawa ia akan) tersasar dari seorang hamba, ia pasti tidak akan mengenainya. Apa yang (ditulis bahawa ia akan) mengenai seorang hamba, ia pasti tidak akan tersasar darinya.

وعَلى العَبْد أن يَعلَمَ أَنَّ اللهَ قَدْ سَبَقَ عِلْمُهُ في كُل كَائنٍ مِنْ خَلْقِه، فقدر ذلك تقديراً محكماً مبرماً، ليسَ فيه نَاقِضٌ، وَلاَ مُعَقِّبٌ، وَلاَ مُزِيلٌ، ولا مُغيِّرٌ، ولا مُحَولٌ، ولا نَاقِصٌ، ولا زَائِدٌ مِنْ خَلْقِهِ في سَماوَاتِهِ وأرْضِه. وذلكَ مِنْ عَقْدِ الإيمَانِ، وأُصُولِ المعْرِفَةِ، والاعْترافِ بتوْحيدِ الله تعالى ورُبُوبيَّتِهِ، كما قالَ تعالى في كتابهِ ﴿وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَّرَهُ تَقْدِيرًا﴾[الفرقان:2]، وقال تعالى

﴿وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ قَدَرًا مَقْدُورًا﴾[الأحزاب:38] . فَوَيْلٌ لمنْ صَارَ لله تَعالى في القَدَرِ خَصِيمًا، وأحْضَرَ للنَّظَرِ فيهِ قَلْباً سقيماً، لَقد الْتَمَسَ بوهْمِهِ في فَحْصِ الغَيْبِ سِرًّا كَتِيماً، وَعادَ بما قالَ فيهِ أَفَّاكاً أَثِيماً.

48. Wajib ke atas hamba mengetahui bahawa sesungguhnya Allah telah mendahului ilmunya tentang segala yang terjadi dari makhlukNya, di mana Dia telah menentukannya dengan ketentuan yang rapi/kemas dan putus. Tiada yang dapat membatalkan ketentuan itu dan tiada pula yang dapat menangguhnya, menghilangkannya, mengubahnya, mengurangkannya dan menambahnya sama ada dari kalangan makhlukNya di langit mahupun di bumi. Mengetahui hakikat tersebut adalah sebahagian dari aqidah iman, teras-teras makrifah dan pengiktirafan kepada keesaan Allah (tauhidullah) dan rububiyahNya, iaitu sebagaimana firman Allah (bermaksud); “Dan Dia (Allah) telah menciptakan segala sesuatu dan menetapkan ukuran-ukuranNya dengan serapi-rapinya” (surah al-Furqan, ayat 2), dan firmanNya (bermaksud); “Dan adalah ketetapan Allah itu suatu ketetapan yang pasti berlaku” (surah al-Ahzab, ayat 38). Maka kemusnahanlah bagi orang yang menjadi penentang kepada al-qadar dan ia menghadirkan hati yang sakit untuk mengkaji tentangnya. Dengan khayalannya dia berusaha mencari rahsia tersembunyi dengan mengkaji perkara ghaib (yang tidak dibuka Allah untuk manusia) dan akhirnya ia muncul sebagai seorang pendusta dan pelaku dosa dengan segala ucapannya tentang rahsia tersebut.

والعرشُ والكرسيُّ حَقٌّ.

49. ‘Araysh dan Kursi adalah benar.

وهُوَ مُسْتَغْنٍ عَن العرشِ ومَا دُونَه.

50. Allah tidak berhajat kepada ‘Arasyh dan semua makhlukNya lebih bawah dari ‘Arasyh itu.

مُحِيطٌ بِكُلِّ شَيْءٍ وفَوْقَهُ، وقَدْ أعْجَزَ عَنِ الإحَاطَةِ خَلْقهُ.

51. Dia meliputi segala sesuatu dan mengatasi segala sesuatu. Segala makhlukNya tidak mampu untuk meliputiNya.

ونَقُولُ: إنَّ اللهَ اتَّخَذَ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلاً، وكَلَّمَ الله مُوسى تكْلِيماً، إيماناً وتَصْدِيقاً وتَسْلِيماً.

52. Kami juga menegaskan (dengan hati yang yakin bahawa) sesungguhnya Allah telah mengambil Nabi Ibrahim AS sebagai khalilNya dan telah bercakap dengan Nabi Musa AS dengan percakapan yang sebenar-benarnya (iaitu penegasan) dengan keimanan, kepercayaan dan penerimaan.

ونؤْمنُ بالملائكَةِ والنَّبيين والكُتُبِ المُنَزَّلَةِ عَلى المرْسَلينَ ونَشْهَدُ أَنَّهُم كانوا على الحَقِّ المبين.

53. Kami beriman dengan para Malaikat, para Nabi dan kitab-kitab

yang diturunkan (Allah) ke atas para Rasul serta kami bersaksi bahawa mereka semua berada di atas kebenaran yang jelas nyata.

ونُسمّي أَهْلَ قِبْلَتِنَا مُسْلِمِينَ مؤمنينَ، مَا دَامُوا بِمَا جَاءَ بِهِ النَّبِيُّ صلى الله عليه وعلى آله وسلم مُعْتَرِفِينَ، ولهُ بِكُلِّ ما قالَ وأَخْبَرَ مُصَدِّقِين.

54. Kami menamakan orang-orang yang mengadap kiblat kami (yakni kaabah) sebagai orang-orang Islam dan orang-orang beriman selama mereka berterusan mengiktiraf segala yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan membenarkan segala yang baginda ucapkan dan khabarkan.

ولا نَخُوضُ فِي اللهِ، ولا نُمارِي في دين الله.

55. Kami tidak akan bercakap tentang Allah (dengan ucapan yang batil, tidak benar) dan kami tidak akan berbalah tentang agama Allah (dengan perbalahan yang batil, tidak benar).

ولا نُجَادِلُ فِي القرآنِ، ونَشْهدُ أَنَّهُ كَلامُ ربِّ العالمينَ، نَزَلَ به الروحُ الأمِينُ، فَعَلَّمَهُ سيِّدَ المرسلين مُحَمَّداً صلى الله عليه وعلى آله وسلم، وهو كَلامُ اللهِ تعالى لا يساويه شيءٌ مِنْ كلامِ المخْلُوقِين، ولا نَقُولُ بِخَلْقِهِ، وَلا نُخَالِفُ جَمَاعَةَ المسْلِمينَ.

56. Kami tidak akan berbalah tentang al-Quran (dengan perbalahan yang batil), akan tetapi kami bersaksi bahawa al-Quran adalah kalam (ucapan) Tuhan semesta alam, yang dibawa turun oleh Ruh yang amanah/jujur (yakni Jibril), lalu diajarnya kepada penghulu para Rasul iaitu Nabi Muhammad SAW. Dia adalah kalam Allah yang tidak ada suatupun yang menyamainya dari kalam sekelian makhluk. Kita tidak akan berkata "ia adalah makhluk" dan kita tidak akan menganggahi jamaah kaum muslimin (dalam masalah tersebut).

ولا نُكَفِّرُ أَحَداً مِنْ أَهْلِ القِبْلَةِ بِذَنْبٍ، مَا لَمْ يَسْتَحِلَّهُ.

57. Kami tidak akan mengkafirkan sesiapapun dari ahli qiblat dengan sebab suatu dosa selagi dia tidak menghalalkannya.

وَلا نَقُولُ: لا يَضُرُّ مَعَ الإيمَانِ ذَنْبٌ لمنْ عَمِلَه.

58. Namun kami juga tidak akan berkata; "Dengan adanya iman, sebarang dosa tidak memudaratkan orang yang melakukannya".

نَرْجُو للمُحْسِنينَ مِنَ المؤْمِنينَ أَنْ يَعْفُوَ عَنْهُم ويُدْخِلَهم الجَنَّة بِرَحْمَتِهِ، ولا نَأْمَنُ عَلَيْهِم، ولا نَشْهدُ لهم بالجَنَّة، ونَستَغْفرُ لِمُسِيئهِم، ونَخَافُ عَلَيْهِم، ولا نُقَنِّطُهُم.

59. Kami mengharapkan untuk orang-orang yang berbuat baik dari kalangan orang-orang beriman agar Allah mengampuni mereka dan memasukkan mereka ke dalam syurga dengan rahmatNya. Kami tidak akan mengatakan (jaminan) keamanan untuk mereka (dari neraka) dan kami tidak akan bersaksi untuk mereka dengan syurga,

akan tetapi kami mengharapkan keampunan (Allah) untuk orang yang melakukan kejahatan dari kalangan mereka, menaruh rasa bimbang (terhadap balasan Allah yang mungkin) menimpa mereka, namun kami tidak akan memberikan kata-kata putus asa kepada mereka (dari rahmat dan keampunan Allah).

والأَمْنُ والإياسُ يَنْقُلاَنِ عَنْ مِلَّةِ الإسْلاَمِ، وَسَبِيلُ الحقّ بَيْنَهُما لأَهلِ القِبْلَةِ.

60. Perasaan aman (dari balasan Allah) dan perasaan putus asa (dari rahmat dan keampunan Allah) keduanya akan mengeluarkan (seseorang) dari agama Islam. Jalan yang benar bagi ahli qiblat ialah dengan berada di antara keduanya.

ولا يَخْرُجُ العبْدُ مِنَ الإيمَانِ إلا بجُحُودِ ما أَدْخَلَهُ فيه.

61. Seorang hamba tidak akan terkeluar dari iman kecuali apabila ia menolak perkara yang memasukkannya ke dalam iman.

والإيمانُ: هو الإقْرارُ باللِّسانِ، والتصديقُ بالجَنَانِ.

62. Iman ialah pengakuan dengan lidah dan keyakinan/kepercayaan dengan hati.

وَجَمِيعُ ما صَحَّ عَنْ رَسُولِ الله صلى الله عليه وعلى آله وسلم مِنْ الشَّرْعِ والبَيانِ كُلّهُ حَقٌّ.

63. Segala yang soheh dari Rasulullah SAW dari Syariat dan keterangan semuanya adalah benar.

وَالإِيمانُ وَاحِدٌ، وأَهْلُهُ فِي أَصْلِهِ سَواءٌ، والتَّفاضُلُ بَيْنَهُم بالخَشْيَةِ والتُّقى، ومُخَالَفَةِ الهَوَى، ومُلازَمَةِ الأَولى.

64. Iman adalah satu dan semua orang beriman adalah sama pada asal iman. Tinggi rendah darjat iman di antara mereka bergantung kepada darjat ketakutan (kepada Allah) dan ketakwaan, percanggahan dengan nafsu dan komitmen dengan yang paling utama (pada Syarak).

والمؤمنُونَ كُلُّهُم أَولِيَاءُ الرَّحْمن، وأَكْرَمُهُم عِنْدَ اللهِ أَطْوَعُهُم وَأَتْبَعُهُم لِلقُرْآنِ.

65. Orang-orang beriman semua mereka adalah wali-wali (kekasih-kekasih) Tuhan yang rahman. Orang yang paling mulia di antara mereka di sisi Allah ialah yang paling taat dan paling patuh kepada al-Quran.

والإِيمانُ: هُو الإِيمانُ باللهِ، وَمَلائِكَتِهِ، وَكُتُبِه، وَرُسُلِهِ، واليومِ

الآخِرُ، وَالقَدَرِ: خَيْرِهِ وشَرِّهِ، وحُلْوِهِ وَمُرِّهِ، مِنَ اللهِ تعالَى.

66. Rukun iman itu ialah;

1. Beriman kepada Allah

2. Beriman dengan malaikat-malaikatNya

3. Beriman dengan kitab-kitabNya

4. Beriman dengan rasul-rasulNya

5. Beriman dengan hari akhirat

6. Beriman dengan qadar dari Allah; yang baik dan yang buruk darinya, yang manisnya dan yang pahitnya

ونَحْنُ مُؤْمِنُون بِذَلكَ كُلِّهِ، لاَ نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ، ونُصَدِّقُهُم كُلَّهُم عَلى مَا جَاءوا به.

67. Kami beriman dengan keseluruhan rukun-rukun iman tersebut. Kami tidak membezakan antara seorang pun dari rasul-rasul Allah, akan tetapi kami mempercayai semua mereka berserta ajaran yang mereka bawa.

وَأَهْلُ الكَبَائِرِ مِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ صلى الله عليه وعلى آله وسلم في النَّارِ لا يُخَلَّدُون، إِذَا مَاتُوا وهُمْ مُوَحِّدُونَ، وإِنْ لم يَكُونُوا تَائِبِينَ، بَعْدَ أَنْ لَقُوا اللهَ عَارِفِينَ مُؤْمِنينَ وَهُمْ في مَشِيئَتِهِ وحُكْمِهِ، إِنْ شَاءَ

غفَرَ لَهُمْ وَعَفَا عَنْهُم بِفَضْلِهِ، كما ذَكَرَ عَزَّ وَجَلَّ فِي كتابِهِ: ﴿وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ﴾[النساء:48]، وَإِنْ شَاءَ عَذَّبَهُم فِي النَّارِ بعَدْلِهِ، ثُمَّ يُخْرِجَهُم مِنْهَا بِرَحْمَتِه وَشَفَاعَةِ الشَّافِعِينَ مِن أَهْلِ طَاعَتِه، ثُمَّ يَبْعَثُهُم إلى جَنَّتِه، وَذَلِكَ بِأن الله تعالى تَوَلَّى أَهْلَ مَعْرِفتِهِ، وَلَمْ يَجْعَلَهُم فِي الدَّارَيْنِ كَأَهْلِ نُكْرَتِهِ، الذينَ خَابُوا مِنْ هِدَايَتِهِ، ولَمْ يَنَالُوا مِنْ وِلاَيَتِهِ. اللَّهُمَّ يا وَلِيَّ الإسْلاَمِ وَأَهْلِهِ، ثَبِّتْنَا عَلَى الإسْلامِ حَتَّى نَلْقَاكَ به.

68. Para pelaku dosa besar dari kalangan umat Nabi Muhammad SAW mereka tidak akan kekal di dalam neraka jika mereka mati sebagai orang-orang yang mentauhidkan Allah, sekalipun mereka tidak bertaubat, iaitu setelah mereka bertemu Allah (mati) dalam keadaan mengenaliNya Allah dan beriman (denganNya). Mereka berada dalam kehendak Allah dan keputusanNya, iaitu jika Dia menghendaki Dia mengampunkan mereka dan memaafkan mereka dengan kurniaanNya sebagaimana yang Dia sebut dalam kitabNya (yang bermaksud); "…dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu bagi siapa yang dikehendakiNya" (surah an-Nisa', ayat 48), dan jika Dia menghendaki Dia akan mengazab mereka dalam nerakaNya dengan keadilanNya, kemudian mengeluarkan mereka darinya dengan rahmatNya dan juga dengan syafaat pemberi syafaat dari kalangan hamba-hamba yang mentaatiNya, kemudian menghantar mereka ke syurgaNya. Itu kerana Allah sesungguhnya mengasihi orang-orang yang mengenaliNya dan Dia tidak akan menjadikan mereka ketika di dunia dan di akhirat sama seperti orang-orang yang mengingkarinya, iaitu orang-orang yang kerugian (kerana terhalang dari) hidayahNya dan tidak mendapat kasih

sayangNya. Ya Allah wahai Tuhan penjaga agama Islam dan penganut-penganut Islam, teguhkanlah kami di atas agama Islam hinggalah saat kami bertemuMu dengan agama tersebut.

ونَرَى الصَّلاةَ خَلْفَ كُلَّ بَرٍّ وَفَاجِرٍ مِنْ أَهْلِ القِبْلَةِ، وَعَلَى مَنْ مَاتَ مِنْهُم.

69. Kami berpandangan; harus mengerjakan solat di belakang semua orang yang baik atau yang berdosa dari kalangan ahli qiblat (yakni kaum muslimin) dan ke atas orang yang mati di kalangan mereka.

وَلاَ نُنَزِّلُ أحَداً مِنْهُم جَنَّةً ولا ناراً، ولاَ نَشْهَدُ عَلَيْهِم بِكُفْرٍ وَلا بشرْكٍ وَلا بِنفَاقٍ، مَا لَمْ يَظْهَرْ منْهُم شَيْءٌ مِنْ ذَلك، وَنَذَرُ سَرَائِرَهُم إلى الله تعالى.

70. Kami tidak akan menghukum sesiapapun dari kalangan mereka dengan syurga dan tidak juga dengan neraka. Kami tidak akan bersaksi ke atas mereka dengan kufur, syirik dan tidak juga dengan nifaq selama tidak nampak dari mereka sebarang tanda darinya (yakni tanda dari kekufuran, syirik dan nifaq) dan kami menyerahkan rahsia-rahsia mereka kepada Allah.

وَلا نَرَى السَّيْفَ عَلى أَحَدٍ مِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ صلى الله عليه وعلى

آله وسلم إِلاَّ مَنْ وَجَبَ عَلَيْهِ السَّيْفُ.

71. Kami tidak melihat adanya keharusan untuk mengangkat pedang (yakni dikenakan tindakan bunuh) ke atas seorang pun dari umat Nabi Muhammad SAW kecuali orang yang wajib di angkat pedang ke atasnya (yakni wajib dibunuh).

وَلاَ نَرَى الخُرُوجَ عَلى أَئِمتِنَا وَوُلاَةِ أُمُورِنَا وَإِنْ جَارُوا، وَلاَ نَدْعُو عَلَيْهِم، وَلاَ نَنْزَعُ يَداً مِنْ طَاعَتِهِم، وَنَرى طَاعَتَهُم مِنْ طَاعَةِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ فَرِيضة، مَا لَمْ يَأْمُروا بِمَعْصِيَةٍ، وَنَدْعُوا لَهُم بِالصَّلاحِ والمعَافَاةِ.

72. Kami tidak melihat keharusan untuk keluar menentang pemerintah-pemerintah dan pemimpin-pemimpin yang memegang urusan kami sekalipun mereka zalim, kami tidak akan mendoakan (bala/kemusnahan) ke atas mereka dan kami tidak akan mencabut tangan dari ketaatan kepada mereka. Kami melihat ketaatan kepada mereka adalah satu kewajipan dari ketaatan kepada Allah selama mereka tidak menyuruh dengan suatu maksiat. Kami akan mendoakan untuk mereka dengan doa kebaikan dan keselamatan.

وَنَتَّبِعُ السُّنَّةَ والجَمَاعةَ، وَنَجْتَنِبُ الشُّذُوذَ والخِلاَفَ والفُرْقَةَ.

73. Kami akan mengikuti as-sunnah dan juga jamaah dan kami akan menjauhi segala yang syaz, perbezaan dan perpecahan.

وَنُحِبُّ أَهْلَ العَدْلِ والأَمَانَةِ، ونَبْغَضُ أَهْلَ الجَوْرِ والخِيَانَةِ.

74. Kami mengasihi orang-orang yang adil dan amanah dan sebaliknya kami membenci orang yang zalim dan khianat.

وَنَقُولُ: اللهُ أَعْلَمُ، فيما اشْتَبَهَ عَلَيْنَا عِلْمُه.

75. Dalam perkara yang timbul kesamaran kepada kami tentang ilmunya, kami akan berkata; 'Allah lah yang paling mengetahui'.

وَنَرَى المَسْحَ عَلى الخُفَّيْنِ، في السَّفَرِ والحَضَرِ، كَما جَاءَ في الأَثَرِ.

76. Kami melihat keharusan menyapu di atas khuf ketika musafir dan ketika hadir (dalam negeri) sebagaimana yang terdapat dalam hadis.

وَالحَجُّ والجِهَادُ مَاضِيَانِ مَعَ أُولي الأَمْرِ مِنَ المسْلِمينَ بَرِّهِم وفَاجِرِهِم، إلى قِيَامِ السَّاعَةِ، لا يُبْطِلُهُمَا شَيْءٌ ولاَ يَنْقُضُهُمَا.

77. Haji dan jihad akan berterusan (dilaksanakan oleh kaum muslimin) bersama pemimpin-pemimpin yang memegang urusan pemerintahan mereka sama ada yang baik atau yang jahat hingga ke saat berlakunya kiamat, tiada apapun yang boleh membatalkan keduanya dan memberhentikannya.

وَنؤْمِنُ بالكِرَامِ الكَاتِبينَ، فَإِنَّ اللهَ قَدْ جَعَلَهُم عَلَيْنَا حَافِظِين.

78. Kami beriman dengan malaikat kiraman katibin (malaikat-

malaikat yang mulia yang menjadi pencatat amalan hamba), di mana Allah telah menjadikan mereka sebagai pengawas-pengawas ke atas kita.

وَنُؤْمِنُ بِمَلَكِ المَوْتِ، الموكَّلِ بِقَبْضِ أَرْوَاحِ العَالَمينَ.

79. Kami beriman dengan malaikat maut yang diserahkan kepadanya tugas mencabut ruh-ruh makhluk bernyawa di alam ini.

وَبِعَذَابِ القبْرِ لمنْ كَانَ لَهُ أَهْلاً، وسُؤَالِ مُنْكَرٍ ونَكِيرٍ فِي قبْرِه عَنْ رَبِّهِ وَدِينهِ وَنَبِيَّهِ، عَلَى مَا جَاءَتْ بِهِ الأَخْبَارُ عنْ رَسُولِ الله صلى الله عليه وعلى آله وسلم، وَعن الصَّحَابَةِ رضْوَانُ اللهِ عَلَيْهِم.

80. Juga beriman dengan azab kubur bagi ahlinya, soalan malaikat munkar dan nakir (terhadap penghuni kubur) di dalam kubur berkenaan Tuhannya, agamanya dan juga nabinya, iaitu mengikut sebagaimana yang diceritakan oleh khabar-khabar dari Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

وَالقَبْرُ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الجنَّةِ، أَوْ حُفْرَةٌ مِنْ حُفَرِ النِّيرَانِ.

81. Kubur akan menjadi sebuah taman dari taman-taman syurga atau satu lubang dari lubang-lubang neraka.

وَنُؤْمِنُ بِالبَعْثِ وَجَزَاءِ الأَعْمَالِ يَوْمَ القِيَامَةِ، والعَرْضِ والحِسَابِ، وقِرَاءَةِ الكِتَابِ، والثَّوابِ والعِقَابِ، والصِّرَاطِ والمِيزَانِ.

82. Kami beriman dengan kebangkitan semula, balasan terhadap amalan-amalan pada hari kiamat, pembentangan, hisab/perhitungan, pembacaan buku cacatan amalan, pahala, balasan, titian dan timbangan.

وَالجَنَّةُ والنَّارُ مَخْلُوقَتَانِ، لا تَفْنَيانِ أَبَداً وَلاَ تَبِيدَانِ، فَإِنَّ اللهَ تعالى خَلَقَ الجَنَّةَ والنَّارَ قَبْلَ الخَلْقِ، وَخَلَقَ لَهُمَا أَهْلاً, فَمنْ شَاءَ مِنْهُم إلى الجَنَّةِ فَضْلاً مِنْهُ. وَمَنْ شَاءَ مِنْهُم إلى النَّارِ عَدْلاً مِنْهُ, وَكُلٌّ يَعْمَلُ لما قَدْ فُرِغَ لَهُ، وَصَائِرٌ إلى مَا خُلِقَ لَهُ.

83. Syurga dan neraka keduanya adalah makhluk yang dijadikan, keduanya tidak akan musnah selama-lamanya dan tidak akan hancur. Sesungguhnya Allah menjadi syurga dan neraka sebelum dia menjadikan makhluk-makhlukNya dan Dia menjadikan untuk keduanya penghuni. Maka sesiapa yang dikehendaki Allah dari kalangan makhlukNya untuk ke syurga, itu adalah kurniaan dariNya. Sesiapa yang dikehendaki Allah dari kalangan makhlukNya untuk ke neraka, itu adalah keadilan dariNya. Semua mereka beramal mengikut ruang yang ditentukan untuknya dan berjalan menuju tujuan ia dijadikan.

والخَيْرُ والشَّرُّ مُقدَّرَانِ عَلى العِبَادِ.

84. Kebaikan dan kejahatan telah ditakdirkan (ditentukan) ke atas sekelian hamba.

والاسْتِطاعَةُ التي يَجِبُ بِهَا الفِعْلُ، مِنْ نَحْوِ التَّوفيقِ الَّذِي لا يَجُوزُ أنْ يُوصَفَ المخْلُوقُ بِهِ –فهي مَعَ الفِعْلِ، وأمَّا الاسْتِطاعَةُ مِنْ جِهَةِ الصِّحةِ وَالوُسْعِ، والتَّمكينِ وَسَلامَةِ الآلاتِ– فَهِيَ قَبْلَ الفِعْلِ، وَبِهَا يَتَعَلَّقُ الخِطَابُ، وهُوَ كَمَا قال تعالى ﴿لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا﴾ [البقرة:286].

85. Kemampuan (jika dari jenis) yang wajib ada bersama perbuatan (yakni tidak boleh berlaku perbuatan tanpa adanya kemampuan) ia seumpama taufiq iaitu tidak harus bersifat dengannya oleh makhluk (yakni hanya Allah sahaja mampu memberi kemampuan dengan makna taufiq itu kepada hamba), kemampuan jenis ini adalah yang hadir bersama perbuatan. Adapun kemampuan dari segi kesihatan, kesanggupan, kebolehan/kemampuan dan kesejahteraan anggota, maka kemampuan jenis ini ialah kemampuan yang wujud sebelum perbuatan dan dengannya terikat khitab (pengarahan) Syarak sebagaimana firman Allah (bermaksud); "Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya" (surah al-Baqarah, ayat 286).

وَأَفْعَالُ العِبَادِ خَلْقُ اللهِ، وَكَسْبٌ مِنَ العِبَادِ.

86. Segala perbuatan hamba adalah ciptaan Allah dan usaha dari hamba.

ولَمْ يُكَلِّفْهُم اللهُ تعالى إِلاَّ مَا يُطِيقُون، وَلا يُطيقُونَ إِلاَّ مَا كَلَّفَهُمْ وَهُوَ تَفْسِير: لا حول ولا قوة إلا بالله، نقول: لا حِيلَةَ لأَحَدٍ، وَلاَ حَرَكَةَ لأحَدٍ ولا تَحَوُّلَ لأحَدٍ عَنْ مَعْصِيَةِ اللهِ إِلاَّ بِمعونَةِ اللهِ، وَلاَ قُوَّةَ لأحَدٍ على إِقَامَةِ طَاعَةِ اللهِ والثَّبَاتِ عَلَيْهَا إلاَّ بِتَوفِيقِ اللهِ.

87. Allah tidak membebani hamba-hambaNya melainkan kadar yang mereka mampui. **Mereka tidak akan mampu melainkan dengan kadar yang dibebani Allah kepada mereka**. Itulah tafsiran kepada ungkapan "La haula wala quwwata illa billah" (tiada perubahan dari satu keadaan ke satu keadaan dan tiada kekuatan/daya untuk melakukannya melainkan dengan bantuan Allah). Kami menegaskan (maksudnya); tiada jalan mengelak bagi sesiapapun, tiada pergerakan bagi sesiapapun dan tiada perubahan bagi sesiapa pun dari maksiatnya kepada Allah melainkan dengan bantuan/pertolongan Allah, tidak ada kekuatan untuk sesiapapun untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah dan untuk tetap di atasnya melainkan dengan taufiq dari Allah.

وَكُلُّ شَيْءٍ يَجْرِي بِمَشِيئَةِ اللهِ تعالَى وَعِلْمِهِ وَقَضَائِهِ وَقَدَرِهِ. غَلَبَتْ مَشيئَتُهُ المَشِيئَاتِ كُلَّهَا، وَغلَبَ قَضَاؤُهُ الحِيَلَ كُلَّهَا، يَفعَلُ مَا يَشَاءُ وَهُو غَيْرُ ظَالِمٍ أَبَداً، تَقَدَّسَ عَنْ كُلِّ سوء وحَيْنٍ، وتَنَزَّهَ عَن

كلِّ عَيْب وشَيْن. ﴿لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ﴾[الأنبياء:23].

88. Segala sesuatu berlaku dengan kehendak Allah, ilmuNya, keputusanNya dan ketetapanNya. KehendakNya mengatasi segala kehendak yang lain dan keputusannya mengatasi segala helah (jalan mengelak). Dia melakukan apa yang dikehendakiNya dalam keadaan Dia tidak menzalimi selama-lamanya. Dia suci dari segala keburukan dan kemusnahan dan bebas dari sebarang kecacatan dan kejelikan. "Dia tidak ditanya tentang apa yang diperbuatNya dan merekalah yang akan ditanyai" (maksud ayat 23 dari surah al-Anbiyak).

وفي دُعَاءِ الأَحْياءِ وَصَدَقَاتِهِم مَنْفَعَةٌ لِلأَمْوَات.

89. Doa dari orang-orang hidup dan sedekah-sedekah mereka adalah memberi manfaat untuk orang-orang yang telah mati.

واللهُ تَعالَى يَسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ، وَيَقْضِي الحَاجَاتِ.

90. Allah memperkenankan doa-doa dan menunaikan hajat-hajat (makhlukNya).

وَيَمْلِكُ كُلَّ شَيْءٍ، وَلاَ يَمْلِكُهُ شَيْءٌ، وَلاَ غِنَى عَنِ اللهِ تَعالى طَرْفَةَ عَيْنٍ، وَمَنِ اسْتَغْنَى عَنِ اللهِ طَرْفَةَ عَيْنٍ، فَقَدْ كَفَرَ وَصارَ مِنْ أَهْلِ

الحَيْنِ.

91. Allah memiliki segala sesuatu dan tiada suatupun yang memilikiNya. Tiada apapun yang dapat lari dari berhajat kepada Allah walau sekelip mata. Siapa (dari hambaNya) yang merasa diri tidak berhajat kepada Allah walau sekelip mata, maka dia telah kafir dan menjadi dari golongan yang bakal musnah.

والله يَغْضَبُ وَيَرْضَى، لاَ كَأَحَدٍ مِنَ الوَرَى.

92. Allah bersifat dengan marah dan redha (suka), namun tidak seperti seorangpun dari makhluk-makhluk.

وَنُحِبُّ أَصْحَابَ رسُولِ الله صلى الله عليه وعلى آله وسلم، وَلاَ نُفرطُ فِي حُبِّ أَحَدٍ مِنْهُم؛ وَلاَ نَتَبَرَّأُ مِنْ أَحَدٍ مِنْهُم، وَنُبْغِضُ مَنْ يُبْغِضُهُم، وَبِغَيْرِ الخَيْرِ يَذْكُرُهُم، ولا نُذْكُرُهُم إِلاَّ بِخَيْرٍ, وَحُبُّهُم دِينٌ وإِيمَانٌ وإِحْسَانٌ، وَبُغْضُهُم كُفْرٌ ونِفَاقٌ وطُغْيَانٌ.

93. Kami menyintai para sahabat Rasulullah SAW, namun kami tidak melampau dalam menyintai sesiapapun dari mereka dan kami juga tidak membebaskan diri dari sesiapapun dari mereka. Kami membenci orang yang membenci mereka dan menyebut mereka dengan sebutan yang tidak baik. Kami tidak akan menyebut mereka melainkan dengan suatu kebaikan. Menyintai mereka adalah agama, iman dan kebaikan/ihsan. Membenci mereka adalah kufur, nifaq dan melampau.

وَنُثْبِتُ الخِلاَفَةَ بَعْدَ رَسُولِ اللهِ صلى الله عليه وعلى آله وسلم: أَوَّلاً لأبي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضيَ اللهُ عَنْهُ، تَفْضِيلاً لَهُ وتَقديماً عَلَى جَمِيعِ الأُمَّةِ، ثُمَّ لعُمَرَ بن الخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، ثم لِعُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، ثُمَّ لِعَلِيِّ بن أبي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، وَهُمُ الخُلَفَاءُ الرَّاشدُونَ والأَئِمَّةُ المُهْتَدُون.

94. Kami menetapkan jawatan khilafah setelah kewafatan Rasulullah SAW; mula-mula kepada Abu Bakar as-Siddiq RA kerana mengiktiraf kelebihannya dan mengutamakannya ke atas sekelian (manusia dari) umat ini, kemudian kepada Umar bin al-Khattab RA, kemudian kepada Usman RA dan kemudian kepada ‘Ali bin Abi Talib RA. Mereka adalah khalifah-khalifah yang bijaksana dan pemimpin-pemimpin yang mendapat petunjuk.

وَأَنَّ العَشرَةَ الَّذينَ سَمَّاهُم رَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وعلى آله وسلم وَبشَّرَهُم بِالجَنَّةِ، نَشْهَدُ لَهُم بِالجَنَّةِ، عَلَى مَا شَهِدَ لَهُم رَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وعلى آله وسلم، وَقَوْلُهُ الحقُّ، وَهُمْ: أَبُوبَكْرٍ، وَعُمَرُ، وعُثْمَانُ، وَعَليٌّ، وَطَلْحة، والزُّبَيْرُ، وَسَعْدٌ، وَسَعِيدٌ، وَعَبْدُالرَّحمنِ بن عَوْفٍ، وأبُوعُبَيْدة بنُ الجَرَّاحِ وَهُوَ أَمِينُ هَذِهِ الأُمَّةِ، رَضِيَ اللهُ عَنْهُم أَجْمَعِين.

95. Sesungguhnya 10 sahabat yang dinamakan Rasulullah SAW dan diberi khabar gembira kepada mereka oleh baginda dengan syurga, kami turut bersaksi untuk mereka dengan syurga mengikut sebagaimana yang disaksikan Rasulullah untuk mereka kerana ucapan baginda adalah benar. Mereka ialah; Abu Bakar RA, Umar RA, Usman RA, ‘Ali RA, Tolhah RA, az-Zubair RA, Sa’ad RA, Sa’id RA, ‘Abdurrahman bin ‘Auf RA dan Abu ‘Ubaydah bin al-Jarrah RA iaitu orang yang amanah dari umat ini. Semoga Allah meredhai mereka semua.

وَمَنْ أَحْسَنَ القَوْلَ فِي أَصْحَابِ رَسُولِ اللهِ صلى الله عليه وعلى آله وسلم، وأَزْوَاجِهِ الطَّاهِرَاتِ مِنْ كُلِّ دَنَسٍ، وَذُرِّيَّاتهِ المقدسينَ مِنْ كُلِّ رِجْسٍ؛ فَقَدْ بَرِئَ مِنَ النِّفَاقِ.

96. Sesiapa yang bercakap dengan ucapan yang elok berkenaan sahabat-sahabat Rasulullah SAW, isteri-isteri baginda yang suci dari segala kekotoran dan zuriat-zuriat baginda yang disucikan dari semua kekejian, maka sesungguhnya dia bebas dari nifaq.

وعُلماءُ السَّلَفِ مِنَ السَّابِقِينَ، وَمَنْ بعْدَهُم مِنَ التَّابِعِينَ –أَهْلُ الخَيْرِ والأَثَرِ، وأَهْلُ الفِقْهِ والنَّظَرِ– لا يُذكَرُونَ إِلاَّ بِالجَمِيلِ، وَمَنْ ذَكَرُهُم بِسُوءٍ فَهُوَ عَلى غَيْرِ السَّبِيلِ.

97. Ulamak-ulamak salaf dari generasi terdahulu dan yang selepas mereka dari golongan tabi’in (yang mengikuti jejak langkah ulamak-ulamak terdahulu) yang terdiri dari golongan ahli kebaikan dan atsar

(hadis) dan golongan ahli fiqh dan nazar (penyelidikan), tidak disebut tentang mereka melainkan dengan keelokan. Sesiapa menyebut mereka dengan suatu keburukan, maka dia berada di atas jalan yang lain (dari jalan kaum muslimin).

وَلاَ نُفَضِّلُ أَحداً مِنَ الأَوْلِيَاءِ عَلَى أَحَدٍ مِنَ الأَنْبِيَاءِ عَلَيْهِمُ السَّلامُ، ونقولُ: نَبِيٌّ وَاحِدٌ أَفْضَلُ مِنْ جَمِيعِ الأَوْلِيَاءِ.

98. Kami tidak akan melebihkan sesiapapun dari auliyak Allah ke atas seorangpun dari para Nabi, malah kami menegaskan; seorang Nabi AS lebih baik/utama dari sekelian auliyak.

وَنُؤْمِنُ بِمَا جاءَ مِنْ كَرَامَاتِهِم، وَصَحَّ عَنِ الثِّقَاتِ مِنْ رِوَايَاتِهِم.

100. Kami beriman dengan karamah-karamah para auliyak yang terdapat (di dalam al-Quran dan as-Sunnah) dan riwayat-riwayat yang soheh dari para perawi yang tsiqah.

وَنُؤْمِنُ بِأَشْرَاطِ السَّاعَةِ: مِنْ خُرُوجِ الدَّجَّال، ونُزُولِ عِيسَى بنِ مَرْيَمَ عَلَيْهِ السَّلامُ مِنَ السَّماءِ، وَنُؤْمِنُ بِطُلُوعِ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا، وَخُرُوجِ دَابَّةِ الأَرْضِ مِنْ مَوْضِعِهَا.

101. Kami beriman dengan tanda-tanda kiamat antaranya; keluar dajjal dan turunnya Nabi ‘Isa bin Mariam AS dari langit. Kami beriman dengan terbitnya matahari dari arah barat dan keluarnya

daabatul-ardh dari tempatnya.

وَلاَ نُصَدِّقُ كَاهِناً وَلاَ عَرَّافاً، وَلاَ مَنْ يَدَّعِي شَيْئاً يُخَالِفُ الكِتَابَ والسُّنَّةَ وإجْمَاعَ الأُمَّةِ.

102. Kami tidak mempercayai tukang tilik dan tukang ramal serta sesiapa sahaja yang mendakwa sesuatu yang menyalahi al-Kitab, as-Sunnah dan ijmak para ulamak umat ini.

وَنَرَى الجَمَاعَةَ حَقًّا وَصَوَاباً، والفُرْقَةَ زَيْغاً وَعَذَاباً.

103. Kami melihat jamaah itu sebagai hak dan benar, sedang perpecahan itu adalah sesat dan azab.

وَدِينُ الله في الأرضِ وَالسَّماءِ وَاحِدٌ، وهُو دينُ الإسْلاَمِ، قال الله تعالى ﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ﴾[آل عمران:19]، وقال تعالى ﴿وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾[المائدة:3].

104. Agama Allah di bumi dan di langit adalah satu/sama, iaitulah agama Islam sebagaimana firman Allah (bermaksud); “Sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam” (surah Ali Imran, ayat 19) dan firmanNya (bermaksud); “Dan Aku (Allah) telah meredhai untuk kamu semua Islam sebagai agama” (surah al-Maidah, ayat 3).

وَهُو بَيْنَ الغُلُوّ والتَّقْصِيرِ، وَبَيْنَ التَّشْبِيهِ والتَّعْطِيلِ، وَبَيْنَ الجَبْرِ وَالقَدَرِ، وَبَيْنَ الأَمْنِ وَالإِيَاسِ.

105. Islam itu di tengah antara bersikap melampau dan lalai, antara tasybih (menyerupakan sifat Allah dengan sifat makhluk) dan ta'til (menghapuskan sifat Allah), antara al-jabr (menganggap manusia terpaksa sepenuhnya) dan al-qadar (menganggap manusia bebas sepenuhnya, tanpa terikat dengan takdir Allah), antara berasa aman/bebas (dari balasan Allah) dan putus asa (dari rahmat dan keampunan Allah).

فَهَذَا دِينُناً واعْتِقَادُناً ظَاهِراً وَبَاطِناً. وَنَحْنُ بُرَآءٌ إلى اللهِ مِنْ كُلِّ مَنْ خَالَفَ الَّذِي ذَكَرْنَاهُ وبَيَّنَّاهُ.

106. Maka inilah agama kami dan iktikad kami; dari zahir dan batin (kami). Kami berlepas dri kepada Allah dari orang yang menyalahi aqidah yang telah kami sebutkan dan kami jelaskannya tadi.

وَنَسْأَلُ اللهَ تَعَالَى أَنْ يُثَبِّتَنَا عَلَى الإيمانِ، ويَخْتِمَ لَنَا بِهِ، وَيَعْصِمَنَا مِنَ الأَهْوَاءِ المُخْتَلِفَةِ، والآرَاءِ المُتَفَرِّقَةِ، وَالمَذَاهِبِ الرَّدِيَّةِ، مِثْلَ المشبَّهَةِ، والمعْتَزِلَةِ، والجَهْمِيَةِ، والجَبْرِيَّةِ، والقَدَرِيَّةِ وَغيْرِهم، مِنَ الَّذِينَ خَالَفُوا السُّنَّةَ والجَمَاعَةِ، وَحَالَفُوا الضَّلالَةَ, ونَحْنُ مِنْهُم بَرَاءٌ، وَهُمْ عِنْدَنَا ضُلاَّلٌ وأَرْدِيَاءُ. وَبِاللهِ العِصْمَةُ وَالتَّوْفِيقُ.

Kami memohon kepada Allah agar Dia meneguhkan perdirian kami

di atas iman, menamatkan hidup dengannya, memelihara kami dari hawa-hawa nafsu yang bermacam-macam, dari pandangan-pandangan yang berselerak dan dari mazhab-mazhab aqidah yang rendah seperti musyabbihah, muktazilah, jahmiyah, jabariyah, qadariyah dan selain mereka, iaitu dari orang-orang yang menyalahi as-sunnah dan jamaah dan bersekutu dengan kesesatan. Kami berlepas diri dari mereka kerana mereka pada kami adalah golongan sesat dan rendah/hina. Hanya dengan pertolongan Allah kita terpelihara dan mendapat taufiq.

Selesai terjemahan pada hari Isnin 29 Jamadil Awwal 1435 Hijrah, bersamaan 31 Mac 2014, jam 3.00 petang

–وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم، والحمد لله رب العالمين–